

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)



MESYUARAT KETIGA

PENGGAL KETIGA

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020

SHAH ALAM, 05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

TIDAK HADIR (Dengan Maaf)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Salim Bin Soib @ Hamid, D.S.D.K., P.K.T.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nurul Liana binti Musa
Pelapor Perbahasan

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)

Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat Pagi dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 5 November 2020 dimulakan dengan bacaan Doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya yang ke 40.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : HUTAN SIMPANAN KEKAL KUALA LANGAT UTARA

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan perkembangan terkini berkenaan dengan masa depan Hutan Simpanan Kekal Kuala Langat Utara pada masa sekarang?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Merujuk kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, status dan perkembangan terkini Hutan Simpan Kuala Langat Utara adalah sedang melalui proses penyiasatan awam bagi cadangan penyahwartaan di mana bantahan-bantahan awam secara bertulis telah pun diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama tempoh 30 hari bermula 5 Februari 2020 dan tamat pada 7 Mac 2020. Seterusnya, satu sesi penyiasatan awam iaitu (*Town Hall Session*) telah diadakan pada 28 dan 29 September 2020 bagi memberi peluang kepada Kerajaan Negeri untuk mendengar dan mengumpulkan pandangan serta bantahan secara lisan mengenai cadangan penyahwartaan hutan simpan tersebut.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Dalam kes Hutan Simpan Kuala Langat Utara, proses penyahwartaan masih di peringkat Laporan Penyiasatan Awam. Justeru itu, tiada sebarang keputusan dibuat berkaitan penyahwartaan tersebut. Sekian.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya mengulangi pendirian saya untuk tidak bersetuju dengan proses pengeluar wartaan ini. Soalan saya ialah berapa lama ini lagi proses ini akan selesai dan apakah adakah pendapat yang juga pandangan dari pelbagai pihak akan diproses dan juga dibentangkan ke Dewan yang mulia ini untuk rujukan awam. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Kita masih buat masa ini kita masih menunggu. Menunggu laporan yang di akan disiapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di mana kita akan mengambil pandangan semua pihak termasuk orang kemungkinan orang asli, penduduk tempatan, badan bukan kerajaan yang telah pun dijemput semasa sesi *Town Hall Meeting* dan kita akan mendengar dan saya rasa di mana cadangan untuk di mana Jawatankuasa Penyiasatan Awam akan mengadakan mesyuarat selepas dapat laporan yang lengkap. So, buat masa ini kita tak dapat tarikh lagi untuk mengadakan mesyuarat lagi kerana laporan itu masih belum disiapkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya lagi satu soalan spesifik iaitu sama ada dalam kaedah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, satu tarikh akhir akan ditetapkan secara *statutory* dalam kaedah itu untuk melengkapkan proses ini? Sekiranya tidak ada ia mungkin akan mengambil masa yang tiada had, terlalu lama. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ya, untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak ada satu tarikh spesifik yang dinyatakan. Di mana kita kena dapat pandangan daripada semua pihak. Untuk makluman Yang Berhormat di mana Jawatankuasa Penyiasatan Awam di akan dipengerusikan oleh saya dimana timbalan adalah portfolio daripada infrastruktur dan semua melibatkan semua ketua pengarah, Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pengarah Jabatan Kerja Raya, sekali Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Pengarah Lembaga Urus Air Selangor, Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, UKM, dan juga Dekan Fakulti Perhutanan Alam Sekitar, UPM dan Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara,

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

PERHILITAN. Semua ini akan kita akan panggil untuk kita buat satu mesyuarat jawatankuasa khas untuk *go through* setiap cadangan, setiap bantahan yang kita terima daripada semasa *Town Hall Meeting* tu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Saya antara satu daripada pembantah untuk nyahwartakan hutan ini tapi saya tidak dipanggil untuk pendengaran awam. Dan mengikut laporan, media ramai pun tidak dipanggil untuk pendengaran awam. Adakah pendengaran awam kali kedua akan dilakukan untuk memanggil mereka yang membantah tetapi tidak dipanggil?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Tidak. Kita tidak akan panggil yang kali kedua kerana kita sebenarnya terima lebih kurang lebih 45,000 bantahan. So, kerana pandemik COVID-19 ni kita tak boleh panggil satu persatu. Kita *classify* ikut kategori bantahan. Dan kita ada panggil bagi keutamaan kepada komuniti setempat dan kita bagi keutamaan kepada ADUN-ADUN yang kawasan. Di mana saya rasa Yang Berhormat Banting, Yang Berhormat Sekinchan, Sijangkang juga dijemput untuk bantahan semasa bantahan. Saya rasa Yang Berhormat Banting dan Sijangkang telah pun memberi bantahan semasa dalam *Town Hall Meeting* tu dan ADUN dari Bukit Lanjan juga dijemput. Dan kita jemput semua yang datang. Tapi oleh kerana, kerana bantahan tu terlalu lama, terlalu ramai so, kita terpaksa mengikut kategori so, saya rasa kemungkinan tercicir daripada ADUN Bukit Gasing tak dapat datang ya. Bukan tak dapat datang tetapi tak dijemput. Sekian.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, Soalan tambahan. Boleh?

TUAN SPEAKER : Ya, Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih. Saya ingin bertanya pada EXCO, sebenarnya saya ini juga tidak dapat jemputan dan saya ingat Yang Berhormat Banting pun tak dapat jemputan kalau tak silap saya dan Bukit Lanjan pun tak dapat jemputan. Cuma saya memohon pada hari sebelum tu bila saya dapat makluman kata hari pertama, hari Isnin tidak ada seorang pun saya dimaklumkan yang hadir dalam sesi pendengaran awam ni. Dan saya tak tahu, tak pasti apa sebabnya. Ada yang dapat, saya dapat makluman kata tak ada yang dapat jemputan dan sebagainya. Padahal hari pertama itu adalah untuk individu, hari yang kedua tu adalah untuk NGO, wakil-wakil tempatan dan kebetulannya orang Asli datang dan dibenarkan oleh EXCO untuk hadir sama. Saya nak minta penjelasan itu dan begitu juga soal saya ingat kita pun tertanya-tanya sebenarnya berapa jumlah hektarnya sebenarnya dalam surat yang selepas saya minta untuk hadir sama ada surat

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

jemputan 931 hektar dan kemudian yang dimaklumkan oleh EXCO pun berbeza dalam surat jemputan itu pun muka surat pertama dengan muka surat kedua jumlah yang nak dinyahwartakan itu pun berbeza, keluasannya dan apabila Yang Berhormat EXCO berucap pun jumlahnya pun berbeza. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Pada hari pertama kita menjemput seramai 80 orang individu. Kita bagi surat jemputan, e-mel tapi kita tak boleh mengawal mereka, mereka pilih untuk tidak mahu datang, kita tak boleh paksa mereka juga. Sebab mereka ada yang kata mereka akan datang hari kedua. So, kita bagi peluang. Di mana hari kedua termasuk juga individu-individu yang datang untuk bagi bantahan. Kita tak *stop* mereka. Kita bagi ruang yang secukupnya. Dan untuk jumlah sebenar yang cadangan untuk mengeluarkan menyahwartakan Hutan Simpan Kekal ini adalah 2,400 ekar termasuk lebih kurang 150 ekar yang kita cadangkan untuk nyahwarta untuk kepada orang asli. Orang asli yang sedia ada. Di mana pada dulu zaman dulu masa pemilihan KLIA ke Besut Baru tu orang Asli Besut Baru mereka hanya dapat janji 1,000 ekar tetapi mereka hanya dapat 850 ekar. So, sekarang kita memenuhi syarat itu untuk nyahwarta 150 ekar kepada Besut Baru supaya mereka dapat 1,000 ekar yang sedia ada.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 41. Terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR (N42 MERU)

TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR MERU DI DALAM BUDGET 2020

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah projek-projek yang telah dijalankan bagi mengatasi masalah banjir seperti yang dibentangkan di dalam bajet 2020?
- b) Berapakah peruntukan sebenar kepada Meru di dalam bajet tersebut?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Meru. Yang Berhormat Meru bertanyakan berhubung dengan Projek Tebatan Banjir Meru bagi tahun 2020. Untuk makluman Yang Berhormat projek-projek yang telah

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

dijalankan ataupun sedang berjalan di Meru berkaitan dengan banjir ialah kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran Pekan Meru daerah Klang berjumlah RM10.442 Juta dan dijangka siap dan bermula pada bulan Julai 2019 dan dijangka siap pada bulan Oktober tahun ini. Mana sepatutnya siaplah pada bulan lepas dan untuk tahun ini peruntukan digunakan adalah RM 4.522 Juta yang kedua ialah Projek Tebatan Banjir Sungai Kapar Kecil Daerah Kelang yang dijangka siap pada bulan Disember tahun 2020. Yang telah bermula pada bulan Mac 2017. Projek ini kos kontraknya ialah RM 14.39 Juta dan untuk tahun 2020, RM 1.38 Juta telah digunakan. Kedua-dua projek ini dijangka dapat membantu mengurangkan tekanan tentang masalah banjir yang berlaku di kawasan Meru. Walau bagaimanapun ada lagi berapa projek yang kita telah cadangkan untuk diambil, dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah keseluruhan kawasan-kawasan bukan sahaja Meru dan kawasan sekitar. Satu ialah permohonan kepada kerajaan negeri untuk menaik taraf kolam takungan banjir Kampung Budiman. Ini sedikit sebanyak juga membantu dapat mengurangkan air yang mengalir ke kawasan di Meru. Iaitu sebanyak RM 20 Juta yang ini telah pun kita masukkan dalam projek bagi tahun 2021 dan akan bermula pada tahun 2021. Yang keduanya ialah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang kita pohon bagi pelaksanaan Projek Tebatan Banjir, Sungai Kapar Kecil dan Sungai Kapar Besar. Ini projek yang lebih besar untuk mengambil kira kawasan keperluan masa depan bagi pengurusan banjir di Daerah Kelang dan juga Petaling. Ini adalah peruntukan sebanyak RM 199.320 Juta. Ini telah dipohon kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Ok, Yang Berhormat saya nak bertanya adakah peruntukan yang disediakan untuk bajet tahun 2020 digunakan untuk pembayaran projek yang terdahulu yang lepas ataupun projek yang baru?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Peruntukan digunakan untuk projek yang telah dikhurasikan dalam bajet itu ya. Sebagai contoh tadi Sungai Kapar ataupun yang untuk Pekan Meru tadi memang digunakan untuk Pekan Meru kecuali ada kerja-kerja tambahan *variation order* (VO) dengan izin, kita akan buat tambahan tetapi itu tertakluk kepada hadnya untuk digunakan. Tetapi ini memang digunakan untuk sistem saliran dibagi Pekan Meru dan yang untuk Kapar Kecil pun memang digunakan untuk Kapar Kecil. Cuma yang menjadi masalah sekarang ini kita hadapi masalah dengan bekalan elektrik. Sebab itu walaupun projek itu dah siap, tidak dapat berfungsi lagi pam stesen pam itu kerana bekalan elektrik yang kita sedang usahakan dengan TNB untuk mempercepatkan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan ataupun ke stesen pam kita yang telah siap pada beberapa tempatlah bukan sahaja di Meru ada beberapa tempat lain yang menghadapi masalah bekalan elektrik jadi ini memang menjadi,

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

memang kalau kita *apply* bajet untuk projek itu khusus memang kita guna duit itu memang tidak boleh digunakan untuk projek-projek lain. Kerana ini akan menghadapi masalah nanti dari segi audit dan sebagainya.

Y.B TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Satu lagi soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Pada tahun lepas saya dengan Yang Berhormat sendiri membuat lawatan ke kawasan Setia Alam khususnya di kawasan pembangunan yang dibangunkan oleh pemaju di situ yang antara penyebab jadi punca limpahan air ke Meru yang menyebabkan banjir di Meru. Persoalan saya adakah pihak Kerajaan Negeri memberi peringatan ataupun membuat semakan atau pemantauan kepada pihak pemaju untuk melaksanakan arahan-arahan yang telah dibincangkan semasa pertemuan tersebut contohnya mendalamkan kolam tadahan dan sebagainya.

Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Ya, saya sudah buat dua kali melawat tempat ini dan memang di bawah isu yang kita telah pun sedia maklum di situ ialah masalah berhubung dengan pengurusan di bawah pihak PBT di mana kawasan itu adalah kawasan sempadan antara MBSA dan juga MPK dan kita pun telah berbincang dan pihak MBSA, saya dalam mesyuarat juga ada mengarahkan mengambil segala langkah perlu supaya pematuhan kepada kebenaran merancang di kawasan berkenaan dipatuhi terutama dalam aspek pengurusan kolam-kolam takungan yang di situ itu pun telah dan saya akan terus memantau dengan pihak MBSA supaya memastikan perkara ini dilaksanakan. Cuma dengan MPK, di bawah MPK saya difahamkan juga saya telah minta pihak MPK supaya memperbaiki sistem saliran dalaman untuk membantu kerja-kerja supaya sistem saliran air itu dapat bergerak dengan lebih lancar, itu yang kedua tetapi untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain masalah ini sama juga masalah orang lain. Isu sebenarnya ialah isu bila berlaku hujan lebat dan sebagainya. Air di sungai adalah lebih rendah daripada sungai untuk ke Sungai Klang. Jadi dia akan *back flow*. Isu *back flow* menyebabkan sebab itu kita wujudkan sistem pam di Sungai Kapar Kecil itu supaya untuk mengepam. Sekarang ini masalah sistem pam itu tiada bekalan sebab apa kalau berlaku hujan yang lebat kita terpaksa tutup di situ dan mengepam air daripada Meru untuk masuk ke sungai. Jadi ini yang berlaku dan saya telah minta pihak JPS meneruskan perbincangan dengan TNB untuk mempercepatkan lagi, itu akan membantu mengepam air dengan lebih cepat dengan kapasiti air yang tinggi bagi mengelakkan banjir yang berlaku di Meru. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Speaker soalan saya nombor 42.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL (N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : PENCEMARAN DI LOJI RAWATAN AIR

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat-syarikat yang menyebabkan berlakunya pencemaran loji rawatan air di Selangor?
- b) Berapakah jumlah syarikat yang telah diambil tindakan undang-undang?
- c) Nyatakan nama syarikat yang dikenakan tindakan undang-undang.

JAWAPAN:

Y.B TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Pakaian kemas hari ini nampaknya gaya *smart, handsome*. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air, LUAS dan Jabatan Alam Sekitar, JAS di Selangor telah mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat-syarikat yang menyebabkan pencemaran loji rawatan air di Selangor. Bagi tempoh daripada tahun 2017 sehingga kini sebanyak 8 buah syarikat telah diambil tindakan undang-undang dan nama-nama syarikat adalah seperti berikut. Untuk bagi Loji Rawatan Semenyih terdapat 4 syarikat telah pun di hadapkan ke mahkamah dan telah pun ada keputusan. Yang pertama pada tahun 2017 nama premis Lim Poh Keong pemilik peniaga tunggal Twin Lim Tyre Recycle Services, telah diambil tindakan saman telah difailkan di Mahkamah Sivil Seksyen Shah Alam pada 15 September 2017 bagi menuntut semula perbelanjaan terhadap pembersihan yang telah pun dikeluarkan oleh LUAS sebanyak RM 205,243.00. Hukuman perintah kebankrapan telah pun diperoleh pada 1 Julai 2020 terhadap defendan kerana kegagalan membayar hutang yang dituntut. Yang kedua tahun 2017, Wong Voon Tee, pemilik peniaga tunggal Leiko Recycle, pertuduhan telah pun di faikan di Mahkamah Jenayah Seksyen di Kajang di bawah Seksyen 79(1)(d) Enakmen LUAS 1999. Tindakan saman dan pertuduhan telah di tarik balik kerana orang kena saman telah melarikan diri ke China semasa penangguhan. Perbicaraan pada November 2017, seorang ini tidak dapat dikesan. Tiga, tahun 2019 Ngo Chew Hong, Oils and Fats (M) Sdn. Bhd, kesalahan dibawah Seksyen 79(1)(d)

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Enakmen LUAS 1999, surat arahan dibawah Seksyen 121(1) Enakmen LUAS 1999 telahpun dikeluarkan pada 3 Julai 2019 dan yang keempat tahun 2019 iaitu tahun lepas, Indah Water Konsortium IWK Sdn. Bhd. Pertuduhan dibawah Seksyen 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu melepaskan kumbahan tanpa diolah kelongkang awam seterusnya ke Sungai Semenyeh. Orang kena saman mengaku salah pada 14 Februari 2020 dan didenda sebanyak RM15,000.00. Untuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor, tahun lepas 2020 nama premis Yip Chee Seng & Sons Sdn. Bhd., surat arahan dibawah Seksyen 121 Enakmen LUAS 1999, notis arahan dan 30 kompaun dikeluarkan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dimana hukuman adalah RM60,000.00 nilai kompaun. Yang Kedua tahun 2020 nama Syarikat Roca (M) Sdn. Bhd., surat arahan dibawah Seksyen 121 Enakmen LUAS 1999, notis arahan dan 10 kompaun dikeluarkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sebanyak RM20,000.00 nilai kompaun telah pun dihukum. Yang ketiga, yang berlaku pada tahun ini 2020 juga Bengkel Yip Chee Seng & Sons Sdn. Bhd. Premis yang membuat penyelenggaraan jentera berat dimana dituduh dibawah Seksyen 430 Kanun Keseksaan Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Dan juga keempat, tahun 2020 yang berlaku dua hari yang lepas iaitu Bengkel Fg Autopart juga dibawah tuduhan Seksyen 430 Kanun Keseksaan dan juga Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kedua-dua ini untuk Seksyen 430 kalau disabitkan kesalahan akan dipenjara tidak kurang daripada 5 tahun ataupun penjara sehingga 30 tahun dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 25(3), kalau disabit kesalahan akan didenda sebanyak RM150,000.00 dan penjara 5 tahun ataupun kedua-duanya sekali. So, selain daripada itu insiden pencemaran sungai yang menyebabkan henti tugas di Selangor sukar diambil tindakan undang-undang kerana kebanyakkan kes pencemaran utama yang melibatkan pencemaran bau tidak ditemui siapa yang melakukannya dan melibatkan kegiatan vandalisme seperti membuang bahan terlarang ke ruang kumbahan *main hole* dan Sistem Pembentungan Air IWK. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker, Ijok ingin hendak tanya pada Yang Berhormat EXCO kalau lah kilang mencemarkan air berulang kali selalu di kompaun adakah tindakan rampas tanah ataupun tempat itu kalaualah syarikat ini berulang kali mencemarkan. Ada atau tidak situasi yang tanah telah dirampas?

Y.B TUAN HEE LOY SIAN : Untuk makluman Yang Berhormat Ijok, untuk Kilang Yip Chee Seng & Sons Sdn. Bhd. kita sedang ambil tindakan untuk merampas tanah kerana bengkel itu adalah bengkel haram yang tidak berlesen. Yang untuk makluman semua sebenarnya yang mencemarkan sungai ini kebanyakkan kilang yang berlesen bukan yang haram. So, saya rasa banyak orang ada tanggapan yang silap kata kilang haram itu boleh selalu mencemarkan sungai. Tidak, yang mencemar sungai ada dalam data itu adalah semua kilang yang berdaftar dan berlesen. So, itu yang kita

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

ambil tindakan dan kita tidak bertolak ansur. Kalau dia melanggar undang-undang sedia ada kita akan menggunakan proses Seksyen 7 Akta dimana kita akan merampas tanah itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Air tawar.

Y.B TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya seperti mana yang kita ketahui kilang haram adalah salah satu punca di mana pencemaran loji air berlaku. Jadi soalan saya, berapakah jumlah kilang haram yang diputihkan? Sekiranya ada, mohon dinyatakan dan saya juga hendak bertanya adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperketatkan kawalan di loji rawatan air serta juga memperketatkan ataupun mengazetkan sungai-sungai yang membekalkan air ke loji rawatan air agar ia menjadi kawasan larangan?

Y.B TUAN HEE LOY SIAN : Yang soalan pertama, apa soalannya?

Y.B TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Pertama saya sekiranya ada kilang-kilang haram yang menjadi punca. adakah pihak Kerajaan mempunyai senarai yang daripada haram ingin diputihkan.

Y.B TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Air Tawar. LUAS ada senarai inventori yang lengkap di mana sebahagian sungai 50 meter kedua-dua belah telah pun di gazetkan tidak ada penempatan kilang dibenarkan yang kita inventori dan kita telah pun memberikan maklumat kepada setiap PBT untuk mengambil tindakan. Seperti saya nyatakan tadi sekarang tiada masalah tentang kilang haram, tidak yang bagi masalah sekarang ini kilang yang berdaftar, berlesen. Kita telah pun berusaha untuk memindahkan menutupkan kilang haram sebelum itu dan nampaknya usaha kita berjaya. Hanya kita macam mana hendak mengawal kilang sedia ada kerana mereka perlu mematuhi segala kerana mereka hendak melepaskan efluen kena ikut kawalan daripada Jabatan Alam Sekitar di mana JAS sentiasa mengawal sportcheck kilang-kilang sedia ada di bawah inventori mereka. So, ini usaha yang kita jalankan setiap hari, setiap bulan dan juga kawalan 24 jam di lembangan sungai setiap hari. Semasa Yang Berhormat tidur mereka sedang membuat kerja rondaan pasti dijalankan. Sebab itulah kita memang mengambil berat tentang isu air yang mengatakan Kerajaan Negeri tidak buat kerja itu silap, kita sentiasa berusaha untuk memastikan air sungai kita tidak tercemar, air kita akan disalurkan bersih kepada setiap penghuni rumah di Selangor. Sekian.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker, soalan Ijok nombor 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI DI SELANGOR

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengkaji teknologi terkini dalam pencegahan awal masalah pencemaran air di Selangor ?

JAWAPAN:

Y.B TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Saya rasa jawapan ini telah pun dikemukakan semasa penggulungan oleh EXCO Infrastruktur dan saya, tetapi saya akan sebut sekali lagi. Sudah menjadi, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air. Kerajaan Negeri juga bertindak aktif untuk mengkaji dan melihat teknologi terkini dalam pencegahan awal masalah pencemaran sumber air. Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal, *early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu. Di samping itu, Kerajaan Negeri turut melihat teknologi terkini yang ada di pasaran seperti penggunaan teknologi *drone* untuk membantu meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan. Beberapa kaedah rawatan seperti rawatan menggunakan *diatom* juga sedang dilihat kesesuaianya dalam menurunkan bahan pencemar dalam sumber air. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor turut terlibat menganggotai Jawatankuasa Kajian Pencemaran Bau di Malaysia yang diurus setia kan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air iaitu KASA yang akan dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia iaitu NAHRIM. Skop cadangan kajian turut melibatkan cadangan instrumen pemantauan bau di samping penetapan had piawaian nilai ambang pencemaran bau di sumber air. Sekian.

TUAN SPEAKER : Soalan Tambahan: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Ijok ingin nak tahu, bilakah inisiatif-inisiatif yang akan dimulakan? Kita tak boleh tunggu lama-lama. Tadi Y.B. EXCO telah menghuraikan semua. Yang kita mahu ialah pencegahan, bagaimanakah, adakah inisiatif untuk kenal pasti pencemaran yang mula berlaku dan kita nak tahu *is it* dari

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

segi pemantauan, *is it real time* atau *ad-hoc*? Datang sehari sekali, tengok. Ini lah kita nak tahu.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Saya rasa jawapan ini telah pun dibagi oleh EXCO Infrastruktur di mana sumber air dan juga empangan-empangan sepatutnya di bawah EXCO Infrastruktur dan kaedah-kaedah yang telah saya nyatakan,

TUAN SPEAKER : Tidak perlu ulang balik lah.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Di mana sumber air dan juga empangan-empangan sepatutnya di bawah EXCO Infrastruktur dan kaedah-kaedah yang telah saya nyatakan, telah pun mula, telah pun *start* dah, di mana *drone* telah pun *start* pada bulan November di mana kita akan gunakan *real time monitoring* bukan secara *ad-hoc, real time* dan untuk sistem terimetri kita sedang jalankan, terutama pemantauan 24 jam pantas, skop pantas, kita telah pun memberi peruntukan untuk tambah tenaga kerja. Di mana tenaga kerja ditambah sehingga sampai 36 orang. Kita harap ada setiap malam ada 4 hingga 6 *squash* untuk buat rondaan dan buat kajian air dan *drone* juga untuk masuk ke tempat-tempat terpencil untuk dapat sampel air, kaji sampel air supaya air kita tidak tercemar. So, ini kita semua kita sedang jalankan. Rawatan untuk Sungai Gong kita akan mulakan segera di mana peruntukan-peruntukan yang diberi semasa bajet untuk tahun hadapan RM200 Juta setelah dipersetujui dan diluluskan selepas jawatankuasa, kita akan *start* serta-merta. Semua ni kita akan jalankan serentak.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Kerana perbincangan kita hebat tentang pencemaran bau semalam, saya nak tanya apakah bezanya pencemaran biasa dan pencemaran bau dari segi hukuman dalam Akta Parlimen?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Apa itu? Hukuman?

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Adakah beza hukuman-hukuman, denda dan sebagainya terhadap kesalahan yang dilakukan di atas pencemaran biasa dan pencemaran kategori bau.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Kelang. Sama juga. Dia tetap mencemarkan sungai. Hukumannya tetap sama. Di mana kadang-kadang kita ada masalah kerana semasa pencemaran bau ini dia lebih rumit untuk dikesan kerana terutamanya tempat-tempat yang tercemar ini terletak lebih 60km daripada muka sauk. Semasa orang kita nak buat pemantauan dan *checking* dia kena *one by one*, setiap kilometer. So ini memang mengambil masa yang lama. Untuk hukuman, memang sama. Siapa-siapa yang mencemar sungai, tak kira bau ke kimia ke, tetap juga hukuman tetap sama.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 44.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM SELANGOR

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status perlaksanaan pelan induk pengangkutan awam Selangor?
- b) Adakah pelan ini akan diperbaharui dengan perkembangan pengangkutan awam dan rancangan gunatanah terkini?
- c) Adakah Kerajaan Negeri telah meminta bantuan Bank Pembangunan Antarabangsa seperti Asian Development Bank untuk tujuan ini

JAWAPAN:

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker, untuk makluman Y.B. Bukit Gasing, Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) yang mengandungi perancangan dalam pembangunan pengangkutan awam, khususnya berdasarkan rel telah mengenalpasti 12 cadangan koridor laluan pengangkutan awam yang paling optimum untuk Negeri Selangor. Namun, pelaksanaannya memerlukan kos pembinaan yang tinggi dan penglibatan daripada pelbagai pihak terutamanya agensi pelaksanaan pengangkutan yang berkaitan khususnya di peringkat kerajaan persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri telah pun menyenaraikan cadangan 12 koridor tersebut di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 kepada Kementerian Pengangkutan untuk dipertimbangkan. Buat masa ini tiada rancangan untuk memperbaharui pelan tersebut memandangkan ianya merupakan pelan jangka panjang kerajaan negeri untuk mencapai hasrat dalam meningkatkan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian dengan nisbah 60:40 menjelang tahun 2035.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Y.B. EXCO, memang pelan jangka masa panjang dan memang pelan yang mahal dan rumit. Adakah kerajaan negeri akan memulakan siri-siri mesyuarat dengan semua agensi persekutuan yang berkenaan demi menggerakkan pelan ini ke hadapan?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Sebelum cadangan dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan bagi Rancangan Malaysia Ke-12, sebenarnya sudah banyak siri perbincangan bersama agensi yang berlainan termasuk *consultant* sebelum cadangan ini dikemukakan untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Tuan Speaker soalan saya No. 45.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI (N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : MUZIUM SEJARAH KUALA SELANGOR

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pengunjung datang ke Muzium Sejarah Kuala Selangor?

- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan peruntukan bagi menaiktaraf infrastruktur serta bahan sejarah dan Warisan untuk dipaparkan di Muzium Sejarah Kuala Selangor?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH : Terima kasih Tuan Speaker. Jawapan soalan bagi Y.B. Bukit Melawati. Sukacita dimaklumkan bahawa seramai 259,994 pelawat yang telah ke Muzium Sejarah Kuala Selangor pada tahun 2019. Ia merupakan jumlah tertinggi di antara kesemua muzium yang ada di Selangor. Bagi mempertingkatkan lagi jumlah kehadiran pelawat, kerajaan negeri melalui agensinya iaitu Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah melaksanakan program bersepadu bagi membangunkan kawasan pelancongan di Bukit Malawati.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

PADAT telah mengambil inisiatif untuk membangunkan keseluruhan produk-produk warisan yang ada di kawasan bukit Malawati. Beberapa projek telah siap di antaranya merupakan :

1. Konservasi tangga seratus,
2. Menaiktaraf laman budaya yang akan menempatkan pertunjukan kesenian setiap hujung minggu
3. Melaksanakan konservasi bangunan Muzium Permainan Tradisional, serta PADAT juga sedang membuat pengisian yang akan dibuka pada Jun 2021.

Program konservasi Tugu Perang Dunia Kedua di Pekan Lama Kuala Selangor, di mana ramai yang masih tidak menyedari kewujudan tugu ini dan akhirnya sekali menaiktaraf Kota Tanjung Keramat. Melalui berbagai program dan juga produk warisan yang ditawarkan ini, pakej pelancongan akan ditawarkan dijangka akan menarik lebih ramai pelancong di kawasan ini, dan secara tidak langsung juga akan ramai melawat ke Muzium Sejarah Kuala Selangor. Bagi Muzium Sejarah, PADAT juga lebih fokus untuk membahagikan kepada lokasi yang berkaitan dalam daerah Kuala Selangor.

Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, Pihak PADAT melalui kerjasama dengan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) sentiasa melaksanakan beberapa program menaiktaraf infrastruktur di kawasan Bukit Malawati. Selain dari program-program yang telah dinyatakan tadi, pihak kami akan memperbanyak lagi tempat perhentian sementara di sekeliling bukit, bertujuan untuk menunggu tram dan ianya juga akan dijadikan tempat istirahat dan berteduh apabila berlaku hujan. Bagi pembangunan Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor, PADAT telah membuat pengumpulan dan perolehan artifak yang berkaitan Sejarah Kuala Selangor seperti matawang Sultan Ibrahim, yang memeritah Selangor dalam tahun 1778 – 1826, copp-cop mohor, perjanjian-perjanjian, pinggan mangkuk dan sebagainya. Program menaiktaraf Muzium Sejarah akan dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022. Adalah diharapkan dengan segala usaha ini Kuala Selangor akan menjadi salah sebuah daerah yang popular sebagai destinasi pelancongan sehingga ke peringkat antarabangsa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Y.B. EXCO, saya ucapkan berbanyak terima kasih atas perhatian yang diberikan kerajaan negeri kepada warisan dan sejarah di Bukit Melawati. Sesungguhnya Kuala Selangor ini memang kota sejarah dan banyak yang perlu kita lakukan untuk generasi akan datang supaya tahu asal-usul Negeri Selangor. Cuma saya lihat dalam beberapa perancangan pihak PADAT atau kerajaan negeri tidak dimasukkan beberapa premis yang tidak digunakan seperti bangunan Rumah Jurutera JPS yang

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

terletak di atas Bukit Melawati itu sendiri. Mungkinkah ada perancangan yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang?

Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH : Tuan Speaker, antaranya kita ada merancang di mana Rumah Jurutera Jabatan Pengairan Saliran (JPS) akan diubahsuai menjadi Muzium Monyet iaitu muzium yang pertama bukan sahaja di Malaysia tetapi di dunia. Untuk makluman terdapat 22 spesis monyet di Malaysia dan 8 spesis monyet yang masih aktif di Kuala Selangor. Jadi saya berharap dengan wujudnya muzium ini akan memeriahkan lagi pelancongan di Bukit Melawati khusus untuk Y.B. Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih, itu dipanggil “*Silver Leaf Monkey*” very popular di Malaysia. Terima kasih, Y.B. EXCO.

Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH : Sama-sama kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya ucapkan tahniah kepada EXCO memang itu idea yang sangat baik, kerana di antara monyet-monyet itu ada yang berbudi bahasa yang tinggi, sopan, yang tidak tahu tu suruh pergi.

TUAN SPEAKER : Monyet tidak boleh jawab dalam ni ya.

TUAN SPEAKER : Seri Kembangan? Tidak hadir.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Soalan saya No. 47.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN (N15 TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN NEGERI SELANGOR

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif yang Kerajaan Negeri bakal lakukan bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan lebih-lebih lagi disebabkan oleh pandemik yang membataskan pergerakan dan pengambilan baru untuk bekerja

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

JAWAPAN:

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, terima kasih juga Y.B. Taman Templer. Saya mohon izin untuk menjawab soalan berkaitan dengan pengangguran ini bersamaan dengan soalan Kg Tungku (Soalan 104), Soalan Y.B. Sungai Burung (Soalan 137), Soalan DUN Teratai (Soalan 156 (A) dan Soalan Kota Damansara (Soalan 160) dan Soalan DUN Semenyih (Soalan 287). Banyak soalan-soalan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian berkaitan dengan pengangguran antara isu yang dibahaskan atau dibincangkan sekarang ini kerana akibat daripada impak COVID. Apakah inisiatif kerajaan negeri di kalangan para penganggur graduan kerana impak COVID ini.

Kadar pengangguran yang direkodkan berdasarkan Survey Tenaga Buruh (STB) iaitu penganggur bermaksud mereka yang tidak bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Bilangan penganggur di Selangor dari tempoh 2008 hingga 2019 adalah di antara 62,400 orang sehingga 107,400 orang. Sementara kadar pengangguran yang telah direkodkan adalah di antara 2 peratus sehingga 3.6 peratus. Berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 yang telah berlanjutan dalam tempoh Suku Tahun Kedua dan sehingga hari ini telah berlaku pengurangan dalam bilangan penduduk yang bekerja dalam tempoh tersebut. Dalam masa yang sama bilangan penganggur di Selangor telah naik kepada 161,300 orang yang mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 4.6 peratus. Demografi pengangguran di Negeri Selangor adalah seperti berikut, iaitu statistik belia di antara 15 hingga 30 tahun – menganggur dan kadar pengangguran Malaysia berdasarkan Negeri Selangor Suku Tahun Kedua 2020 iaitu bagi Negeri Selangor, pada tahun 2019 kadar pengangguran 75,900 manakala di Malaysia 416,000 tetapi bagi Suku Tahun Kedua 2020 kadar pengangguran belia yang menganggur adalah 108,000 dan di Malaysia 544,700 kadar pengangguran di Negeri Selangor adalah 100,000 bersamaan dengan 8.9 peratus. Berdasarkan survey tenaga buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia kadar pengangguran belia yang berumur 15 hingga 30 tahun di Negeri Selangor adalah 61 peratus dengan jumlah pengangguran belia 75,900 orang dan kadar ini meningkat kepada 89 peratus pada Suku Kedua dengan jumlah 100,000 orang penganggur. Pelaksanaan kita, apakah tanggungjawab kita dan apakah yang kita akan buat, antara asas program yang kita utamakan adalah Program Selangor *Job Fair*.

Walaupun kita dikenakan dengan tempoh Perintah Kawalan, tetapi kita masih merancang untuk mengadakan program ini berdasarkan tatacara pengendalian SOP yang telah diluluskan oleh MKN dan Selangor Task Force COVID-19. Sebanyak 60 majikan yang telah kita pilih bagi menjadi karnival kerjaya yang kita cadang baru-baru ini, dengan peluang pekerjaan sebanyak 6,832 peluang pekerjaan. Jumlah pencari kerja yang telah membuat pra pendaftaran dalam program kita baru-baru ini adalah sebanyak 9,969 orang. Namun begitu, Selangor Job Fair ini terpaksa kita tunda berikutan peningkatan jumlah penularan COVID-19 pada waktu itu. Program ini, kita

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

akan sambung semula dan kita akan turun di daerah-daerah dengan cara *Job Fair by Invitation* iaitu mereka-mereka yang mendaftar, kita akan pastikan syarikat yang mereka mahukan, kita akan kumpulkan mereka yang memohon bagi syarikat ini, dan kita akan tetapkan mereka ini secara temujanji dalam program tersebut. Jadi ini bersesuaian dengan langkah kita sempena Job Fair 2020 dalam skala kecil dan kita akan pastikan SOP ini dipatuhi. Dan untuk makluman Yang Berhormat- Yang Berhormat sekalian, antara tarikh yang kita telah cadangkan untuk kita turun ke daerah, iaitu pada 15 November di Kuala Selangor, pada 21 November di daerah Gombak, 22 November di daerah Petaling, 29 November di Hulu Langat dan 5 dan 6 Disember kita akan kembali ke SACC Shah Alam.

Dan program ini adalah dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor dan memastikan sekali gus penyertaan majikan yang layak dan dapat menyediakan pekerjaan-pekerjaan yang telah disediakan, kita minta rakyat diluar sana, para belia untuk terus melawati sesawang jobmalaysia.gov.my bagi mendaftarkan diri mereka supaya kalau mereka tidak berdaftar, kita tidak akan membernarkan sama sekali masuk, sebab kita tidak mempunai pilihan kalau kita buka secara umum , kita akan dihentikan program kita ini oleh Majlis Keselamatan Negara. Jadi kita tidak iklan melainkan rakyat Selangor mestilah berdaftar di sesawang kita untuk memastikan mereka dapat tempat dalam temuduga dalam Job Fair kita.

Di antara inisiatif lain yang kita adakan ialah inisiatif Roda Darul Ehsan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar baru-baru ini dengan jumlah RM2 Juta. Dan objektif kita adalah menggalakkan lebih ramai penyertaan anak muda dalam gig ekonomi dan membantu sekali gus membantu menjana pendapatan mereka terutamanya mereka yang berada di luar bandar. Pada kali ini untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kita akan fokus *e-hailing* di peringkat luar bandar. Kita harapkan belia-belia diluar menyambut program kita ini, sebab ini adalah antara cara kita nak pastikan belia-belia kita ini berada di kawasan masing-masing. Dengan cara subsidi memilih 3,000 orang anak muda Selangor berumur diantara 17 hingga 30 tahun dan pemberian subsidi ini adalah sebagaimana disebut semalam adalah subsidi lesen memandu secara percuma dan peluang menceburkan bidang penghantaran *e-hailing* bagi kawasan sendiri.

Jabatan Tenaga Kerja Selangor juga melaporkan bermula dari 01 Januari hingga 30 September seramai 9,423 pekerja telah diberhentikan kerja mereka, yang merangkumi 8,165 orang pekerja tempatan dan 1,250 prang pekerja asing. Jobs Malaysia pula telah merekodkan seramai 1,803 orang pencari kerja telah mendapat pekerjaan melalui platform *jobdating* ataupun padanan kerja yang telah bermula dari 01 Januari hingga 30 Sepetember. Maknanya menjawab persoalan apakah bilangan yang telah diberhenti kerja itulah dia 9,423 orang yang telah diberhentikan kerja. Apakah sektor pekerjaan yang terlibat? Berdasarkan data dikeluarkan di laman sesawang PERKESO di dalam laporan tinjauan pekerjaan *state employment report* Julai 2020 di Negeri Selangor, terdapat lebih 20 sktor pekerjaan direkodkan terlibat

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

dengan *loss of employment* dengan izin dan diantara sektor yang paling terkesan adalah sektor pembuatan, sektor pembinaan, sektor borong dan peruncitan, sektor profesional dan teknikal, sektor penginapan dan sektor makanan dan pengangkutan. Lalu, ini lah impak daripada impak daripada COVID-19 adalah pengangguran kita yang telah menjaskan sektor ekonomi dan sosial. Antara kesan ini adalah pengurangan keluaran negara dan negeri dan pengurangan taraf hidup yang telah melibatkan pembangunan negara.

Saya ingin secara ringkasnya menyebut apakah demografi yang dibangkitkan oleh soalan-soalan daripada Yang Berhormat dalam soalan-soalan yang tadi, berdasarkan kadar demografi suku tahun 2019, yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia demografi penganggur di Negeri Selangor mengikut kategori umur, jantina dan strata adalah seperti berikut. Umur diantara 15 sehingga 24 tahun, kadar pengangguran adalah 10.3% iaitu 47,700 jumlah dia, 25 hingga 34 tahun 35,600, mereka yang berumur diantara 35 hingga 44 tahun 11,200 dan mereka yang berumur lebih daripada 45 tahun adalah 8,900 kadar pengangguran. Maka berdasarkan jadual diatas majoriti penganggur Selangor berada di dalam kumpulan diantara 15 hingga 24 tahun dengan jumlah 47,700 orang dan kadar pengangguran adalah pada 10.3%. ini diikuti oleh kumpulan yang kedua iaitu mereka yang berumur diantara 25 hingga 34 tahun dan sebanyak 35,600 orang iaitu 2.7% dan kategori ketiga terbanyak adalah mereka dikalangan 35 hingga 44 tahun yang berjumlah 11,200 orang iaitu 1.2%.

Demografi mengikut jantina, lelaki kadar pengangguran lelaki adalah 3% dan perempuan 2.8%, makna lelaki lebih ramai menganggur iaitu berjumlah 59,500 manakala perempuan 43,900. Mengikut strata kadar pengangguran di bandar iaitu 98,700 dan mereka yang berada diluar banda kadar pengangguran 4,700. Kedua-dua ini mewakili 2.9% kadar pengangguran. Berdasar jadual di atas, bandar merekodkan 98,700 lebih ramai daripada mereka yang berada diluar bandar.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Tuan Paya Jaras yang telah menjelaskan panjang lebar tentang peluang pekerjaan di Negeri Selangor dan isu-isu telah berbangkit mengenai dengan peluang pekerjaan ini. Soalan Pelabuhan Klang ialah, apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk berbincang dengan Kerajaan Persekutuan bagi menyekat kemasukan pekerja-pekerja warga asing dalam keadaan suasana ekonomi yang tidak menentu ini di sebabkan oleh masalah pandemik COVID-19 dan semalam ada lagi sebuah syarikat penggudangan yang tutup di kawasan Pelabuhan Klang dan menyebabkan ramai pekerja yang terpaksa dihentikan. Dan antara pekerja-pekerja yang dihentikan adalah pekerja-pekerja warga asing, dan kemanakah pekerja-pekerja warga asing ini nak pergi selepas ini dan kalau kita lihat di kawasan Pelabuhan Klang

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

sekarang lambakan pekerja-pekerja warga asing yang tidak bekerja ini semakin bertambah ramai yang ada permit yang tak ada permit, so banyak. Dan dalam masa yang sama juga apakah usaha Kerajaan Negeri untuk berbincang juga dengan Kerajaan Persekutuan bagi menyekat kemasukkan warga-warga asing yang masuk secara tidak sah melalui pintu-pintu masuk negara, sama ada secara depan ataupun secara pintu belakang, dan tebuk atap pun ada juga dan seperti pekerja-pekerja di gerai-gerai tomyam dan saya lihat mereka yang datang daripada Thailand ini, tidak ada permit kerja pun tetapi mereka boleh masuk. Ini yang merisaukan, so harap pihak Kerajaan Negeri boleh tolong jelaskan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Saya kira isu kemasukkan warga asing itu adalah bidang kuasa Imigresen, di luar daripada portfolio modal insan, cuma apa yang kita oleh pastikan Yang Berhormat, adalah ,mereka yang turut serta dalam *Job Fair* kita atau pun yang menerima inisiatif atau insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri adalah di kalangan mereka daripada Negeri Selangor itu sendiri. Adapun persoalan ke manakah mereka yang telah warga asing ini dibuang kerja pergi ke mana, itu saya ingat kita kena tanya Imigresen dan saya rasa inilah masa yang terbaik untuk Negeri Selangor mengurangkan kadar kehadiran warga asing ini di Negeri Selangor ini.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Maaf. Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih Tuan Speaker. Saya mendengar jawapan Yang Berhormat Exco dengan teliti dan banyak statistik-statistik diberi, saya harap bila kita kata pekerja ini merangkumi umur *standard* dia 15 tahun hingga 64 tahun, saya jangka begitulah. Tetapi ada satu statistik yang sangat penting yang digunakan berkaitan dengan Tenaga Buruh iaitu dipanggil kadar penyertaan tenaga buruh. Kalau ikut *National Level* punya dengan izin lebih kurang 68%, saya mohon Yang Berhormat Exco tumpu kepada Selangor itu sendiri, kalau kadar penyertaan tenaga buruh tinggi maka *Alhamdulillah*, syabas Negeri Selangor, dapat kita usahakan. Mohon penjelasan perkara-perkara itu pada jawapan seterusnya.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat, memang kita dari segi tanggungjawab pengangguran pekerjaan adalah tidak terhad pada umur tetapi oleh kerana soalan ini berdasarkan belia pengangguran jadi itulah jawapan dia. Jadi memang kita harap sangat program-program kita ini kita cuba memberi fokus kepada anak Selangor tetapi dalam masa sama Yang Berhormat, kita tidak boleh nak halang mereka daripada negeri-negeri jiran. Kadang-kadang bila kita buat *Job Fair* untuk makluman Yang Berhormat semua, bila kita buat program *Mega Job Fair*, mereka datang jauh dan tidur di Shah Alam, kadang-kadang tidur dalam kereta, tidur

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

di mana-mana, di masjid, untuk hadir program *Job Fair* kita. Sejauh daripada Kedah dan Johor ada juga, jadi kita nak stop daripada mereka terlibat masuk pada waktu itu, mungkin agak tidak berperikemanusiaan. Tetapi pada kali ini mereka berdaftar kita bagi masuk tak berdaftar kita tidak benarkan masuk. Dan fokus kita adalah sebagaimana Yang Berhormat Tuan-tuan dalam masa tersebut, fokus kita adalah pada anak-anak Selangor kita dan orang Negeri Selangor.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, saya ingin bertanya kepada Paya Jaras, berkenaan dengan isu *under employment* ataupun guna tenaga tidak penuh dimana Jabatan Perangkaan ada memberi definisi *under employment* dan data menunjukkan ianya telah melonjak ke 5.3% untuk *two second quarters* tahun ini. Biasanya perkara ini tidak dilaporkan sebagai pengangguran kerana mereka masih kerja, cuma waktu kerja mereka kurang daripada apa yang mereka mampu lakukan. Saya ingin bertanya, adakah Kerajaan juga ada membincang cara-cara untuk mengatasi isu *under employment* di Selangor dan kedua berkaitan dengan Roda Darul Ehsan, ada kita sedia tahu bahawa program ini baik untuk anak muda tapi penyertaan daripada belia ataupun belia wanita, belia wanita itu saya rasa tidak ramai dan apakah kita boleh melakukan sesuatu untuk mengimbangi supaya sama ada belia wanita ataupun belia lelaki, kedua-duanya boleh memanfaat. Kerana yang memohon lesen motosikal ini tak semesti, selalu nya adalah belia lelaki, belia wanita saya rasa saya tak pernah nampak pun. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Paya Jaras.

Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat menyebut *unemployment* ataupun *under employment*?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : *Under employment*.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Boleh bagi ...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ini adalah satu konsep yang pernah dikaji oleh Jabatan Perangkaan mengikut apa yang saya ada, ianya ditakrif sebagai guna tenaga, guna tenaga tidak penuh di mana seseorang itu masih kerja. Cuma dia hanya bekerja kurang daripada 30 jam satu minggu. Ada gaji tetapi kemampuan mereka, mereka boleh melakukan lebih daripada itu, cuma mereka dibayar dengan gaji yang jauh lebih rendah ataupun kapasiti mereka tidak digunakan secara langsung dan ini ada statistik, melonjak dari 2.3% pada suku pertama tahun lepas ke 5.3% pada suku kedua tahun ini.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Banting. *Under employment* makna dia masih bekerja dan masih menerima gaji, saya kira itulah antara cadangan disebut oleh Yang Amat Berhormat adalah *upskilling and reskilling*, sangat perlu pada mereka ini dan kita mengharapkan mereka ini supaya mereka memaksimumkan kebolehan dan waktu mereka itu dalam kemampuan yang mereka ada itu. Jadi program *upskilling and reskilling* sangat bagus dan kita harapkan rakyat diluar sana mengambil peluang ini untuk terus terlibat dalam program-program untuk memajukan kebolehan dan kelebihan yang mereka ada. Soalan RiDE yang disebutkan oleh Yang Berhormat Banting tentang penglibatan wanita. Wanita dalam program RiDE ini memang *by nature*, kebanyakan RiDE dipelopori oleh kaum-kaum lelaki. Walau bagaimanapun kita masih membuka dan kita rasa tidak menghadkan mereka-mereka untuk memohon. Kalau ada dikalangkan wanita kita akan bagi keutamaan sebab mereka ini dikalangkan kumpulan kecil dalam program tersebut.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Soalan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat EXCO ada menyebut tentang kadar penganggur belia lelaki lebih tinggi daripada wanita? Dan saya ingin tanya antara belia lelaki yang menganggur, berapa peratuskah yang telah berkahwin dan mempunyai keluarga muda? Itu penting sebab, sebab di kawasan Kampung Tunku juga ada keluarga di mana isteri dia, walaupun muda dia tidak sambung belajar lepas SPM dan dia tiada apa-apa pekerjaan ataupun *skill* dengan izin. Jadi, apabila suami menganggur dia mendatangkan kesan yang amat teruk kepada keluarga muda itu. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat, terima kasih banyak. Bagi saya jawapan bertulis sebab saya tiada data berapa banyak yang berkahwin, yang belum berkahwin dan tidak hendak berkahwin.

TUAN SPEAKER : Soalan kali ini kita minta Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO tentang peluang pekerjaan di negeri Selangor ini, saya masih teringat masa dahulu Rakan Muda. Rakan Muda ini apabila belia yang masuk dan diserap dan diambil bekerja di kawasan Majlis Bandaraya tersebut atau Perbandaran di negeri Selangor. Boleh tak sekiranya untuk menggalakkan PBT kita bersama, kita ambil PBT ini dan kita utamakan mereka-mereka ini untuk kita serap dalam temu duga atau apa-apa sektor sahaja?

Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Yang Berhormat Seri Setia. Saya belum mendengar ada PBT kita yang menganggur. setakat PBT kita dia *going ok*. tapi sekiranya ada, *InsyaAllah* kita akan bantu kerana mereka adalah salah satu

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

daripada jentera kita di peringkat belia. *InsyaAllah* kita akan tengok. Tapi saya belum dengar lagi ada PBT yang tidak mempunyai pekerjaan.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 48.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN (N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI PASCA COVID-19

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah kedudukan kewangan Negeri Selangor Pasca COVID-19?
 - Apakah pelan Kerajaan Negeri dalam memastikan prestasi kewangan Negeri Selangor dalam keadaan yang stabil dan sihat?
 - Apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menstabilkan kedudukan kewangan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Speaker dan Sungai Panjang atas soalan yang dikemukakan. Saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Hulu Bernam iaitu soalan nombor 64, yang bertanyakan berkenaan soalan itu dan kontak yang sama.

Saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Sungai Panjang yang menyatakan yang mengatakan secara spesifik kedudukan Kumpulan Wang Disatukan tahun 2020 merekodkan sebanyak RM2.573 Bilion ataupun secara lebih tepat RM2573.51 Juta. Jumlah ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM791.41 Juta manakala Akaun Amanah Disatukan pula adalah sebanyak RM1782.1 Juta atau lebih mudah disebut menjadi RM1.782 Juta.

Ini bermakna kita telah menerima peningkatan daripada segi rezab berbanding 1.9 Bilion ataupun 1.19 bilion pada akhir tahun 2018. Kerajaan Negeri sehingga 31 Oktober walaupun berdepan dengan Pandemik COVID-19 dan ketidaktentuan ekonomi, telah menunjukkan prestasi kewangan yang kekal stabil, dengan kutipan

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

hasil telah mencecah sebanyak RM1.993 Bilion ataupun RM1,993.35 Juta atau ia bersamaan demgam 90.61% daripada 2.2. Bilion yang disasarkan pendapatan pada tahun ini. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang responsif terhadap ketidaktentuan pasaran ekonomi domestik dengan melaksanakan instrumen kawalan perbelanjaan yang berhemah. Hasilnya Perbelanjaan Mengurus telah mencatatkan perbelanjaan sebanyak 959.15 Juta atau bersamaan dengan 80% daripada jumlah RM1.2 Bilion yang telah diperuntukkan pada tahun 2020. Manakala Perbelanjaan Pembangunan pula telah mencecah RM574.04 Juta atau bersamaan 50.67 peratus daripada jumlah RM1,333 Juta yang telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2020.

Yang Berhormat Sungai Panjang juga turut bertanyakan soalan berkenaan pelan dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada di dalam keadaan stabil. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa strategi untuk menstabilkan kedudukan kewangan Negeri Selangor. Strategi pertama ialah melalui instrumen kawalan perbelanjaan secara berhemah dan kawalan defisit. Strategi ini bagi memastikan aliran tunai Kerajaan Negeri sentiasa sihat dan berkeupayaan memenuhi keperluan tunai operasi. Strategi ini juga bagi memastikan angka defisit yang diunjurkan pada akhir tahun ini boleh dibayai oleh rezab semasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri mengunjurkan angka defisit yang lebih kecil pada akhir tahun ini berbanding dengan angka defisit sebanyak RM133 juta yang dianggarkan untuk tahun 2020.

Strategi yang kedua ialah dengan mengoptimumkan kutipan hasil khususnya cukai tanah dan premium tanah. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan di dalam meningkatkan Hasil Cukai Tanah adalah seperti berikut :

- a. Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Fasa 1 yang diumumkan pada 20 Mac 2020 telah melanjutkan tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak daripada 31 Mei kepada 30 Jun 2020 dan dalam Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Fasa 2 telah melanjutkan sekali lagi tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak dari 30 Jun kepada 31 Julai 2020. Dan orang mempunyai lebih masa untuk membayar cukai-cukai tanah dan cukai petak.
- b. Pejabat Daerah/Tanah berusaha untuk mengatasi kehilangan hasil cukai tanah dengan kutipan turun padang di kawasan-kawasan yang dikenalpasti iaitu kawasan perumahan dan tempat-tempat tumpuan awam bagi memudahkan orang ramai untuk membayar cukai tanpa perlu hadir ke Pejabat Daerah dan Tanah; dan
- c. Selain itu, usaha meningkatkan kesedaran mengenai pembayaran cukai tanah juga dilaksanakan melalui hebahan *flyers*, akhbar dan beberapa promosi yang dianjurkan daripada masa ke semasa.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Manakala meningkatkan usaha-usaha pengurusan kutipan Hasil Premium Tanah kita telah melaksanakan beberapa langkah yang berikut:

- (i) melanjutkan tempoh pembayaran premium Notis Borang 5A dan premium tambahan Notis Borang 7G sehingga 30 September 2020 bagi notis-notis yang akan tamat dan telah tamat tempoh bayaran dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Ogos 2020;
- (ii) pembayaran premium tanah secara ansuran selama 6 bulan sehingga 31 Mac 2021 kepada Notis Borang 5A dan Notis Borang 7G yang belum tamat tempoh dalam Fasa 6 PKPP (10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020); dan
- (iii) Dasar kelulusan 100 hari. Di mana dalam dasar ini kita telah meletakkan deposit dengan kadar 150% daripada nilai tanah dan kemudian daripada dasar tersebut selepas urusan tanah selesai mereka tanpa menunggu selesai sepenuhnya boleh memohon Kebenaran Merancang di Pihak Berkuasa Tempatan. Maknanya kita telah memendekkan proses pemulihan pembangunan di negeri Selangor daripada 50% daripada jangka biasa. Jangka masa biasa kalau mengikut ideal iaitu maksimum melibatkan setahun setengah ataupun idealnya 9 bulan. Dengan kaedah 100 hari ini sebenarnya kita dapat menjangkakan sekitar 3 bulan hingga 4 bulan hingga 5 bulan. 3 hingga 4 bulan kita selesaikan urusan Kebenaran Merancang di samping juga dengan kebenaran dan premium tanah. Apa akan jadi dengan bayaran 150% di dalam bentuk bank draf dan seperti ini akhirnya kita pulangkan balik sama ada dalam bentuk potongan cukai kepada pemilik-pemilik tanah di masa hadapan.

Sementara itu kita juga mengadakan *Smartbox* saya sebutkan dalam ucapan Belanjawan dan *Smartbox* itu mencatatkan 12 000 transaksi yang tak mungkin dapat dilaksanakan ketika melaksanakan proses melalui kaunter-kaunter hadapan. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. *Dropbox atau Smartbox*, Kerajaan telah mencatatkan rekod baru dari segi kutipan dan transaksi. Pada masa yang sama saya juga menerima banyak rungutan dan juga aduan daripada pembayar cukai. Melalui pemahaman mereka bahawa mereka dihadkan ke 200 transaksi sehari sahaja dari segi pembayaran. Dan itu merupakan satu yang mereka tidak faham apabila kerajaan, nak bayar kepada Kerajaan tetapi dihadkan 200 transaksi sahaja. Kuota itu biasanya habis cepat, awal pagi. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat, sama ada aduan pembayar cukai telah pun akan

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

diatasi dengan penambahan tenaga kerja dan juga penambahan kuota untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Itu soalan saya. Sekian. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Saya juga terima nota-nota dan juga teguran berkenaan kuota ini semalam, bukan sahaja daripada orang awam dan juga beberapa sebahagian Ahli Dewan negeri. Setelah saya amat-amati dan semak semalam, rupa-rupanya dasar ini berlaku atau kuota ini ditetapkan akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat disebabkan oleh 30% sahaja penjawat-penjawat awam bertugas di ibu pejabat dan bertugas semasa hari bekerja manakala yang lain *Work From Home*. Namun begitu kita amat prihatin dengan masalah ini. Mulai hari ini sebenarnya saya baru dimaklumkan tadi oleh PTG dan Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, bahawa kita membuka dengan lebih besar, dengan lebih banyak dan tidak lagi mengehadkan lagi kepada 200 kotak. 200 kotak itu bertepatan dengan jumlah tenaga kerja kita cuma 30%. Sekarang kita buka lebih banyak dan lebih luas mungkin lebih, saya pasti lebih daripada 200 mungkin sekali ganda daripada angka tersebut kerana kita memahami tentang urusan transaksi dan sebagainya. Kita faham sebahagian yang bekerja daripada rumah boleh menyemak tentang urus tadbir dan hal ini. Namun kadang-kadang mereka ada kekangan tertentu sebagai contoh *connecting* atau ke berhubungan mereka dengan internat dan kos yang perlu diambil kira. Disebabkan mereka menggunakan data-data peribadi mereka. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bagaimana dengan transaksi secara *online*? Itu bayaran kepada Kerajaan melalui portal *apps* kepada kerajaan itu pun ada kuota. Apakah masalahnya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Itulah. Itulah semua apabila kita set di sistem, sistem itu meletakkan kuota 200 untuk satu hari. Dan, semalam seawal 6.51 pagi saya mendapat makluman daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat, 6.51 pagi transaksi itu sudah penuh dan saya telah minta untuk tambah lagi supaya jumlah itu lebih banyak dan sebagainya. Sebab ia melibatkan keseluruhan sistem. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sijangkang.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Speaker, soalan saya nombor 49.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI (N51 SIJANGKANG)

TAJUK : INISIATIF PELABURAN WAAQAF

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

- a) Apakah perkembangan inisiatif yang sangat murni ini bagi membantu mengatasi kemiskinan bandar?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Sijangkang berkenaan inisiatif pelaburan wakaf. Satu perbincangan telah di antara MBI atau Menteri Besar Pemerbadanan dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan pihak MBI akan telah, MBI akan menyumbang sejumlah dana secara berperingkat. Dana tersebut akan dilaburkan melalui mekanisma pelaburan yang patuh Syariah. Dan, sebahagian hasil daripada pelaburan tersebut akan diagihkan sebagai manfaat wakaf kepada Perbadanan Wakaf Selangor. Perbadanan Wakaf akan melakukan pengagihan mengikut hukum syarak kepada kumpulan sasar yang telah ditetapkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil tidak hadir. Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya soalan 51.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI (N12 JERAM)

TAJUK : RANCANGAN PEMBESARAN KAMPUNG TRADISI

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan baru bagi pembesaran kampung tradisi?
- b) Berapa banyak projek pembesaran kampung tradisi yang menjadi isu projek pembinaan rumah terbengkalai?
- c) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu projek perumahan yang terbengkalai di Kg Bukit Kerayong (Bukit Kerayong Indah)?

JAWAPAN:

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Jeram. Jeram bertanya tentang pembesaran kampung tradisi. Saya menjawab sebab saya mantan EXCO sebab ia berkaitan dengan pembinaan aspek perumahan terbengkalai ya. Projek terbengkalai. Kerajaan Negeri buat masa ini tidak ada lagi sebarang perancangan baru atau projek pembesaran kampung tradisi. Yang mana kita nampak banyak projek pembesaran kampung tradisi yang menjadi projek rumah terbengkalai ini. Atau pun projek pembesaran kampung tradisi terbengkalai ini menjadi masalah untuk kita selesaikan akhir-akhir ini. Untuk makluman Yang Berhormat ada sebanyak 8 projek pembesaran kampung tradisi yang terbengkalai buat masa ini. Pertamanya, berada di Majlis Daerah Kuala Selangor - 2 projek iaitu 1 projek pembesaran di Desa Bukit Kerayong dan keduanya, projek pembesaran kampung tradisi di Desa Mawar. Yang keduanya, ada di Majlis Daerah Hulu Selangor, ada 4 projek. Projek Pembesaran Kampung Melayu Rasa, Projek Pembesaran Kampung Koskan, Projek Pembesaran Serendah Perdana, Projek pembesaran Kampung Desa Beringin dan akhirnya ada dua projek di Selayang iaitu Projek Pembesaran Kampung Kiai Haji Arshad dan juga Projek Pembesaran Kampung Kundang. Jadi untuk itu saya ingin menjawab perkara ketiga yang ditanya oleh Yang Berhormat iaitu berkaitan dengan projek perumahan yang terbengkalai di Kampung Bukit Kerayong. Status terkini yang dimaklumkan bahawa melalui Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai ataupun JPPT memutuskan agar kontraktor menjalankan kerja-kerja pemulihan secara berperingkat bermula dengan fasa 1 Desa 3 dan Desa 4 dengan 100% persetujuan pemilik dan siasatan tapak pada bulan Julai 2020 mendapati status projek pembinaan bagi Desa 3 dan 4 hanya mencapai 20% sahaja, 20% itu untuk isu-isu berkaitan dengan tapak dan 80% dalam pembinaan 6 yang lain tetapi dapat 5 unit rumah pemilik yang telah di baikpulih untuk jadikan rumah contoh. Jadi kontraktor itu juga gagal mendapat persetujuan 100% pemilik ingin meneruskan projek ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya projek ini saya dimaklumkan ia dilaksanakan bermula 1998, yang mana melibatkan 1,147 lot yang telah mendapat hak milik individu, walaupun projek ini tidak dapat diteruskan ataupun belum dapat selesai tetapi mereka telah dapat hak milik individu. Dalam masa yang sama pada asalnya syarikat yang ditawarkan adalah syarikat Bumi Circle Malaysia Sdn. Bhd. dan sekarang ini ia telah pun ditawarkan pada 2015 kepada syarikat Probil Industries Sdn. Bhd. ataupun PIMSB yang mana sebelum itu ditawarkan kepada KLIA apa ini kepada syarikat KLIA Premium Holding Sdn. Bhd. tetapi beliau telah pun menarik diri. Jadi maksudnya panjanglah cerita Bukit Kerayong ini tapi selepas kita tengok saya bagi maklumat tentang apa yang diputuskan atau pun didapati oleh JPPT. Majlis Daerah Kuala Selangor telah pun melalui Jawatankuasa Kecil telah mengadakan perbincangan bersama semua jabatan teknikal dan pihak kepentingan bertujuan untuk mempercepatkan pemulihan projek ini. Dan akhirnya yang ketiga Lembaga Perumahan juga berperanan bagi mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai. Akhirnya kita diiktiraf projek ini, projek terbengkalai supaya pemilik dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau mengurangkan bayaran bulanan daripada pembiayaan yang ada, yang lebih baik oleh bank. Jadi sehingga ini Yang Berhormat projek ini masih belum dapat dipulihkan oleh kontraktor

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

disebabkan terdapat isu tanah dan isu teknikal di peringkat PBT yang belum dan masih belum dipatuhi oleh kontraktor. Jadi pihak kontraktor juga dalam proses menunggu keputusan rayuan kepada pihak SPAN berhubung cadangan penggunaan septik, tangki septik individu bagi Desa 1 hingga Desa 8. Itu sahaja Yang Berhormat.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Tambahan ya.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat EXCO dan juga EXCO baru. Sebenarnya kawasan yang dimaksudkan Kerayong itu sebenarnya melibatkan 3 DUN sebenarnya, tetapi Majlis Daerah nya Kuala Selangor. Dia sebahagian daripada tapak projek itu masuk Jeram sebahagiannya Sementa, sebahagian lagi Meru. Jadi dia agak konflik sikit sebab melibatkan memandangkan projek itu pada tahun 1998, soal teknikal itu iaitu IWK dan juga sistem kumbahan yang berbeza jadi sebab itu menjadi kekangan pada developer baru. Jadi saya berharap Yang Berhormat EXCO baru mungkin boleh memberikan ruang kepada Jeram bagi membincangkan untuk membantu sebab tak ada duit yang mereka pinjam itu semunya akan jadi bankrap, iaitu peminjam-peminjam untuk perumahan itu, bank dah luluskan dulu dan jadi harap Yang Berhormat EXCO baru boleh dapat membantu untuk menyelesaikan masalah masyarakat di kawasan sana. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya rasa tidak ada soalan, tetapi lebih kepada, apa ini permintaan untuk turut bersama.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Kalau saya tanya soalan, takut jadi macam kasar sikit. Boleh ke Kerajaan Negeri dah tangguh punya lama ini, boleh kah Kerajaan Negeri selesaikan ini dalam masa terdekat? Kalau saya soalan tu.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Bagus soalan macam itu. Sebenarnya saya tunggu soalan itu, sebenarnya akan ditanya, apakah nanti sasaran kerja apakah ianya akan dibuat tindakan susulan dan sebagainya. *InsyaAllah* kita telah pun berbincang dengan pihak Lembaga Perumahan, saya memberi tempoh sehingga hujung tahun ini, untuk ada satu penyelesaian yang baik kalau tidak kita akan cuba mendapatkan kaedah yang untuk penyelesaian ini. Jadi terima kasih maklumat daripada Yang Berhormat Jeram sebab Desa 1 hingga 8 ini memang merangkumi ataupun mengena 3 ADUN yang terlibat, jadi kemungkinan juga saya juga akan panggil ketiga-ketiga ADUN untuk kita lihat bagaimana penyelesaian yang baik untuk masalah kepada 1147 pemilik-pemilik tanah ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO ada menyebut tentang projek-projek pembesaran kampung tradisi yang lain termasuk Kampung Koskan dan Kampung Rasa Melayu Rasa. Jadi terakhir, berkaitan dengan perkembangan pemulihan projek pembesaran kampung ini, adalah untuk, Kerajaan Negeri telah bersetuju membina infrastruktur hanya saya ingin tahu apakah progress tindakan ini? Adakah sudah dilantik kontraktor atau pun dan seterusnya? Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih. Kalau boleh izinkan saya bekalkan jawapan itu, saya rasa yang bertanya lebih arif daripada yang ditanya. Sebab saya baru ambil satu bulan tidak kaitan dalam soalan ini. Jadi saya mohon membekalkan keputusan itu, atau pun status terkini kepada Yang Hormat Lembah Jaya.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 52.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN (N09 PERMATANG)

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS KEPADA PBT

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pindaan kepada Garis Panduan Penggunaan Peruntukan MARRIS boleh dilakukan bagi memperluaskan penggunaan peruntukan untuk infrastruktur lain demi keselesaan dan keselamatan penduduk di kawasan perumahan.

JAWAPAN:

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Permatang. Tuan Speaker. Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) merupakan pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengikut peruntukan Perkara 109 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 3 Jadual Kesepuluh Bahagian II Perlembagaan Persekutuan menerangkan penyenggaraan Jalan Negeri ertiya pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan, jejambat atau pembetung atau longkang, yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang bersambung dengannya dengan seberapa hampir yang

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

mungkin dengan keadaan asalnya sebagaimana yang dibina atau sebagaimana yang dibaiki kemudiannya. Bagi memastikan jalan-jalan negeri, jalan-jalan kampung dan jalan pertanian dapat diselenggara dan dinaiktaraf mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan dapat memberi keselesaan kepada rakyat yang menggunakan jalan-jalan tersebut, pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan jalan di bawah peruntukan MARRIS oleh jabatan/ agensi pelaksana adalah berdasarkan kepada garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan iaitu Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri. Oleh yang demikian, sebarang usul perluasan penggunaan peruntukan MARRIS atau usul pindaan terhadap Garis Panduan MARRIS perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri di peringkat Kementerian Kewangan ataupun MOF terlebih dahulu untuk dibincangkan dan diperhalusi. Sekiranya usul tersebut dipersetujui dan ia mematuhi peruntukan perundangan sedia ada, usul tersebut perlu dibentangkan dalam Majlis Kewangan Negara untuk kelulusan sebelum ia dilaksanakan. Kali terakhir kita mendapat sedikit peluang untuk melebarkannya adalah pada kadar 15 Juta, 15 Juta itu maksimum daripada keseluruhan 400 Juta ataupun hampir 500 Juta yang kita perolehi. Walaupun ketika kita ada *request* untuk meningkat kepada 20% atau pun 15 Juta sebab angkanya adalah 20% atau 15 Juta yang mana lebih rendah memang 15 Jutalah jadinya kalau negeri Selangor tetapi tidak dapat. Jadi itu masalahnya ini kekangan kita di mana saya faham sejak daripada Dewan lagi. Di mana pembaikan, naik taraf hanya melibatkan spek yang sedia ada dan tidak boleh menaik taraf kepada spek-spek berbeza walaupun ada kondisi keperluan atau pun kehendak-kehendak berbeza, cuma terdapat sekali itu masa pemerintahan sebelum ini PH tahun 2019 dapat naikkan 15 Juta boleh gunakan untuk naik taraf. *But 15 million* atau 15 Juta agak kecil sebenar dan sangat kecil kalau katil dapat 20% sebenarnya banyak lagi yang kita *upgrade* atau pun tukar bahan ke dalaman, lebar dan sebagainya bagi jalan dan juga perabot-perabot serta longkang berkenaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan 53.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW (N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : MASALAH BANJIR DI MUKIM LABU SEPANG

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

- a) Masalah banjir yang berpunca dari ban Sungai Labu yang pecah, apakah penyelesaian jangka panjang bagi benteng ban yang kerap pecah?
- b) Bolehkah peruntukan tambahan diberikan bagi reka bentuk tambakan ban yang lebih kukuh seperti pemasangan "**sheet pile**" dan lain-lain?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek yang bertanyakan soalan berhubung masalah banjir di Mukim Labu Sepang. Untuk makluman Yang Berhormat, isu ban pecah di Sungai Labu adalah disebabkan limpahan air sungai dan kadar alir sungai yang tinggi. Sungai Labu merupakan cabang daripada Sungai Langat dan apabila aras air di Sungai Langat ini tinggi, menyebabkan Sungai Labu mengalami *backflow* atau pun air patah balik dan limpahan berlaku di kawasan ban yang rendah ini. Fenomena ini berlaku di banyak tempat di negeri Selangor. Jadi projek Tebatan Banjir Sungai Labu telah diluluskan dan dalam pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2021. Dia bermula pada bulan Oktober 2018 akan siap bulan Februari 2021. Skop kerja Sungai Labu adalah penaiktarafan ban di kawasan kritikal dan juga pemasangan pam di 5 lokasi. Dia setiap bila berlaku, penaiktarafan ban ini kita kena sekalikan dengan pengepaman kerana ban ini, air itu perlu di pam ke kawasan sungai. Pelaksanaan kerja-kerja naik taraf meninggi dan melebarkan benteng atau ban ini menggunakan lapisan batu *Amour Rock* dijalankan di lokasi benteng ini merupakan pendekatan baru yang kita telah mula guna di Dengkil itu hari dan juga kini Sungai Labu. Yang telah dikenal pasti tempat kawasan-kawasan kritis yang mudah pecah. Ini adalah bagi memastikan bahawa benteng yang dibina adalah kukuh dan dapat menahan hakisan dari limpahan dan arus sungai yang kuat. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran akan meneliti semula cadangan reka bentuk asal ini dengan mengambil kira pendekatan baru dalam penyelesaian isu ban pecah ini daripada dengan perunding dan sekiranya memerlukan peruntukan tambahan, kita akan mohon permohonan tambahan untuk kelulusan Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan projek ini. Sekian.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Soalan nombor 54.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA **Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** **(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah status perancangan Kerajaan Negeri bagi penajaran semula program TAWAS?
- b) Berapakah jumlah ahli TAWAS sedia ada?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuka semula permohonan baru TAWAS pada tahun hadapan?

JAWAPAN:

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker. Kerajaan Negeri dalam proses mengkaji kebolehlaksanaan program TAWAS ini bermakna bagi memastikan program ini dalam diteruskan dalam masa akan datang. Dalam pada itu jumlah ahli TAWAS sedia ada adalah seramai 365,920 orang. Tuan Speaker, Kerajaan masih belum ada sebarang perancangan untuk membuka semula permohonan baru TAWAS pada tahun hadapan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan sentiasa menawarkan inisiatif baharu khas untuk anak-anak di Selangor. Antara Program yang telah dan bakal dilaksanakan. Program *Back To School* (PBMS) setiap tahun Ahli TAWAS yang akan melangkah ke alam persekolahan darjah 1 akan menerima kelengkapan sekolah seperti beg sekolah dan peralatan kelengkapan yang lain. Kedua Program iSAFE 2020 ini adalah Program Ahli TAWAS kelahiran 2008 yang akan memasuki sekolah menengah pada tahun 2021 akan menerima kit keselamatan iaitu *Safe Kit* pelitup muka dan pembersih tangan. Sebagai salah satu inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menjaga keselamatan Ahli TAWAS dalam menangani wabak COVID-19.

TUAN SPEAKER : Soalan Bandar Utama sudah dijawab. Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan nombor 56.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR (N26 SUNGAI RAMAL)

TAJUK : KETERBATASAN ADN UNTUK BERFUNGSI

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dewan bersidang beberapa hari sahaja setahun. ADN tidak terlibat dalam mesyuarat PBT. Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah tidak berlangsung. Bagaimanakah ADN boleh berfungsi dengan efektif membawa suara dan kepentingan rakyat apabila terkekang daripada berinteraksi melalui mesyuarat peringkat PBT dan Majlis Daerah?

JAWAPAN:

Y.A.B. MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Ramal atas soalan yang telah dikemukakan. Dalam konteks tadbir urus Kerajaan Negeri, semua Ahli Dewan Negeri mempunyai kapasiti untuk berurusan secara terus dengan Pihak Berkuasa Tempatan dengan Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah khususnya dalam mengetengahkan isu-isu rakyat di kawasan masing-masing. Atas faktor tersebut setiap PBT dan Pejabat Tanah perlu menggiatkan ruang dialog dengan wakil-wakil rakyat dalam setiap *locality* masing-masing supaya isu dan permasalahan rakyat di peringkat dasar dapat difahami dengan lebih baik bagi menyelesaikan setiap isu dan rakyat. Perlu difahami setiap solusi masalah rakyat tidak terbatas kepada pelaporan Ketua Jabatan semata-mata, ia perlulah mengambil sudut pandang para Wakil Rakyat sebagaimana menepati prosedur dan tatacara yang perlu dikuatkuasakan. Justeru para Datuk Bandar dan Yang Dipertua PBT serta Pegawai-pegawai Daerah perlu kekal dan bersikap proaktif bagi tujuan tersebut. Selain daripada itu ADUN wajar mengaktifkan Pusat Khidmat yang boleh menjadikan wahana dan menyampai suara rakyat untuk disusurkan dengan tindakan ADUN dan penyelesaian atau bantu menyelesaikan masalah-masalah rakyat.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kita cuba untuk memastikan tindakan dan urusan profesional dapat dilaksanakan oleh penjawat-penjawat awam di negeri. Sebab itu kita tidak mempunyai pelantikan-pelantikan khusus Ahli-ahli Dewan Negeri di Pihak Berkuasa Tempatan tapi juga boleh terlibat dalam Jawatankuasa Daerah serta hadir sebagai pemerhati dan mendengar. Namun begitu masih mempunyai ruang untuk bertemu secara langsung dengan Yang Dipertua- Yang Dipertua serta Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyusulkan dan menyelaras agar konteks pembuatan dasar dan juga konteks kita sebagai *legislative* itu dapat dikekalkan. Di bawah Pakatan Rakyat dan kemudiannya Pakatan Harapan, kita telah menujuhkan banyak jawatankuasa- jawatankuasa Dewan. Di Jawatankuasa-Jawatankuasa seperti PADAT iaitu Jawatankuasa berkenaan dengan hal ehwal tanah dan Pejabat Tanah dan Daerah, berkenaan dengan GLC, Jawatankuasa khas berkenaan dengan kemiskinan sebagai contoh. Ini semua adalah rangka-rangka yang dibuat supaya Ahli-ahli Dewan dapat terlibat secara *legislative* untuk *legalize* dan juga melibatkan undang-undang dan peraturan-peraturan negeri dan dasar yang sistematik berbanding menyelesaikan masalah-masalah secara runcitan yang akhirnya tidak akan menyelesaikan secara menyeluruh. Kalau konteks besar dan makro begitu lah prinsip dan pentadbiran kita. Terima kasih.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Amat Berhormat Sungai Tua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan Sesi Pertanyaan untuk Urusan seterusnya sebelum saya mempersilakan Setiausaha Dewan, ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri bahawa saya telah menerima surat 29hb Oktober 2020 daripada Yang Berhormat Batang Kali, ya Yang Berhormat Batang Kali untuk memohon ketidakhadiran ke Sidang Dewan Negeri Selangor pada kali ini atas alasan tidak sihat. Jadi saya dengan ini meluluskan permohonan Yang Berhormat Batang Kali dan seterusnya saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk Urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 semua peringkat.

TUAN SPEAKER : Pihak Kerajaan sila. Dah habis, pun dah habis. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahirrahmanirrahim.* Terima kasih Speaker dan Ahli Yang Berhormat dan semua yang telah berbahas khususnya 25 pembahasan-pembahasan di kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri yang menyentuh dan memberikan pandangan-pandangan mereka berkenaan dengan Belanjawan Tahun 2021 dengan tema Melakar Realiti Baru, Memperkasa Ekonomi Bermaruah, Paksi Kecekalan Rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasih sekalian, saya mendapati dan meneliti hampir kesemua walaupun kelihatannya kadangkala saya tidak ada di sini namun saya dapat mendengar melalui siaran langsung yang telah dibuat dan juga di Bilik Urusan Kerja melihat beberapa *angle* dan juga beberapa sektor-sektor yang cuba dibentang dan dari sudut pandang berkenaan dengan Belanjawan Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sudah pasti dengan mukadimah yang agak panjang lebar, saya cuba menterjemahkan dan memberitahu bahawa tahun 2021 ini adalah tahun yang berbeza pada tahun-tahun sebelumnya. Sudah pasti latar belakangnya ialah COVID-19 dan kalau kita gagal memahami COVID-19 dan pandemik ini dengan betul, akhirnya kita juga akan gagal untuk meneruskan kelangsungan dan kejayaan kita dan perangkaan-perangkaan kita. Sudah pasti ada beberapa perubahan-perubahan dasar dan dari sudut pandang yang harus kita laksanakan dan di sini saya boleh sebutkan Kerajaan Negeri Selangor ataupun kita di Negeri Selangor sedikit beruntung sebab walaupun kita tidak menjangkakan pandemik ini, Kerajaan Negeri dan juga pentadbiran Negeri telah mula bergerak ke arah Kerajaan Pintar ataupun *Smart State* menjelang tahun 2016. Sebab itu saya bentangkan pada tahun 2016 kita mula melakar yang dipanggil sebagai *Blue Print*. Pada tahun 2020 kita sudah mempunyai pelan-pelan tindakan di samping beberapa perkembangan dan juga usaha-usaha ke arah sebuah Kerajaan Pintar.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Justeru, dengan memahami COVID-19 kita akan dapat menelah dan juga merangka apakah jalan dan kaedah terbaik bagi meneruskan kehidupan walaupun kita dalam COVID-19. Adalah sangat salah untuk kita menganggarkan bahawa selepas kita melandai keluk ataupun kita memutuskan rantaian, maknanya kita akan bebas selama-lamanya kerana apabila berlaku lonjakan kedua akibat ketidakpatuhan kepada SOP ataupun datang di buka balik sempadan-sempadan ataupun berlaku situasi seperti pilihan raya di Negeri Sabah dan juga sekarang pilihan raya Amerika Syarikat yang baru sahaja tamat, dengan pengumpulan-pengumpulan ramai yang tidak terkawal, dengan virus masih lagi di sekeliling kita, maknanya *ups and down* bagi kes-kes ini akan kekal berlaku dan tetap berlaku. Salah andaian kita maknanya bila kita dah putus rantaian dia tak datang semula. Antara negara-negara besar seperti New Zealand yang pernah mengumumkan pernah bebas membuka balik sempadan, Australia yang pernah membuka sempadan dan juga beberapa buah negara Eropah yang buka sempadan dan lebih-lebih lagi apabila sudah mencecah ke musim dingin, sekarang ini bulan Oktober, November dan dijangkakan negara-negara Eropah akan berdepan dengan *spike* dengan izin ataupun lambakan kes-kes baru dan di United Kingdom ataupun di London sudah mengumumkan *lockdown* bagi COVID-19.

Jadi maknanya kita harus bersedia untuk menukar apa yang dipanggil *new norm*, bekerja di rumah, bermesyuarat dengan *zoom meeting*, bermesyuarat dan berinteraksi dengan dalam talian. Ini antara perkara-perkara penting yang harus kita fahami dan kita dalami. Sebab itu hampir 40% daripada ucapan dalam Dewan yang lalu, yang saya bentangkan walaupun pada tahun lepas, tahun 2019 ketika kita membentangkan Belanjawan Tahun 2020 kita menganggarkan RM50 Juta harus kita letakkan untuk pelaksanaan *Smart State* tetapi tahun 2021 sahaja kita akan membelanjakan lebih daripada RM360 Juta untuk digitalisasi yang mana ia bukan hanya mempercepatkan langkah kita ke arah sebuah Negeri Pintar tahun 2025 tetapi ia juga adalah sebagai respons dan tindak balas kita kepada COVID-19 dan pandemik ini. Kita tidak boleh hanya memberi maklum balas dan respons dengan *handouts-handouts*, dengan penyelesaian-penyelesaian seketika. Sebab itu apabila telahan dan juga *rebuttal* yang telah cuba dibuat oleh barisan Pembangkang pada Sidang Dewan pada hari ini yang mengatakan pertama nanti saya jelaskan tentang defisit dan sebagainya, tentang kaedah yang menganggap bahawa ini bukan Belanjawan COVID, ini bukan Belanjawan menangani pandemik COVID-19, saya rasa kita mempunyai 2 sudut pandang yang sedikit berbeza di sini.

Apabila kita tangani COVID-19 kita tangani dengan digitalisasi kerana itulah realiti kehidupan. Sebab itu yang saya sebutkan tentang realiti baru itu bahawa kita harus hidup dengan suasana ini, malahan kita harus juga untuk bersedia mengubah beberapa tindakan-tindakan kita. Mungkin dalam Jawatankuasa Tetap Peraturan Dewan selepas ini ataupun Jawatankuasa Peraturan Dewan kena memikirkan undang-undang supaya kita boleh berbahas dengan menggunakan sidang video. Kita masih lagi perlu bersidang dalam *teleconference* pada hari ini. Kita harus juga bersidang dalam secara fizikal pada hari ini tanpa membolehkan melalui sidang video

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

sedangkan United Kingdom, Parlimen mereka melakukan *shift* dengan izin, hanya sebilangan sahaja yang wujud dan sebagainya dan kalau situasi COVID-19 ini tak mampu kita tangani sampai satu tahun, dua tahun, tiga tahun, berapa banyak 100, 200 bakul-bakul makanan yang harus kita teruskan, tebarkan dan bawa kepada seluruh rakyat yang jumlahnya juga tidak akan capai dan sampai kepada mereka. Itu kalau pembangunan ini bukan Belanjawan COVID, saya kurang pasti dengan cara dan kaedah, mungkin kaedah mereka itu seperti *Panadol* yang hanya boleh merawat seketika tetapi menyebabkan penyakit berpanjangan dan banyak agenda-agenda digitalisasi yang kita keluarkan di sini antaranya adalah Pembekalan Peruncit Mikro dan Kecil, antaranya ialah Iniatif Selangor Automotif (TVET), antaranya ialah WiFi Data Internet Selangor ataupun yang keduanya ialah WiFinya itu tapi data internet Selangor. Sebab itu kita cuba membawa penyelesaian internet ataupun keterhubungan ataupun *connectivity* ini dan semua aspek digitalisasi sampailah *Selangor Innovation Fund* ini daripada apa yang kita peroleh daripada mula-mula iaitu bagaimana rakyat mendapat capaian. Benar, saya menerima pandangan yang dikeluarkan oleh Ketua Pembangkang, sebab itu semalam Yang Berhormat Pandan Indah menyebutkan kita telah memperbaiki dan mengubah daripada lebih banyak, lebih dari segi *volume*, meningkatkan dari segi kualiti tetapi tumpu ke kawasan rumah, tumpu kawasan pendidikan, tumpu kepada pusat tumpuan awam. Dulu WiFi *Smart Selangor* diletak di kedai mamak. Akhirnya sekarang mamak boleh beroperasi sampai pukul 8. Hanya boleh duduk separuh ataupun sebahagian daripada angka yang dibenarkan. Jadi tidak boleh orang berkumpul. Jadi apa yang kita buat, kita buat tukar WiFi-WiFi ataupun A.P-A.P ini ke kawasan perumahan seperti Desa Mentari, kawasan perumahan kos rendah, di kawasan sekolah yang mungkin kita boleh buka selepas ini dan dalam masa yang sama kita perkenalkan apa yang kita panggil Data Internet Selangor.

Pembangkang menyebutkan bahawa kita agak bergantung pada Telekom. Telekom adalah anak syarikat Kerajaan Pusat dan mempunyai jaringan yang terbesar. Janji mereka dalam Mesyuarat Pembangunan Negeri ingin melengkapkan menjelang tahun 2022, *hundred percent*. Ini janji daripada Telekom. Tetapi dengan pengenalan Data Internet Selangor, pertama apa yang kita nak sebutkan, kita dapat memberikan kepada 54 orang, maknanya mereka tidak boleh lagi, mereka tidak hanya statik kepada satu *locality* dan kawasan untuk mendapat internat, mereka boleh *mobile* di tempat-tempat lain. Apakah ini akan membazir? Tidak. Sebab kita jua akan hadkan urusan-urusan data internet ini hanya untuk urusan pembangunan keusahawanan ataupun urusan pendidikan kerana kita mahu mereka dapat menggunakan data internat ini dengan harga yang lebih murah, dengan subsidi yang kita keluarkan dan data internat ini yang dulu sebanyak RM17.5 Juta hanya WiFi free tetapi sekarang kita beri data daripada bentuk *sim card-sim card* yang dikawal oleh Kerajaan Negeri. Dengan data ini juga kita akan menguja untuk *telco-telco provider* dengan izin untuk menambah infrastruktur mereka. Kalau orang ingin membeli Digi sebagai contoh, Celcom sebagai contoh, mereka akan menambah infrastruktur seperti *fiber optic* dan sebagainya untuk keperluan rakyat. Jadi kita dah *hybrid* kan kedua-dua ini untuk data

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

internat ini dan juga dengan WiFi sebagai mana dengan harapan semakin ramai dan kita sasarkan 54 ribu dapat WiFi itu *plus A.P-A.P* yang kita bentangkan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Amat berhormat. Saya ingin bertanya adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang ingin meneruskan juga data-data yang hanya berkelajuan 4, 5 dan 8 *mbps* ini. Ada 427 unit.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Semalam Yang Berhormat Pandan Indah ada menjawab walaupun saya tak ada di Dewan, saya dengar. Kita dah syaratkan hanya 100*mbps* sahaja dibenarkan di kawasan-kawasan data WiFi ini sebab isu penting tentang WiFi ini ada 2 perkara; *speed and value it*, iaitu kelajuan dan semakin ramai orang boleh memiliki. Kalau semakin banyak *port-port* pun dia macam *hopping* je, semakin banyak *port-port* pun kalau *bandwidth* nya rendah, *speed* nya perlahan macam kura-kura akhirnya dia tidak akan boleh berhasil. Sebab itu kita menggabungkan di antara statik WiFi dengan data internet dalam bentuk *sim card-sim card* ini dan *sim card- sim card* ini akan diberikan kepada B40, kelompok-kelompok yang tersasar dan sebagainya dan mereka akan dapat akses internet tidak hanya statik kepada satu *locality* tetapi mereka boleh bergerak ke tempat-tempat yang lain dan boleh membeli dengan data yang lebih murah termasuk juga mahasiswa dan mahasiswi. Kerajaan Negeri telah membantu RM500 Ribu kepada KUIS, kita bantu RM500 Ribu sebagai contoh KUIS. Untuk apa? Untuk membantu menambah data-data internet kepada pelajar-pelajar khususnya selepas PKP kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang berlaku sekarang dan apa yang kita lakukan ini juga sebahagian ini juga kita akan berikan kepada mahasiswa. Kalau di luar sana jumlahnya adalah pada kadar tertentu Kerajaan Negeri akan subsidi lebih kurang 40 – 50 % daripada harga yang sepatutnya bagi data-data tersebut dan memastikan bahawa data ini dapat diperolehi dapat dilaksanakan untuk kehidupan seharian untuk mereka pembelajaran untuk usahawan dan kita tak benarkan pulak mereka menggunakan data ni nanti untuk *Youtube* sepanjang masa sebagai contoh untuk *Netflix* sepanjang masa ia masih boleh digunakan tetapi kena beli data sendiri untuk data yang diberikan Kerajaan Negeri untuk keusahawanan untuk *Lazada*, untuk *Shopee* untuk *business* untuk pembelajaran, e-twitter, google classroom dan sebagainya.

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya tertarik dengan kenyataan Dato Menteri Besar iaitu tidak boleh digunakan untuk *Youtube* tetapi boleh guna untuk *shopping*? Kerana di *Youtube* ada macam-macam program. Ada juga program pendidikan dan sebagainya so mengapa kita boleh dengan izin *tender to capalistic consumer pattern* pada masa yang sama mereka tidak boleh pergi *Youtube*? *What is the logic?* Dengan izin.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tidak, itu contoh. Sebab kalau kita gunakan *Netflix And Youtube* sahaja *content* atau kandungan untuk *Youtube* memanglah *content-content* yang bermanfaat. Ya kita banyak belajar, kadang-kadang saya tidak tahu nak buat *printscreen*, saya tengok *Youtube*, *how to printscreen and I printscreen*

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

it, before I printsreen my phone. Jadi benda-benda ni semua kadang-kadang tengok dekat internet tapi kawalan juga kurang. Kawalan juga agak besar, jadi kita juga sedang berurusan dengan *telco* supaya ada had-had tertentu kenapa dengan aplikasi-aplikasi *shopping* itu bukan untuk *shopping* mereka, untuk mereka menjual barang-barangan mereka. Kan 11.11 Kerajaan Negeri mensasarkan 10 ribu usahawan-usahawan Ahli Yang Berhormat sekalian kita lah negeri pertama yang menyediakan platform untuk 10 ribu usahawan-usahawan kita berniaga di *Shopee* dengan satu dana yang ditanggung oleh pihak kerajaan negeri dan jumlah ini bertambah, kerana masa raya yang lepas kita sasarkan 3 ribu, daripada 3 ribu dah ada 6 ribu yang telah terhasil. Tidak cukup dengan itu Kerajaan Negeri memperuntukkan 3 juta untuk apa? Untuk rakan digital, untuk apa untuk kita *transform* ataupun untuk kita ubah mereka-mereka ini yang belum mampu. Yang tidak biasa yang tidak guna. Semalam saya pergi lawat di Hulu Langat, banjir. Ada satu makcik tu tunjuk telefon. Telefon nya *Iphone* makcik tidak sekolah tapi pakai *Iphone*. Dia tahu ambil gambar tapi dia belum tahu lagi macam mana nak bertransaksi dengan *FPX*, *Smart Box*, dan sebagainya dan rakan-rakan digital yang seribu orang ini juga lah yang akan melatih dan menggerakkan sebab itu kita buat beberapa Program Initiatif Selangor Automatif dan sebagainya adalah kesinambungan daripada program Selangor kerjaya yang kita, saya telah umumkan dalam belanjawan yang lepas. Dalam pakej rangsangan pada bulan Julai yang lepas kepada 58 juta untuk memastikan ruang kerja dan peluang kerja dapat disatukan. Ahli yang berhormat sekalian, sebab itu kita sangat memahami akan berlaku pemberhentian-pemberhentian kerja, akan berlaku pengurangan ruang kerja sebab itu kita buat Selangor *Freelance*. Selangor *Freelance* yang akan dibuat dan dilaksanakan supaya mereka berkemahiran juga dapat menggunakan dan kita anggarkan daripada program-program ini 3 ribu sini, 3 ribu sana Selangor *Advance* dan sebagainya 29 ribu peluang-peluang pekerjaan baru boleh dibuat untuk mengisi dan itu cara kita untuk menangani COVID-19. Dimana selepas ini orang masih boleh bekerja masih ini orang masih berurusan tetapi dengan kesedaran COVID-19 harus menunggu vaksin yang tidak tahu bila sampainya tetapi kita kena teruskan kehidupan bukan hanya dengan menyenaraikan *handout* ini, *handout* itu dan sebagainya dan inilah mungkin gagal difahami oleh pihak pembangkang sepanjang persidangan pada hari ini. Dan mendengar perbahasan mereka apatah lagi bila mendengar Sungai Panjang dia kata kita *copy paste* kenyataan *copy paste* itu pun dia *copy paste* daripada Hisyam Jalil yang juga *blogspot* di luar daripada Barisan Nasional. Ada tak faham sebab itu saya mulakan dengan situasi dan realiti pandemik bahawa kita harus sedar pandemik ini berlaku dengan merebak menyebar kita harus PKP sometimes PKPB, kita boleh PKPP tiba-tiba ada orang nak rampas negeri, pilihan raya pulak. Dan lepas pilihan raya nak kena patah balik pulak ikut *constitutions* kena 60 hari lepas kosong kena buat pilihan raya akhirnya kita tak boleh buat apa kita boleh memastikan digitalisasi merupakan di antara *core* dan asas penting supaya kita tidak dapat ataupun supaya kita dapat memastikan kita dapat meneruskan kehidupan melanjutkan peluang-peluang dan rantai-rantai kerja yang telah diselaraskan. Ahli Yang Berhormat sekalian, adakah kita lupakan tentang kebijakan dan nasib rakyat ? Tidak, malahan kita tambah. Antara yang kita tambah adalah program-program

peduli sihat. Peduli sihat dulu membantu hanya untuk sekitar bantuan kesihatan itu pun sudah terpesong sebenarnya tujuan peduli sihat. Saya dengar Ijok semalam bercakap dengan mencelah dengan Seri Serdang berkenaan dengan Peduli Sihat. Asas Peduli Sihat adalah untuk saringan kesihatan tetapi akhirnya peduli sihat untuk rawat batuk, demam, selesema dengan nilai RM 500 di penggal yang lepas kita tambah untuk vaksin. Vaksin masih ada, rawatan RM 500 masih ada. Sedangkan RM 500 yang kita anggarkan itu untuk pemeriksaan kesihatan akhirnya kita gagal menangani penyakit-penyakit hemoforbis ataupun penyakit-penyakit NCD ini yang akhirnya kita terpaksa merawat penyakit-penyakit yang tidak sepatutnya. Sebab itu kita menghadkan dan juga membuat penilaian semula. Saya dengar Gombak Setia sebut klusterisasi. Salah, saya cakap klusterisasi ini klusterisasi ekonomi. Sejak bila pula klusterisasi boleh pakai IPR? IPR ini *realignment* ataupun penjajaran. Penjajaran dengan klusterisasi pun tak faham tak payah bagi komen atau kritik banyak-banyak. Sebab itu saya nak sebutkan apabila kita buat penjajaran kita kena lihat kepada SDG, apakah kayu ukur kita? Sasaran kita, SDG lah. *Sustainable Development Growth* yang disarankan oleh UNDP yang bersidang peringkat dunia supaya melihat yang teratas dan di bawah. Masalah daripada pelaksanaan yang dahulu kita tidak punya kayu ukur yang jelas dan kali ini kita ada kayu ukur iaitu daripada E-kasih daripada BSH kita rujuk juga Kerajaan Persekutuan kita rujuk angka-angka tersebut dan mereka inilah yang layak dan adakah kita kekal menolak. Ya, betul dulu angka dekat 390,000 ribu, saya sedang dapatkan angka. Berapa banyak rupanya kad-kad yang tidak dituntut. Jadi kita potonglah nama-nama ini. Jangan bangga ada 300 lebih tapi tak mampu untuk sampai ke bawah sebab itu kita potong nama-nama ini bila kita semak pula rupanya ada yang memiliki rumah 2/3 buah. Kita potonglah tidak layak untuk terima sebab mungkin bagi dulu untuk kepada rakan-rakan politik ada juga kadang-kadang di pusat-pusat khidmat tapi bila kita ada kayu ukur yang penting dan akhirnya kita dapat bagi 65. Itu pun tahun lepas saya umum dalam belanjawan kita tambah lagi kepada 65 dan keseluruhan dengan sistem IPR yang SSIPR yang kita ada 1.1 Juta rakyat negeri menerima pelbagai program dan nikmat daripada program-program initiatif peduli rakyat dan ini tidak dapat dilakukan oleh negeri-negeri lain di Malaysia walaupun dan juga semenanjung. Sebab itu kita teruskan daripada hanya bagi bantuan itu vaksin kali ini kita ada khairat kematian ataupun seperti insurans. Insurans bila kematian semalam saya rasa Yang Berhormat Seri Serdang dah menjelaskan apa program-program selain daripada kecacatan kekal kematian dan juga melibatkan kehilangan suatu-suatu perkara yang boleh diinsertkan oleh pihak Selcare yang mengendalikan Peduli Sihat. Kita laksanakan program KISS kita teruskan dan sekali lagi *realignment* kita itu menjurus kepada 2 perkara supaya yang betul-betul layak terima dan yang kedua supaya dalam masa yang sama kita juga dapat *empower rather than* daripada kita memberi dan terus memberi akhirnya kalau kita berbangga dengan jumlah ini yang kita berikan kekal sepanjang masa. Maknanya *our program* itu tidak *empower* atau memperdayakan kepada mereka-mereka yang memerlukan. Malahan dalam belanjawan juga saya telah membentangkan banyak program tambahan-tambahan yang merujuk kepada mereka yang kita boleh anggap sangat perlu dibantu, iaitu *the eldest and the lowest*. *The lowest* ini maknanya kanak-kanak

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

dan termasuk orang kelainan upaya termasuk mereka yang lemah termasuk yang miskin sebab itu kita tambah program-program kasih – KISS IT ataupun Ibu Tunggal supaya KISS Ibu Tunggal ini dapat menjurus kepada Ibu tunggal dan ini adalah pertambahan dan ini adalah perkara baru kita laksanakan di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan di negeri Selangor. Tidak cukup dengan itu kita tambah lagi seperti *food bank*. *Food bank* bukan hanya isi bagi maggi, bagi mee bagi nasi, kali ini kita dah menjurus ke arah nutrisi melihat nutrisi saya rasa Lembah Jaya faham benda ini sebab Lembah Jaya yang terbuka dulu diperingkat awal sebab saya melihat tentang nutrisi memang sebab itu kita masukkan dalam bajet 5 Juta *Food Bank* itu bukan hanya menumpu kepada bekalan makanan asas bakul makanan yang kita laksanakan tetapi kita juga melihat kepada nutrisi anak-anak kajian juga kajian daripada UNBP bahawa kadar kerendahan keketotan kanak-kanak oleh nutrisi menyebabkan anak-anak tersebut mengecut. Apa...keketottan, terima kasih Yang Berhormat sebab itu apabila kita laksana digitalisasi tapi saya agak sedih tak banyak yang bercakap digitalisasi ini. Ini adalah perkara penting inilah masa depan dan inilah realiti yang kita hadapi dan laksanakan, kalau kita gagal buat perkara ini maknanya kita akan kembali pada PKP dan tidak meneruskan perjalanan sebagaimana PKP . Anak-anak tak boleh belajar anak-anak tak boleh ini dan ini adalah sebagai strategi kerajaan negeri yang saya sebutkan merealiti atau melakar realiti baru atau melakar realiti semasa supaya kita boleh lakukan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima Kasih ..Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya ingin bertanya berkenaan dengan projek rintis 5G sebanyak 30 Juta. Sejauh mana keyakinan Kerajaan Negeri dalam mengumumkan budget rintis 5G ini kerana saya difahamkan kemampuan syarikat untuk melaksanakan 5G dilihat belum ada lebih-lebih lagi saya difahamkan fiber satu bangunan pun tak sampai sejuta speed 1GPS.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima Kasih. Untuk teknologi 5G untuk teknologi 5G sebenarnya sekarang didunia teknologi maklumat antarabangsa teknologi 5G ni ada tidak ada? Sudah ada, cuma bagaimana ia berlangsung dia agak tersekat sebab China lah yang mendahului dengan Huawei dalam teknologi 5G. *Connectivity* 5G ada tidak ada? Ada. Tapi apa yang jadi masalah kita ialah gajet ataupun alatan sebab alatan-alatan kita itu belum *compatible enough* itu untuk satu *file* 5G Huawei sahaja yang mengaku ada. Tapi bila Google tak nak bagi ruang akhirnya dia ada sekatan-sekatan tertentulah sebab inilah yang berlaku di antara perang dagang Amerika dan perang dagang China yang memberi impak kepada kita. Sebab itu saya faham dengan mungkin perang kalah nanti adalah ruang pada kita ataupun akan berhadapan akan pulih hubungan China dan ni akan memulihkan saya bukan masalah mereka pulih tu berdua dia nak bergaduh lantak mereka lah tetapi masalah kesan-kesan ekonomi dan sebagai contoh 5G dan itu adalah 3 Juta, 3 Juta untuk anggaran kita sebab ia adalah daripada maklumat daripada telco-telco yang kita tengok dan kita nikmati tapi kita bukan hanya buka untuk *local* sebab kita untuk melibat data 5G ni kita kena buka ke peringkat antarabangsa dan 5G ni bukan hanya urusan sehariang tengok *movie*

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

download 1 second, bukan transaksi maklumat yang lebih pantas dokumen dan sebagai itu akan lebih baik dalam urusan kerja dan sebagainya. Jadi saya yakin ia dapat dilaksanakan dan ini adalah yang disasarkan SSDU dan kita percaya dengan kaedah ini kita akan dapat memulihkan keadaan hidup dalam suasana yang baru dan menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan kehidupan sedikit berbeza, tetapi masih lagi meneruskan kerana realiti COVID ini bukan kosong setiap masa kita selamat. Dia akan datang balik naik *spike* dan turun dan sebagainya dan kita harus terima keadaan digitalisasi . Ahli yang berhormat sekalian, sebab itu saya percaya saya nak ingin mengesong sedikit selain daripada isu tentang *budget* ini tak cukup defisit nya, timbul perbahasan tentang etika pakaian. Saya panjang dan akhirnya mengherot perbahasan ini kepada perkara yang berbeza, sebab itu saya yakin saya yakin kita ada cara dan kaedahnya. Kaedahnya adalah Peraturan Tetap Dewan. Dalam Peraturan Tetap Dewan kita boleh tetapkan. Saya lihat persidangan tahun lepas, di Parlimen Yang Berhormat Permatang Pauh ada menyaran agar membenarkan untuk kita menggunakan baju batik sebagai contoh kerana Indonesia membenarkan ahli parlimet berbaju batik, Singapura membenarkan baju batik batik. Malaysia jangan pakai batik Indonesia pula, jadi pakaian kebangsaan, bagaimana transaksinya tapi kena bincang dengan di jawatankuasa lah. Kalau bincang di jawatankuasa, sebab saya pun sedang menilai beberapa perkara dibuat oleh jawatankuasa termasuk elauan dan sebagainya tentang pakaian kebangsaan takrifannya bagaimana penggunaannya dan kena tengok realistik tak realistik. Dewan kita ni pun kadang-kadang sejuk melampau kan, kalau kita pakai baju Melayu kena pakai *Long John* pulak macam dekat United Kingdom (Ketawa). Jadi saya nak tengok perkara ini daripada sudut praktikal, jangan dibuat dari sudut emosi. Jadi kalau nak bawa pakaian ini boleh bawa pakaian kebangsaan ke, membenarkan pakaian batik ke dan kena bincang juga supaya benarkan teleconference atau Persidangan Dalam Dewan? Kena bincang semua lah jangan bincang pakaian sahaja ya. Nanti kita boleh, saya sendiri akan *table* kan untuk kita benarkan dan bagi ruang yang seadilnya tapi kita kena bincang lah antaranya dalam Jawatankuasa Dewan. Jangan main serbu semalam ataupun dalam dua tiga hari lepas.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya rasa berkenaan dengan kenyataan terlampau sejuk tu bukan lah kerana itu, kerana seperti mana yang kita tahu di Dewan Rakyat, Parlimen pun membenarkan kegunaan baju kebangsaan ini. Jadi kita berharaplah dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dapatlah ia dibawa ke dalam Peraturan Mesyuarat agar baju kebangsaan ini dibenarkan untuk dipakai tanpa dihadkan harinya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Saya *personally*, secara peribadi tidak ada masalah hal itu tetapi hal ini ada Jawatankuasa Dewan, bawa ke Jawatankuasa Dewan, ini kan sekarang ni di panggil sebagai *Big Data Analysis*. *Big Data* ni dengan data, ini panjang cerita dia kan jadi kalau kita datanya tidak lengkap macam mana kita nak buat kesimpulan awal? Kalau peraturannya nampak kabur jadi

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

kita susahlah nak bergerak. Ada orang buat tafsiran sendiri. Tafsiran itu, nasib baik Sidang Dewan kita ada Perkara 8.7 yang membenarkan Speaker bagi tafsiran. Betul juga. Nanti esok, sebenarnya perkara ini berlaku bila? Perkara ini berlaku satu ketika dulu tahun 2009, 2008 ada seorang ahli wakil Dewan kita. Wakil Dewan kita, saya tak nak sebut Dewan mana kan. Ahli DUN mana. Dia berpakaian, pakaian tradisi masyarakat yang kelihatannya tidak sesuai. Jadi kita hadkan, ok lah lepas ini kita *standardise*. Itu tak *refund* dan Petua Speaker pada ketika itu yang diguna pakai oleh Speaker pada hari ini.

Tapi saya tak hendak cakap *on behalf of Speaker, this is the house and Speaker as a Chairman*. Speaker lah Pengurusnya, jadi kita kena bawa sebagai Ahli Dewan ada Jawatankuasa. Luruskan dalam Jawatankuasa, kemukakan dalam Jawatankuasa, *table* kan. Apa dia takrifan Pakaian Kebangsaan? Adakah kita hendak terima pakaian Dothi sebagai contoh, adakah kita hendak terima Cheongsam sebagai contoh. Nanti tahap-tahapnya dan bagaimana apa takrifan nya ataupun lebih baik kita terima Sistem *Wesminster Democracy* dengan tradisi yang kita ada Inggeris ini, kita teruskan dengan pakaian kita. Hah! Itu cerita dia. Jadi Jawatankuasa Dewan nanti, saya minta Peraturan bincang hal ini termasuk untuk kita ubah Peraturan Tetap supaya membenarkan Persidangan di buat di atas talian kerana realiti ini kalau kita biarkan, kalau kita tak tanggapi kita kena berhadapan macam ini setiap kali Sidang, nak kena buat *swab*, setiap kali Sidang, nak kena buat *swab* bukan sahaja *swab* tu mahal ke tak mahal tetapi akhirnya kita terpaksa menyusahkan diri dan menyukarkan diri kita bersama-sama.

Ahli Yang Berhormat Sekalian, sebab itu saya percaya untuk melihat Belanjawan ini sebagai Belanjawan COVID ke tak COVID bukan hanya berapa banyak *hands out* kita bagi, berapa banyak Undang-undang kita bagi tetapi bagaimana kita tangani COVID-19 untuk meneruskan kehidupan dan perjalanan kita. Ini saya rasa sesuai dengan Kaedah Usul Fiqh ataupun Kaedah Fiqh yang berbunyi (Bahasa Arab) yang bermaksud *bertukarnya hukum dengan bertukarnya masa, tempat dan suasana*.

Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya juga ingin memetik apabila Gombak Setia menyebut tentang Paul Krugman, saya nak menyebut tentang FA Hayek, kita ambil cikgu dia lah. FA Hayek menyebutkan bahawa dalam masa ia membentangkan belanjawan atau membuatkan ucapan beliau menyebutkan ketika menerima Anugerah Nobel pada tahun 1974, menyebutkan bahawa kita harus berjaga-jaga dan jangan semberono ataupun membuat analisa sembarangan lalu kita membuat kesimpulan-kesimpulan. Sebab itu, dalam Belanjawan saya bentangkan kondisi pandemik, bagaimana keadaan sekeliling, bagaimana kita memberi maklum balas, bagaimana percubaan-percubaan Kerajaan Negeri, langkah-langkah Kerajaan Negeri menangani COVID dan meneruskan kehidupan COVID dan itu lah yang saya sebutkan tentang realiti baru dan cara hidup baru dan sebab itu saya juga sebutkan tentang ekonomi bermaruah. Rakyat dalam negeri kita dan negara kita ini hidup, bekerja, menyumbang.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Hulu Klang menyebut kenapa tidak tumpu pada rakyat? Saya dah sebut banyak kali hatta sebagai Ahli Dewan Negeri juga saya sebut bahawa kita harus memberikan fokus kepada rakyat yang bekerja. Mereka bekerja. Mereka bertugas. Mereka Berniaga. Bila mereka putus hubungan, kita bagi RM200.00 satu tahun atau satu bulan. Maksimum RM2,400.00 akhirnya mereka jadi apa? Mereka daripada orang yang memberi, menjadi orang yang menerima.

Sebab itu pada fikiran dan fikrah Kerajaan Negeri menganggap bahawa *creation job, job creation* itu lebih penting. Lebih besar dan lebih utama dan lebih *sustainable* berbanding *hand out-hand out* yang kita ingin berikan untuk kelangsungan kehidupan mereka dan sebab itu lah yang saya pentingkan tentang maruah. Bila saya tengok di beberapa buah negara yang mengalami kemelesetan parah sama ada kekangan ekonomi, perang dan sebagainya termasuk *natural disaster*.

Akhirnya selepas imbuhan, sokongan, bantuan-bantuan yang sederhana, bakul-bakul makanan tak dapat akhirnya apa lagi? Akhirnya tidak ada, mereka terpaksa memaksimumkan kebolehan diri mereka dan akhirnya sampai tergadai maruah dan juga tubuh untuk meneruskan kelangsungan hidup. Itu yang saya tidak mahu kepada negeri sebab itu Kerajaan Negeri menganggarkan dan memberi fokus selain daripada naturalisasi sebahagian daripada hasrat digitalisasi ialah apa? Untuk memberi peluang pekerjaan kerana rakyat Negeri Selangor kuat dan di Negeri Selangor kita masih lagi ada harapan untuk meneruskan kehidupan walaupun COVID-19 dan pandemik ini melata dan berterusan dalam kehidupan seharian.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, sebab itu saya ingin menjurus di sini ke arah yang soalan lebih spesifik khususnya apa yang telah dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar, Sungai Panjang, Kota Anggerik, Gombak Setia dan Hulu Klang berkenaan dengan rizab. Ini pun satu ni, pembangkang ni. Pembangkang ni pun tak bersatu. Walaupun ada Parti Bersatu dalamnya. Ketua Pembangkang terima *conditionally*, saya dengar Sementa menyokong menerima. Gombak Setia tak menyokong pula. Lain kali nak jadi Pembangkang bersatu hati nak terima ke, nak terima separuh ke ataupun menyokong. Senang. Atau tak boleh saya boleh ajar macam mana nak jadi Pembangkang yang baik. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, sebab itu apabila disebutkan tentang defisit. Defisit ini kita buat dan kita unjurkan untuk menjamin *sustainability* kewangan Kerajaan Negeri. Saya masuk kepada Pentadbiran ini selepas dua defisit besar. 2017, 2018, ada lebih 1.5 Bilion sebenarnya hampir 1.5 Bilion defisit dibuat dalam dua tahun berturut-turut tersebut. Memang bunyinya sedap, bunyinya sedap tetapi daripada segi *cash* nya sangat *stricted*, sangat *limited*. Tahun 2019, selepas saya umumkan defisit lebih 130 Bilion, 130 Juta defisit, 300 Juta maafkan saya. 300 Juta defisit kita dapat *cash* yang sebenar pada Kerajaan Negeri adalah *less 100 million*. Jadi macam mana kita hendak berhadapan krisis, suasana kalau kita ada *cash* yang *limited*? Sebab dalam rizab, betul rizab kita 2.5, saya sebut tadi.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Akaun Amanah Disatukan, Akaun Amanah Disatukan kita berapa? Hampir 1.8 Bilion. 1.8 Bilion tolak lah dengan 2.5, itu lah nilai yang sebenarnya boleh kita lanjutkan dan bekalkan untuk tahun depan. Sekitar 400 Juta. Tapi Akaun Amanah ini pun satu hal juga, kita ada 59 Akaun Amanah. Daripada Peraturan 9, Jadual 9 dan Jadual 10, kita ada 59 Akaun Amanah. Dalam Akaun-akaun Amanah tu ada sendiri-sendiri sebagai contoh Akaun Amanah MARRIS. MARRIS tak masuk dalam perbelanjaan ini tetapi MARRIS dibelanjakan dekat 500 Juta, 600 Juta. Akaun Amanah Pinjaman Kerajaan Negeri. Pinjaman Anak Syarikat Kerajaan Negeri kita pernah sampai syiling 1.1 Bilion. Sekarang kita ada lebih kurang 200 Juta. Akaun Amanah Pinjaman Pendidikan untuk petugas-petugas atau pekerja Kerajaan Negeri itu ada nilai yang tertentu.

Jadi akaun-akaun Amanah ini tidak ada dalam bajet yang dimasukkan dalam bajet ialah *really cash* dan apa yang kita boleh dapat dalam sepanjang jangkaan-jangkaan pendapatan kita sebab itu Kerajaan Negeri terpaksa mengimbang supaya defisit Kerajaan Negeri tidak membesar, membengkak tetapi dalam masa yang sama strategi yang tidak kelihatan sepanjang Sidang Dewan ketika Pembentangan Belanjawan kali ini ialah apakah sumbangan Kerajaan, Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri untuk projek-projek Kerajaan Negeri dan juga pelan-pelan Kerajaan Negeri. Ini yang orang tak perasan. Tahun lepas, saya anggarkan tahun 2020 kita nak beri 50 Juta untuk Anak-anak Syarikat beri pada Kerajaan. Kita dapat lebih 60 mungkin. 80 hah lebih kurang angka-angka tersebut dalam lebih hampir 50. 50 Juta yang kita dapat disebabkan COVID kita terhenti seketika. Komitmen-komitmen tidak dapat tapi dalam Belanjawan kali ini kalau boleh saya senaraikan *Selangor Innovation Fund*, MBI sumbang untuk 100 Juta. Selangor Freelance 10 Juta. Selangor Freelance ya, jangan sebut Selangor FF. Kerusi MB RM5 Juta dekat Selangor. Data Internet Selangor 13 Juta diberikan. 4.5 Juta daripada Kerajaan Negeri. Tuisyen Rakyat 13 Juta. Selangor Kerjaya 50 Juta. Anak Syarikat Kerajaan Negeri akan sumbang 195.5 Juta dan ini adalah dalam sejarah sumbangan terbesar Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri untuk meneruskan kelangsungan tahun 2021 dan kita teruskan pada tahun-tahun hadapan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW : Terima kasih Tuan Speaker. Saya antara ADUN-ADUN yang menyokong Belanjawan dan juga tak ada *problem* dengan Belanjawan defisit. Bagi saya defisit macam seperti yang saya sebutkan dalam Mesyuarat Pre-Council, defisit negeri bagi saya umpama empangan bila musim kemarau, kita lepaskan air daripada empangan kepada sungai untuk loji dan sebagainya. Jadi sekarang kita dilanda kan dengan COVID-19 yang nampaknya dahsyatnya dan luar biasa. Jadi saya memandangkan ini defisit 123 *million* itu saya rasa tak cukup. Kalau boleh saya tidak mencadangkan seluruhnya 2.6 *Billion* rizab itu untuk digunakan tapi saya difahamkan *out of 2.6 Billion* tu ada satu pertiga yang merupakan *cash*. Jadi kalau boleh lah kita Negeri Selangor dalam musim COVID-19 ini kita tambah lagi defisit tapi sampai satu tahap yang kita mampu lah. Itu maksud saya. Sila, saya harap mogamoga, *maybe* MB Negeri Selangor boleh meninjau ini.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kejap Sungai Air Tawar. Saya berpandangan bahawa kalau kita nak belanja semua, boleh tetapi isu nya COVID-19 ni, dia boleh datang lagi. Kita kena ada *coops* dan *saving fund* untuk berdepan dengan perkara-perkara ini dan saya sebutkan jangan bimbang sebab dalam pembentangan saya, dalam ucapan saya yang saya sebut yang mungkin tak boleh di bahas dalam kerana tidak ada dalam buku tetapi ada di sebutkan kita belanja 195.5 Juta daripada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri untuk menjayakan proses ini dan ia dilaksanakan dengan sebahagiannya adalah yang saya sebut tadi Selangor Indivision Fund, Selangor Freelance dan sebagainya.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Pelek yang mana ini masanya Kerajaan Negeri harus berani menggunakan wang rizab untuk kegunaan rakyat. Memandangkan, saya cukup menghargai pandangan-pandangan Yang Amat Berhormat berkenaan dengan *digitalize* yang Kerajaan Negeri Selangor akan laksanakan tetapi seperti mana yang saya perkatakan dalam perbahasan pada waktu ketika ini, kita tak boleh hanya memberi rakyat pancing, sebaliknya kita perlu juga memberi ikan kepada rakyat untuk mereka boleh hidangkan di meja makanan mereka. Dalam erti kata, perlu ada bantuan-bantuan yang seperti mana Yang Amat Berhormat dah sebutkan, yang telah laksanakan sebelum ini iaitu berkenaan dengan Bajet COVID seperti Pakej Rangsangan Selangor Prihatin menangani kesan COVID-19. Jadi saya harap agar bajet-bajet seperti ini dapat diteruskan. Lebih-lebih lagi seperti mana moratorium untuk memberi pengecualian sewa kepada premis-premis dan juga cukai, pengecualian cukai kepada premis-premis penjaja di Negeri Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, saya tak izinkan untuk celahan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya jawab dulu. Saya jawab dulu. Terima kasih. Sebab itu, itu lah yang saya sebutkan kita tidak pernah bimbang ataupun kita tidak pernah takut untuk berbelanja tetapi kita menyusun perbelanjaan ini dengan menggabungkan dengan apa yang saya sebut Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri. Sebab itu, tahun ini sebagai contoh kita ada *fund* atau peruntukan untuk *food bank*. Kita ada RM5 Juta. Saya dah arahkan untuk sementara dengan PKPB ini *food bank* untuk tahun 2020 lepas ini Yang Berhormat Batu Tiga akan menyenaraikan berapa banyak bakul-bakul makanan untuk semua DUN-DUN di seluruh Negeri Selangor tahun ini dan tahun depan kita ada RM4 Juta dan *food bank* pula akan beruruskan bukan hanya dana Kerajaan Negeri untuk *food bank* tetapi kita juga dapat daripada pihak-pihak swasta ataupun penyumbang-penyumbang kerana kita bekerjasama dengan yayasan *food bank*. Tetapi daripada RM1 Juta kita tumpu kepada nutrisi anak-anak dan sebagainya. Ini yang kita lakukan dengan fokus dan perhatian dan kita cukup maklum, kita juga tak boleh hanya menumpu dalam beri *handouts* dan kita juga kena seimbangkan dengan pemberian pekerjaan. Kita juga tak boleh hanya beri pancing sahaja, mereka juga perlu untuk kelangsungan hidup dan sebab itu kita

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

teruskan program-program kita seperti KISS, seperti program-program kita seperti bantuan makanan, bakul-bakul makanan dan tahun depan kita ada *food bank* sebagai contoh untuk menangani hal ini.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Saya sangat tertarik.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, saya tak benarkan celahan. Saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk terus menghabiskan jawapan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ada kekangan undang-undang. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak sebutkan tadi itu saya sebutkan tadi tentang kenapa kita belanja dan sebab apa kita ini walaupun nampak kecil tetapi sebenarnya ada RM195.5 Juta yang diguna yang disumbangkan oleh anak-anak syarikat kerajaan negeri untuk kelangsungan kejayaan program-program digitalisasi dan beberapa program lain. Antara perkara penting yang disebutkan di sini ialah kenapa belanjawan kita ini ada lebihan sedikit dalam perbelanjaan mengurus. Bukankah ini tidak baik apabila pengurusan bertambah tetapi pembangunan kurang. Ini asasnya. Saya nak sebutkan. Tahun 2014, bajet mengurus kita RM1.14 Bilion. Tahun 2015, RM1.288 Bilion, 2016 bajet mengurus kita RM1.44 Bilion, 2017, RM1.6 Bilion. Tahun 2019 bajet kita saya dah kurangkan kepada RM1.28 Bilion. Tahun lepas kita kurang sikit jadi 1.2 dan tahun ini tambah RM20 Juta tapi RM20 Juta itu untuk apa. RM20 Juta yang pertama kita buat dan kita tambah. Itu yang pertama untuk pastikan elaua pengerusi-pengerusi MPKK sebanyak RM4Juta dapat kita langsaikan dan dapat kita bantu. Yang kedua, ada sikit pertambahan emolumen dan peningkatan gaji di kalangan penjawat-penjawat awam, tapi ini memang strata dan peningkatan tahunan yang dilakukan. Yang ketiga, untuk Ketua Komuniti Masyarakat India. Yang Ke Empat, untuk naikkan ataupun berikan caruman PERKESO kepada lebih 4000 Guru-Guru KAFA di seluruh Negeri Selangor iaitu RM1.01 Juta. Kalau Gombak Setia tak setuju dengan ini. Maknanya tidak setuju kita bagi PERKESO pada Guru-Guru KAFA. Seterusnya..

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kita ada juga menghadapi masalah komitmen bayaran-bayaran mahkamah. Ini saya sebutkan, saya akui. Ini semua bayaran mahkamah yang kita terpaksa selesaikan dan langsaikan kerana apa, kerana masalah kesilapan sebelum ini. Termasuk keputusan tahun 2016 kita gagal untuk selesaikan dengan Majlis Sukan Negeri. Hutang yang akhirnya kita terpaksa menambah RM20 Juta daripada bayaran RM18 Juta yang telah diselesaikan oleh MSN dengan hutang TTDI. Daripada mana hutang ini, daripada sebelum ini dia kalau nak cerita panjang lebar cerita dia.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Beri saya laluan dululah Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Boleh tak? Kita ada masa tak?

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya tak benarkan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Kita jangan jadi macam Parlimen, Parlimen ini menyekat kita bagi contoh Kerajaan Negeri membenarkan..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ada ruang lagi untuk Yang Berhormat untuk berbahas Perbekalan Pembangunan. Sila duduk.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Masa yang seluas-luasnya kepada wakil rakyat untuk membentang. Yang Berhormat Tuan Speaker jangan sekat seperti Parlimen, Parlimen kita dah nampak tak elok, kita bagi contoh yang baik di sidang dewan negeri ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya terangkan, saya terangkan. Macam ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat kita ada..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat kejap-kejap. Tak apa saya jawab. Jangan bimbang ada peringkat jawatankuasa yang boleh *explain*, jawatankuasa ini boleh *detail*. Tapi yang kedua, jawatankuasa sebenarnya boleh lagi *detail*. Yang kedua, kita ada kekangan Perlembagaan yang mana kita perlu meluluskan sebagai pukul 1 atau pukul 12.30 ini. Kalau kita tak luluskan nanti dia langgar peraturan ataupun *automatically* kita belum sempat habis dah kena buat undian. Jadi sabar ya. Ahli Yang Berhormat sekalian, kita ada bayaran-bayaran mahkamah dan kita juga ada membayar hutang-hutang persekutuan yang harus kita selesaikan dan langsakan sebanyak RM4.7 Juta mengikut jadual yang kita buat dan kita tidak pernah ada tunggakan-tunggakan. Adakah kita tak ada program baru. Kita ada. Kita ada program NADI. NADI adalah menyusun peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja. Kita ada BAYU, Bayaran Yuran Asas untuk pelajar-pelajar dan mahasiswa-mahasiswi. Tentang anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, sebagaimana yang saya sebut kita ada satu tabung. Tabung itu adalah tabung pinjaman kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan UNISEL, KUIS menerima tabung-tabung ini dan menurutnya saya sebutkan tadi Ketua Pembangkang menyebut saya tidak memberikan perhatian kepada UNISEL. Untuk makluman, Kerajaan Negeri semua ahli dewan secara spesifik rekod menunjukkan Kerajaan Negeri telah menyalurkan 3 pinjaman kepada UNISEL. Sejak 2007 dengan jumlah pinjaman pokok sebanyak

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

RM83 Juta. Daripada amaun tersebut sebanyak RM36.7 Juta telah salurkan pada tahun 2007, RM3.1 Juta pada tahun 2014 dan RM44 Juta pada tahun 2017. Daripada keseluruhan pinjaman tersebut, UNISEL telah menyelesaikan sebahagian pembayaran sebanyak RM1.2 Juta dengan baki pinjaman keseluruhan ialah RM92.89 Juta.

Pada peringkat awal pinjaman pertama dan kedua dikenakan faedah atas pinjaman adalah kadar 4%. Namun begitu Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mengenakan caj faedah kepada UNISEL untuk pinjaman ketiga memandangkan UNISEL belum berkemampuan untuk melonjakkan hasil serta memulihkan kedudukan kewangan secara menyeluruh. Kerajaan Negeri percaya dan yakin usaha pemulihan yang telah dilaksanakan daripada masa ke semasa Kerajaan Negeri membantu meringankan bebanan kewangan UNISEL dan menyalurkan bantuan kewangan dalam bentuk geran langsung dari sudut pinjaman serta ada, sedia ada. Kerajaan Negeri sentiasa meneliti kedudukan dan keadaan terkini UNISEL daripada masa ke semasa. Ahli Yang Berhormat sekalian, menjelang pada bulan 6 dengan bayaran-bayaran hutang yang kita selesaikan, kita berikan hutang itu adalah untuk membayar hutang sebenarnya yang tertunggak. Sebenarnya kita menjelang bulan 6, UNISEL akan bebas daripada hutang dan mereka mempunyai aset lebih daripada 1000 ekar di Bestari Jaya. Ada lebih berpuluhan ekar di Dengkil yang boleh dibangunkan dan boleh menjadi sumbangan dan dana kepada UNISEL untuk konsisten dan berdiri dengan sendiri di samping BAYU dan beberapa program-program yang lain.

Dalam masa yang sama RM5 Juta yang kita kemukakan kepada kerajaan, yang kepada Universiti Putra Malaysia itu bukan bentuk sehala. Ia juga diturutkan dengan kehadiran tokoh-tokoh dan pakar-pakar mereka untuk membantu Kerajaan Negeri, kan Kerajaan Negeri nak jamin kelangsungan makanan. UPM adalah sebuah institusi yang mempunyai kepakaran dalam pertanian yang boleh menyalurkan untuk bidang-bidang makanan. Sikit.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, tetapi bagi saya jumlah RM5 Juta ini pemberian dalam saya kira dalam bentuk geran kepada UPM ini adalah terlalu besar. Memandangkan hanya untuk penyelidikan, kita tak pasti lagi lebih-lebih lagi dalam keadaan COVID, lepas itu saya tengok perbelanjaan seperti RM5 Juta kepada KURSI, membelanjakan lagi pula kepada 5G tadi RM3 Juta. Ini sahaja dah saya tengok dah menelan belanja RM5 Juta. Satu bajet yang besar kepada satu benda yang kita belum pasti lagi keberkesanannya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya percaya.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Boleh.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kita percaya kepakaran tempatan dan UPM memang terkenal dengan bidang pertanian *agro business, agrotech* ataupun sebagainya yang membantu kita bukan hanya satu aliran dan saya percaya UNISEL ada fungsinya, ada peranan dia dan UPM, Universiti Putra, universiti-universiti lain juga ada peranannya. Oleh sebab itu saya juga turut dihubungi oleh Multimedia Universiti sebagai contoh. Apabila saya melahirkan pandangan untuk *content kereta* bagi industri kreatif, Dusun Tua membangkitkan dan ini adalah satu sokongan yang penting di mana universiti-universiti membantu Kerajaan Negeri dan bersama-sama untuk membangunkan aset dan juga hubungan serta industri-industri baru Kerajaan Negeri untuk pentadbiran dan pembangunan Kerajaan Negeri secara menyeluruh.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Boleh?

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Boleh mencelah Yang Amat Berhormat?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kita tak ada masa.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Sikit sahaja.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Sikit sahaja.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Yang Amat Berhormat. Pertamanya saya nak sentuh berkenaan dengan bajet defisit RM133 Juta yang disebutkan untuk 2020. Sekiranya tidak dapat mencapai 100% kutipan, maka defisit itu akan jadi 333. Saya tidak bersetuju dengan yang dikatakan oleh Sungai Pelek di mana menggunakan semua wang yang ada untuk waktu kecemasan dan sebagainya. Kerana bukan sahaja tahun ini COVID, tahun-tahun sebelum ini tak ada COVID. Jadi kita nampak defisit itu berlaku, yang saya nampak masalahnya di sini sokongan daripada anak-anak syarikat iaitu sumbangan kepada Kerajaan Negeri Selangor tidak memberangsangkan. Yang kedua, semalam Gombak Setia maklumkan ada pemberian pinjaman RM200 Juta kepada PKNS. Saya nak tahu kepastian. Kerana yang dimaklumkan sebelum ini pemberian pinjaman KUIS dan juga UNISEL dimaklumkan dalam sidang dewan. Tetapi untuk PKNS tidak maklumkan, yang itu kedua. Yang terakhir saya nak maklumkan ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga dewan negeri ini kerana memberi seluas-luasnya ruang kepada ahli dewan untuk berbahas dan juga untuk menanyakan soalan bukan seperti mana di dewan Parlimen. Hari ini memberikan masa 5 minit dan juga satu soalan dan saya juga maklumkan di sini kepada pihak pembangkang di Parlimen untuk kerajaan yang mana memerintah hari ini sekiranya tidak cukup majoriti. Maka saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meletak jawatan. Jangan

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

menyekat hak kebebasan wakil rakyat untuk bersuara di dewan negeri mahupun dewan rakyat. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya cadangkan saudara Parlimen..

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW : Sikit sahaja. Sedikit sahaja.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sekejap. Ikut *trend* kita Kerajaan Negeri tahun ini tak mungkin defisit kita akan lebih tinggi daripada RM133 Juta. Itu jaminan saya. Ikut trend ya. Sebab perbelanjaan yang sedikit kurang disebabkan COVID beberapa majlis, program tak dapat berjalan. Tetapi pengurusan juga kita dapat kurangkan. Maksimum pengurusan kita akan cecah 90% daripada sasaran perbelanjaan kita. Jadi tak mungkin kita boleh lebih. Yang kedua, apa tadi yang kedua? Apa PKNS ya?. Ini adalah RM200 Juta daripada tabung pinjaman anak-anak syarikat. Tak ada masalah, ini kita dah umumkan lepas ataupun dalam dewan yang lepas ataupun kalau tak umumkan dalam dewan pun ia berhak untuk tidak diumumkan dan sebahagiannya digunakan untuk menampung beberapa urusan-urusan dan juga memastikan PKSN stabil untuk meneruskan pinjaman dan *3 Star Level Gred A* yang dimiliki oleh PKNS dan kelangsungan *cash flow* mereka. Saya nak maklumkan industri *property* ataupun perniagaan begitu terdesak pada ketika ini melibatkan rumah-rumah. Aset yang tak mampu dijual oleh syarikat besar seperti syarikat-syarikat tertentu mencecah Bilion ringgit. PKNS juga ada Bilion aset yang tak mampu dijual. Tetapi aset-aset itu tak boleh jadi *cash*. Jadi *cash flow* nya agak tersekat. Jadi pinjaman-pinjaman ini menyedari aset-aset yang sedia ada yang boleh digunakan ataupun yang sebaiknya untuk Kerajaan Negeri. Ahli Yang Berhormat sekalian.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Yang Berhormat.
Yang Dipertua.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya tak benarkan.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Sedikit. Boleh ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya tak benarkan. Yang Amat Berhormat ada 2 minit sahaja.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Sedikit sahaja. Fasal PKNS tadi. Sebab saya kira ini penting dan sebagaimana yang saya tegaskan dalam ucapan perbahasan saya bukanlah menjadi hasrat kita untuk Kerajaan Negeri tidak membantu anak-anak syarikat. Tetapi dalam keadaan sebagaimana yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar sampaikan tadi kita juga tahu sekarang ini apa juga industri terkena dampak COVID dan sebagainya. Maka seharusnya kita juga lebih teliti supaya setiap pinjaman yang kita serahkan itu sebelum kita bersetuju dengan

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

pinjaman-pinjaman tersebut anak-anak syarikat ini ada strategi, *direction*, ada *business plan* yang betul dan juga mampu akhirnya menyumbangkan kembali keuntungan mereka kepada rakyat. Kita tak mahu mereka ini buat hutang tapi akhirnya Kerajaan Negeri yang sepatutnya bantu rakyat terpaksa pula bantu anak syarikat. Anak syarikat ini kita tubuhkan supaya dia ada keuntungan, pulang kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri bantu rakyat. Tetapi akhirnya nanti dia terbalik kita pula terpaksa bantu anak-anak syarikat ini. Jadi saya minta supaya Kerajaan Negeri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pastikan anak-anak syarikat kita ini betul-betul ada strategi perbelanjaan, ada strategi pengurusan supaya ia nya tidaklah menyusahkan dan membebankan Kerajaan Negeri kerana saya yakin kalau Kerajaan Negeri terbeban akhirnya yang jadi mangsa adalah rakyat Negeri Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Pertama saya nak jelaskan. Pertama saya ada 1 minit. Pertama tabung ini memang tabung pinjaman anak-anak syarikat. KUIS ke, HIJRAH ke, UNISEL ke daripada tabung inilah, daripada tabung ini. Maknanya nak gunakan tabung ini dengan *trust deed* yang berbeza tak boleh. Itu saya nak sebutkan dalam Undang-Undang Peraturan Kerajaan Negeri. Kedua, saya setuju kita kena terima dia punya cara dan kaedah dan kebetulan kita berdepan dengan masalah ekonomi *tight*. *Tight* yang sangat besar. *Tight* daripada kedudukan sebab *property business* yang merudum bukan tahun ini dah 2-3 tahun yang lepas. Sudah pasti kita ada asetnya, kita ada nilainya dan kita kena bantu dan sebahagiannya melibatkan pekerja. Ini melibatkan pekerja-pekerja di Hotel De' Palma yang terpaksa berdepan dengan masalah penting dan Kerajaan Negeri berfikiran adalah baik dan baiknya untuk kita jaga dan prihatin dengan pekerja-pekerja ini supaya nasib mereka terbela dan nasib mereka terjaga. Ahli dewan sekalian, jadi saya tak punya masa saya hanya ada beberapa saat lagi nak terangkan, saya percaya Kerajaan Negeri melihat pandemik ini sebagai satu cabaran yang harus kita rentas sebab itu saya sebutkan tentang *cognitive challenge of war*. Sebab itu saya sebutkan tentang *new deal*. *This is new deal for us* di Malaysia. Kebetulan pula kita dah rancang sejak 5-6 tahun lepas untuk *Smart State*. Dan marilah kita bersama-sama ke arah perkara tersebut dengan merangka beberapa rancangan-rancangan dan termasuk anak syarikat sebenarnya sumbang Yang Berhormat Gombak Setia RM195,000,000.00 tahun ini sahaja untuk program-program kita dalam belanjawan dan sebagainya dan marilah kita bekerjasama, berpadu tenaga, mengekalkan *stability* dan keadaaan, melepassi jangkaan covid-19 ini dengan jaya dan meneruskan perjalanan 2021 dengan cemerlang realiti baru berpaksikan ekonomi yang bermaruah. Terima kasih, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar dan seluruh Anggota Kerajaan yang telah memberikan jawapan kepada segala persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan Bagi Tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan di bawah Peraturan Tetap 66(3) untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B. 1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, RM111,964,921.02 (Satu Ratus Sebelas Juta Sembilan Ratus Enam Puluh Empat Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Satu dan Dua Sen)

TUAN PENGERUSI : Ya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Pengerusi, Timbalan Pengerusi. Saya amat bahagian di sini adalah membuka muka surat dalam anggaran Belanjawan Negeri Selangor 2021, muka surat 50. Butiran 505000 kod objek dari 1100 – 1700 Emolumen dengan Jawatankuasa Tetap yang melibatkan Bangunan, Sumber Alam, Pembangunan Usahawan, Perumahan, Kebajikan Masyarakat, Kerajaan Tempatan.

TUAN PENGERUSI: Muka surat yang mana Yang Berhormat? 51?

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Muka surat 50-51, sepanjang muka surat itu. Saya minta izin duduk. Di mana dalam isu ini yang telah kemukakan oleh Kerajaan tentang *Food Bank*. *Food Bank* ini adalah satu idea yang baik, idea yang menunjukkan sebuah Kerajaan dan negara itu mempunyai wawasan yang jelas. Kerana Kerajaan yang menjaga *food survey* ni nanti kedaulatan makanan yang berasal daripada dia punya kekuatan untuk menentukan dan mempengaruhi cara satu makanan asasi itu di tetapkan. Makanan asasi adalah satu konsep yang, tapi makan asasi ini asasi ini kita faham, kalau orang-orang Melayu biasanya kalau tiada nasi, dia takkan kenyang. Tak puas makan, zaman Jepun diungkit-ungkit. Kata bapa-bapa, nenek- nenek kita. Kerana kami tiada nasi, tiada beras Jepun tak bagi tanam beras. Jepun bagi tanam beras jika beras itu untuk tentera jepun je. Orang Melayu tak nak makan ubi takut dapat penyakit dan sebagainya. Hari ini ubi boleh dikatakan makanan yang eksklusif. Buat tapai pun boleh, buat goreng pun boleh, dan macam-macam masakan dibuat

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

daripada ubi. Jadi oleh kerana itu kita kena defund balik *Food Bank* ini saya mencadangkan kita melihat dalam masa depan yang panjang dari segi keperluan masyarakat kita. Beras kita belum selesai, penanaman dan pengurusan beras tak selesai di peringkat nasional. Beras import, beras tak import, AP Beras banyak pertikaian. Benih beras satu hal lagi, baja beras satu hal lagi. Jadi isu itu kita tangani di peringkat persekutuan dan barulah kita bantu ke peringkat negeri. Jadi apa yang hendak saya bawa di sini adalah definisi makanan asas tu hendaklah kita jelaskan agar makanan asas ini tidak kita anggap sebagai satu je ye iaitu beras ataupun nasi tapi kalau kita lihat di peringkat dunia, makan asasi yang nombor satu adalah beras atau pun padi. Kedua adalah ubi-ubian, keledek, keladi, yam, pisang atau *second staple food* ketiga barulah gandum untuk roti dan sebagainya. Jadi kita lihat di sini bahawa di Malaysia kita kena mendidik pendedahan rakyat kepada makanan yang penting adalah makanan yang berkualiti dari segi keseimbangannya. Iaitu bererti ada nutrition, ada nutriannya yang penuh lengkap dengan zat-zat yang baik. Jadi itu satu konsep yang kita rasa Kerajaan perlu bertindak walaupun di peringkat Negeri Selangor bertindak dengan baik. Yang kedua adalah bagaimana *staple food* atau makanan-makanan yang membantu ini menyumbang. Bila saya ada bawa ucapan ini, isu ini dalam persidangan yang lepas, kita mahu faham pasal *community farming*. *Community farming* ini benda yang sangat berguna di Amerika sekarang. Ia membina hubungan kejiranan, membina hubungan kekeluargaan, membina hubungan kerjasama dengan memanfaatkan tanah-tanah yang ada dikelilingi rumah. Kalau tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat membuka dalam *Youtube* ataupun *study* pasal *community farming* di Amerika, ada seorang tokoh itu sangat hebat. Dia boleh tanam segala jenis makanan, segala jenis herba, segala jenis ubat, segala jenis perkara-perkara yang berkaitan yang boleh dijual. Dengan kekuatan perundingan atau *negotiating power* dengan izin, dia *negotiate* dengan jiran dia pujuk rayu kawasan-kawasan tanah-tanah yang kosong itu, padang permainan dia ke tak bagus ke. Dia tanam dan mereka jadi komuniti yang sangat berjaya di Amerika. Dan di sini di Hulu Kelang kita ada satu komuniti dengan kerjasama MPAJ, memberi bantuan baja, benih, khidmat nasihat dan juga dari segi bantuan-bantuan lain. Komuniti di AU2A, Flat Columbia ataupun Flat Dewan Bahasa telah menjadi satu komuniti yang bekerjasama. Mereka *produce* segala jenis sayur, setakat bendi, setakat kacang panjang ni, memang tak larat nak makan. Tak habis. Lepas tu kalau nak tanam benda-benda lain banyak yang ditanamnya dan yang menarik sekali, satu lah satu-satu tempat yang ada sawah padi. Di DUN Hulu Kelang itulah di kawasan itu. Mereka tanam satu plot tanah, contoh bagaimana tadi padi di tanam dan padi itu rupanya macam mana. Tapi pentingnya adalah kekuatan-kekuatan yang dibina dengan sokongan-sokongan agensi Kerajaan macam EXCO Infra, EXCO-EXCO Pertanian telah datang membantu memberi baja dan sebagainya untuk memberi motivasi kepada mereka. Jadi saya ingat, benda ini kita kena faham bahawa untuk mengajak penduduk kita berfikir tentang *staple food* yang penting, berfikir tentang bagaimana makanan kita dihasilkan juga itu adalah penting. Kita selalu memperkecilkan tanaman macam laman herba, macam laman dapur tapi impaknya besar. Selepas beberapa tahun bersama-sama dengan komuniti, saya *test* satu *simple* je, *simple test* saya buat di rumah kami dekat

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Bukit Antarabangsa dekat DUN Bukit Antarabangsa, saya berjiran dengan Hulu Kelang rumah saya. Kami buat satu apa kita namakan pasu *simple* dengan dia punya tu. Tanam macam-macam buah kekacang, saya tanam satu pokok bendi dan satu pokok kacang panjang dah 2 minggu. Bagi orang pun tak nak dah, monyet yang datang pun dah kenyang. Monyet dah tak nak makan kacang panjang, markisa, bendi, terung cukup. Jadi kita menggambarkan kat sini, saya punya pengalaman bila saya sendiri merasakan hidup begitu. saya rasa, eh tak payah susah nak lapar la kalau macam ni.

TUAN PENGERUSI: Ringkaskan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Susah nak lapar, susah nak lapar kerana kalau kita kreatif, kita buat berbaik pada alam pada tanah kita akan dapat perkara baik. Jadi ini satu saya nak bawa pemahaman, jangan menganggap kecil benda ini, jadikan dalam zaman sekarang ini, tanam pokok sendiri bererti kamu memasak menanam makanan kamu sendiri. Kacang, kuchai, bawang, lengkuas, limau, limau nipis, limau purut, bunga telang, sayur semua. Dan berbaiklah pada maksud saya burung, rumah saya yakin dalam masa seminggu sebulan banyak burung datang dan baiklah dengan kelulut dengan lebah, tanam pokok bunga yang untuk dia datang, boleh jadikan sumber. *This is back to nature*. Jadi saya lihat bahawa peristiwa macam Menteri Besar kata tadi *background* kita melihat masa depan kita adalah COVID. Itu dia. Lepas itu kita lihat bagaimana kita nak *overcome* benda itu mungkin mereka berulang berkali-kali dan cara kita untuk menangani itu. Jati diri kita. Program saya di jalan di Taman Seri Ukay itu adalah bila saya dah buat saya punya satu para-para tanaman pokok-pokok ini, bukan sahaja monyet datang, jiran-jiran saya daripada kaum cina, india datang. Dia datang, dia datang, dia bawa benih dia. Ini bawa hasil buah dia, dia kongsi. So, hubungan kami cukup mesra, dah 2 3 tahun ini hubungan kami cukup mesra dan kami kalau hari sambutan 31 Ogos itu ataupun 16 September. Kami adakan sambutan Hari Malaysia dan mereka membawa hasil tanaman kami. Jadi saya ingin menjelaskan di sini...

TUAN PENGERUSI: Baik, Yang Berhormat, sila tamatkan

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penutup, jadi dengan itu saya menyokong bahawa peruntukan yang digunakan untuk *maintain* atau menyelenggara, menguruskan kakitangan dan emolumen dan sebagainya digerakkan dari sekarang ke, apa ke ni, terima kasih.

TUAN PENGERUSI: Baik, untuk peringatan kepada Yang Berhormat untuk Perbaesan Perbekalan ini setiap ahli dibenarkan selama 5 minit sahaja. Saya persilakan pihak kerajaan terlebih dahulu untuk menjawab.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya ada, sebenarnya kalau ikut topik ini Tuan Timbalan Pengurus kita tengah berbincang tentang kod objek pengurusan

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

sebenarnya. Tetapi saya ingat boleh saya bagi sedikit latar belakang tentang *Food Bank* yang ingin dilaksanakan ataupun yang diberi sedikit teguran, teguran pula. Sedikit info ataupun pertanyaan daripada Yang Berhormat Hulu kelang. Saya ingin jelaskan di sini *Food Bank* ini adalah satu konsep di mana kita *hybrid* kan bantuan, kita *hybrid* kan maksudnya ada pihak yang ingin membekalkan makanan-makanan yang sebenarnya terutama di pasar-pasaraya, *hypermarket*, mereka-mereka usahawan yang mempunyai banyak makanan-makanan yang sebenarnya ada lebihan ataupun tidak dijual, atau terjual terbeli disebabkan akhir-akhirnya dengan PKP dan sebagainya ada *on the share*, banyak sangat jadi mereka ingin menyumbang pada Kerajaan. Dalam masa yang sama kita juga ada banyak individu yang akan terkesan ataupun telah pun terkesan dalam aspek. Dalam masalah kebajikan ataupun masalah mereka perlu mendapat bantuan daripada Kerajaan yang tidak dalam kategori sama ada JKM, sama ada E-Kasih, sama ada KISS dan sebagainya program-program yang ada. Jadi Program *Food Bank* ini adalah program *hybrid* yang kita dapatkan penajaan daripada pihak-pihak yang nak memberikan bantuan seperti pasaraya-pasaraya besar, pada restoran-restoran yang ada dan kita dan mereka mengumpulkan bantuan ini di satu tempat dan mereka menganding dan *offer* kepada Kerajaan Negeri untuk bantuan dan dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga cuba seboleh mungkin untuk menampung barang-barangan yang kita rasakan wajar diberikan kepada keluarga-keluarga yang memerlukan ini. Jadi bila kita gandingkan dua ini itulah pengurusan itu nanti melibatkan Pusat Khidmat Rakyat yang ianya akan memberikan bantuan ini secara melahirkan ramai sukarelawan yang peka yang prihatin yang peduli di komuniti masing-masing. Jadi di situlah sebenarnya konsep ini sebab ini kita bincang Bawah VOT B01. Jadi saya jawab dalam konteks B01.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih, saya sedar benda itu, saya faham tapi saya nak *background* pada semangat untuk mengadakan *Food Bank* dan sebagainya lebih *structure* lebih besar *investmentnya* pada hati, diri kita. Dalam hati ada taman.

TUAN PENGERUSI: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Timbalan Pengerusi. Saya cuma nak lontarkan satu pemerhatian. Pihak pembangkang

TUAN PENGERUSI : Vot berapa?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Kejap dulu. Satu pemerhatian tak sampai satu minit. Pihak pembangkang selama minggu ini dia orang selalu melontarkan belanja lebih, belanja lebih, belanja defisit lebih. Dalam peringkat jawatankuasa, kita ada banyak butiran di sini. Apa vot yang pihak pembangkang nak cadangkan, kita tambah. Ada tak idea konstruktif daripada pihak pembangkang? Sebab saya tak lihat pihak pembangkang bangun untuk bahas. Setakat ini saya lihat

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

daripada pihak penyokong kerajaan. Saya cuma nak lontarkan pemerhatian ada tak Gombak Setia, ada tak apa-apa cadangan yang nak dilontarkan? Vot apa yang hendak dinaikkan? Berilah cadangan konstruktif.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Tuan Pengerusi.

TUAN PENGERUSI : Baik. Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Ok, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada kod objek 2900 Jawatankuasa

TUAN PENGERUSI : Muka surat? Muka surat mana Yang Berhormat?

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Muka surat 51.

TUAN PENGERUSI : Ok.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Kod objek 290000 (Perkhidmatan Jawatankuasa Tetaplah). Terus. Saya nak ucap tahniahlah kepada kerajaan Selangor kerana mewujudkan Hal Ehwal Orang Asli. Orang asli adalah satu golongan yang kita selalu tercicir memandang mereka, terlepas pandang dan kali ini ada jawatankuasa ini saya harap kita ada mengkaji ataupun memberi perhatian yang serius kepada pendidikan ataupun pendapatan orang asli supaya mereka terkeluar daripada golongan miskin ini. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Ada jawapan daripada kerajaan? Atau ok. Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengambil perhatian kepada muka surat 50 (5050000 – kod objek 29000 Pembangunan Tanah). Pada September 2018, Y.A.B Dato' Menteri Besar telah mengumumkan berkaitan dengan urusan tukar tanah ataupun tukar syarat penjualan tanah lot lidi melalui surat Ikatan Amanah yang telah dimansuhkan atas beberapa sebab yang saya kira adanya berlaku penipuan, sindiket dan sebagainya. Yang saya melihat, mungkin ada dasar yang telah dibuat melalui kod objek peruntukan ini. Satu dasar yang saya lihat pada hari ini banyak keperluannya terutama di kawasan-kawasan kampung. Lot-lot pertanian yang mana sebahagiannya kadang-kadang telah diduduki oleh anak-anak tapi mak bapanya belum meninggal dunia jadi tidak diwariskan. Kadang-kadang ada sampai ke cucu yang sampai peringkat ada macam jual belilah akhirnya bila berlaku kematian, dia jadi masalah. Itu satu perkara.

Yang kedua, bila ada penjualan tanah-tanah pertanian lot-lot lidi ini yang masih lagi berlaku ataupun yang dulu berlaku tetapi tidak selesai. Kadang-kadang ada sampai 20 ekar dijual. Kalau kawasan saya ada di ladang estet, Ladang Telok Panglima

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Garang yang dijual yang secara tidak mengikut peraturan dalam lot-lot lidi ini oleh masyarakat India contohnya. Sampai hari ini tidak ada nama dan tanah itu sebahagian daripada pembeli itu dah meninggal. Jadi saya, mungkin sebab diumumkan dibekukan sehingga satu tarikh yang akan disiasat oleh, yang akan dibuat kajian oleh kerajaan negeri. Dan apa kesudahannya? Sebab saya tengok di kawasan saya sendiri, masih lagi berlaku penjualan lot-lot lidi ini. Jadi saya minta penjelasan daripada kerajaan negeri. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Saya nak jelaskan. Memang Kerajaan Negeri semenjak daripada tahun 2018 dan selepas itu memang menangani lot lidi ini sebab mangsanya ramai. Mereka yang membeli akhirnya tanah itu tak boleh ditukar hak milik dan kita telah mengehadkan maknanya kita dah berhenti lagi maknanya mereka nak *sign* S&P untuk pengambilalihan pertukaran itu pun kita dah *stop* kan.

Cuma apa yang dibangkitkan oleh Y.B. Sijangkang sebentar tadi ialah berkenaan dengan pembinaan rumah. Mereka boleh tukar syarat, boleh tukar syarat tentang rumah-rumah tersebut daripada pertanian kepada bangunan. Dengan itu, mereka boleh bangunkan rumah dan apatah lagi ia bila melibatkan keluarga. Bila melibatkan keluarga, boleh masukkan saja senarai waris-waris ataupun mereka-mereka, anak ke, cucu cicit ke, ke dalam geran itu dan akhirnya menjadi hak milik bersama. Yang jadi masalah dari sebelum ini ialah tuan punya tanah jual tanah nama tak tukar lagi. *Finally*, bila meninggal tuan punya tanah, anak-anak mewarisi tanah tersebut. Yang akhirnya orang yang keluarkan RM60,000 RM70,000 itu pertukaran tanah tak sah dan akhirnya tanah itu, pelaburan itu habis. Jadi inilah yang banyak menimpa. Sebab itu kita menangani lot lidi ini dengan tak benarkan. Tapi kalau melibatkan ahli keluarga dan sebagainya saya rasa tidak ada banyak kekangan sebab ia melibatkan kasih sayang, istilahnya. Kalau dalam pengurusan tanah, ia boleh disalurkan dan boleh letakkan nama pun sekali gus *rather than* kita buat lot-lot, pecahkan lot-lot dan sebagainya. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Jadual B1 iaitu wang sejumlah RM111,964,921.02 untuk kepala B1 (Pejabat Menteri Besar dan SETIAUSAHA DEWAN Kerajaan) menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B2 (Pelbagai Perkhidmatan) – RM73,879,037.24

TUAN PENGERUSI : Jadual B2 iaitu wang sejumlah RM73,879,037.24 untuk kepala B2 (Pelbagai Perkhidmatan) menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'ya'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'tidak'. Dipersetujui.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B3 (Dewan Negeri Selangor – RM31,687,098.17)

TUAN PENGERUSI : Bukit Lanjan

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya nak bawa dua perkara. Yang pertamanya adalah pada muka surat 63, butiran 506000 (Pengurusan Dewan) eh maaf. Bukan. 505000 (Pentadbiran dan Kewangan) muka surat 62, kod objek 32000 (Bangunan dan Pembaikan Bangunan).

Pertamanya adalah kita telah dijanjikan beberapa tahun, sudah lamalah bahawa kita akan ada satu bangunan sebelah sini, sebelah Annex, lepas itu ada bilik mesyuarat, bilik kerja dan sebagainya. Mungkin ada kerana kekangan ekonomi pada masa ini. Saya rasa wakil-wakil rakyat memang boleh terimalah kalau ianya di tangguh. Tetapi ada satu perkara iaitu laluan untuk kerusi roda masuk ke dalam Dewan Negeri Selangor dan saya rasa ini perkara ini telah dibangkitkan lebih daripada 10 tahun. Setiap tahun ada orang berdiri untuk sebut perkara ini. Saya rasa ianya perlu dilaksanakan dengan segera. Ianya merupakan satu keperluan dan kita juga ada wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini yang mungkin perlu menggunakan laluan kerusi roda. Dan saya juga ingin ingatkan kepada semua bahawa kalau kita nak buat bangunan baru di Selangor sekarang, kalau tidak ada access untuk OKU ataupun kerusi roda, bangunan itu tidak akan dapat lepas *certificate of fitness*. Jadi saya ingin menyeru Dewan yang mulia ini bersama dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan perkara ini dilaksanakan pada tahun depan kerana dalam ini RM10. RM10 maksudnya tidak ada projeklah untuk membaiki ataupun menambah baik lagi bangunan.

Perkara kedua saya ingin bawa ke perhatian Dewan yang mulia ini adalah di bawah butiran pengurusan (Butiran 506000 – Pengurusan Dewan Negeri) muka surat 63 di mana saya ingin cadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya Dewan buat dua perkara :-

- a) Adalah untuk menubuhkan beberapa jawatankuasa pilihan khas tambahan. Kita di Negeri Selangor, kita amat progresif kerana kita kalau bandingkan dengan negeri-negeri lain kita ada banyak jawatankuasa pilihan khas termasuk kemiskinan, isu air, SELCAT dan sebagainya, tanah, PBT memang sangat bagus. Walau bagaimanapun saya rasa wakil-wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini ada kemampuan untuk membantu kerajaan negeri untuk melihat beberapa perkara lagi :-
 - i. Isu wanita. Penglibatan wanita, isu-isu wanita di negeri ini;
 - ii. Kesihatan. Satu perkara yang sangat-sangat penting. Sebelum ini sangat penting, sekarang ini ia menjadikan dengan izin satu *necessity*;
 - iii. Pendidikan.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Jadi, ini adalah cadangan untuk Dewan yang mulia ini.

- b) Perjalanan Sidang Dewan dalam keadaan pandemik. Pagi ini Dato' Menteri Besar telah menyentuh perkara ini di mana Mesyuarat Dewan boleh, kita boleh lihat macam mana ianya dijalankan menggunakan *Zoom*, *teleconference* dan sebagainya kerana dalam keadaan pandemik, kita perlu buat sesuatu yang dengan izin *extraordinary*. Tetapi pada masa yang sama, saya juga ingin cadangkan sekarang kita duduk bermesyuarat tiga kali setahun. Tempoh masa yang paling lama adalah 14 hari. Dalam keadaan pandemik, kita sepatutnya cuba elakkan dengan izin *long exposure*. Maksudnya, saya tidak ingin duduk terlalu lama walaupun Banting adalah kawasan lama saya tapi saya tidak ingin duduk terlalu lama selama 2 minggu sebelah dia. Kalau boleh. So, cadangan saya adalah untuk bukan saja Dewan Negeri Selangor tetapi untuk kerajaan negeri melihat perjalanan mesyuarat dalam Dewan. Maksud saya adalah jangan buat tiga kali setahun sahaja. Kita boleh buat sebagai contohnya setiap bulan, setiap dua bulan tapi kita bermesyuarat selama dua tiga hari saja. Sangat spesifik. Kalau bajet, bajet. Kalau perkara A, perkara A. Penyata, penyata. Maksudnya kita bertemu lebih kerap tetapi *exposure* nya kurang (satu dua hari saja). Jadi ini juga perlu mungkin kita perlu *adjust* lah emolumen, eluan tetap dan sebagainya khasnya untuk penjawat awam yang bertugas di Dewan yang mulia ini.

Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Pihak kerajaan?

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Pengerusi.

TUAN PENGERUSI : Pihak kerajaan ada maklum balas?

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya ada

TUAN PENGERUSI : Pihak kerajaan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Saya rasa lepas ini Banting kena ada rambut biar tak jemu sikit. Yang Berhormat, untuk makluman Y.B. Bukit Lanjan untuk kerusi roda ada peruntukan dalam Vot Peruntukan Penyelenggaraan Kerajaan dan boleh guna peruntukan ini dan apa yang kita kemukakan dalam Dewan ini adalah ia melibatkan penggajian dan tidak melibatkan pembangunan. Ini adalah melibatkan pengurusan. Maknanya dalam penyelenggaraan kita boleh letak sebahagiannya melibatkan ram dan sebenarnya dalam Dewan kita juga ada *lift* dengan izin ataupun *lift* lah. *Lift*. Nama Melayu tak tahu. *Lift*. Dan *lift* itu masih boleh digunakan cuma mungkin saya percaya ram-ram tertentu itu belum ada.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Berkenaan dengan bangunan baru, kita kena melihat kesesuaian. Saya rasa pihak kerajaan negeri kena melihat *priority* sekarang sama ada untuk menyelesakan Ahli Dewan ataupun kita selesaikan isu *content* rakyat. Saya rasa dengan pembangkang, kita pun ada sedikit pandangan, beza di sini kita nak pastikan ruang pekerjaan, pembangkang minta lebih untuk bantu yang susah. Yes, itu juga kita kena imbangkan dan selarikan dalam keputusan kerajaan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan 1 tengah hari. Dewan disambung jam 2.30 petang.

(DEWAN DITANGGUHKAN)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula sebagai Jawatankuasa Perbekalan. Bentara. B3 Dewan Negeri Selangor tak ada lagi ya? Ok. Ya. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Pengerusi.

TUAN PENGERUSI : Ya Hulu Kelang teruskan ya. Saya nak beritahu untuk peringkat Perbekalan Jawatankuasa Pengurus ini hanya kepada pengurus sahaja, bekalan sahaja tidak boleh ada pembangunan dan sebagainya ya. Kalau tidak saya akan suruh berhenti, ya. Pastikan. Fokus.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih. Kita fokus kepada B3 muka surat 62 butiran program 505000 kod objek adalah berkenaan dengan Perkhidmatan Dan Pengurusan. Sambung itu dengan muka surat 63 di atas itu adalah 56000 Pengurusan Dewan Negeri. Saya menyentuh tentang kedudukan Dewan Negeri dan Ahli Dewan. Usaha kerajaan untuk memperkasakan Dewan dan Ahli Dewan. Kita ucapkan terima kasih di atas kebijaksanaan dan keprihatinan Speaker-Speaker yang lepas dan Tuan Speaker yang ada pada hari ini untuk memartabatkan Dewan kita sebagai Dewan yang berwibawa ataupun kita telah dijelaskan tadi bangunan itu satu tahap yang diambil kira dari segi keselesaan kita dengan perkiraan tentang kepentingan rakyat. Tapi saya ingin menjelaskan dari segi kedudukan seorang ADUN.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

ADUN ini ada kebebasan dan hak dia. Ada hak dan kebebasannya. Dan sebaik-baiknya dia diberikan kebebasan dalam membuat keputusan dan dia walaupun dia Ahli Dewan Negeri ada Menteri Besar dan EXCO. EXCO dan Menteri Besar itu bukan ketua dia, bukan bos dia la Pengerusi. Dia sebagai rakan seperjuangan rakan yang berkongsi buat keputusan. Dan keputusan dia tidak tertakluk kepada apa yang diarahkan oleh Menteri Besar ataupun oleh EXCO. Alhamdulillah perkara itu telah difahami dengan baik oleh semua Menteri Besar, Pakatan Harapan, rakyat daripada Pakatan Harapan serta EXCO-EXCOnya. Kita tidak pernah terasa untuk diarah dan dibuat keputusan. Cuma ada sekali la baru-baru ini saya rasa macam pelik apabila kita dapat arahan bahawa macam arahan la bunyinya macam arahan untuk membekalkan makanan kepada penduduk masa COVID. Jadi kami pun buat benda tu katanya akan dibayar oleh kerajaan tak pakai duit ADUN tapi bila kita buat *claim* kata tak cukup duit. Tak cukup duit katanya. Dulu yang dulu kata daerah Gombak kata kerajaan punya yang nak buat tu dia tak bayar jadi kami pakai duit ADUN. Jadi kita rasa tak sedaplah macam tu kan. Dia cakap tu bertulis. Jadi kita kata saya faham bila nak ditanya dalam *Pre-council*, Dato' Menteri Besar pun dah jawab, dia tidak berniat untuk itu. Untuk membuat keputusan pihak kita tapi kita dah terikut dah benda tu. Dan satu lagi yang saya rasa tak selesa adalah apabila ada pegawai-pegawai yang masuk campur dalam menentukan boleh *claim* ke tak boleh *claim* peruntukan ni. Wajar ke tak wajar. Ada satu peristiwa saya rasa saya dah jadi hero lah. Ada program yang sangat popular di kalangan ADUN-ADUN dalam orang Melayu khususnya adalah kenduri kahwin. Kenduri kahwin ni biasanya angpaulah kan baru bagi duit raya, salam-salam tu mesti ada benda kat tangan tu la. Sebulan kalau masa tengah *peak* tu boleh jadi ke RM2,000, RM3,000 banyak. Jadi kita ada yang *complain-complain* dengan saya, saya kata cuba rombak. Saya kata jemputan tu saya tulis jemputan daripada siapa, buat senarai setiap kali dua bulan tiga bulan saya *claim*. Kata Jadual perkahwinan, kenduri kahwin RM50, RM100 tulis total 4,000 katakan, RM3,000 lebih dapat *claim*. Ada sekali tengah-tengah begitu ada seorang senior pegawai dia kata "eh mana boleh *claim*, ini kenduri kahwin tak boleh *claim*". Jadi tak boleh *claim*, dah tak boleh *claim* dah. Jadi saya rasa macam peraturan tu tidak pernah ada yang stabil. Begitu juga macam keluar kawasan, pergi keluar kawasan kita pergi keluar kawasan pergi katanya 38 kilometer sekali tahun kedua saya tak *claim* la. Saya *claim* dan *claim* saya tu *the first claim* tu seingat saya dipulangkan. Saya kata kenapa tak betul banyak ke saya *claim*. Tak. *Under claim*. YB keluar je dapat RM50, *claim* di luar kawasan contohnya kalau di masjid dia kata. Jadi kita pun tak tahu mana satu yang betul jadi kita buat ikut mana yang ada je la. Jadi saya rasa kita mesti merasakan ada kebebasan membuat keputusan. Tahu ikut peraturan. Tidak ada orang atas kita atau bawah kita membuat sesuatu keputusan yang menyebabkan perjalanan kita tidak begitu baik. Dan satu yang saya rasa yang penting adalah perasaan kita sebagai ADUN adalah apabila kita hanya dibantu oleh seorang kerani kawasan. Kita tak, kerani ni kalau kerani kita ADUN kita ada Pusat Khidmat yang menjaganya pengurus, tak kena. Saya memang memilih seorang yang *graduate* yang ada pengalaman dan saya bayar lebih la. Saya bayar dia RM5000, RM6000, RM7000 yang mana saya bayar saya punya pengurus dan pegawai-pegawai yang begitu saya bayarlah pakai

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

claim-claim saya apa-apa yang saya ada dan saya tak kesah lah. Saya kata saya subsidi kerajaan pakatan rakyat lah. Saya hanya diberikan kerani tapi saya amek *manager* dan dia kena *run* kerja tu sebagai *manager*. *Dan manager* maknanya bayar lebih. Maknanya saya *subsidies* kerajaan tapi saya rasa itu amalan yang tak baik. Amalan yang baik adalah kita tentukan kita punya pengurus kualiti begini kelulusan begini dan bayarannya begitu. Ini masanya telah sampai dan saya ucapkan terima kasih kerana kerajaan tambah bilangan pekerja dulu kita ada dua sekarang sudah empat eh? Tak masuk PWB. Bawah PWB ada petugas penyelia wanita yang boleh kita manfaatkan juga untuk menaikkan imej PHM. Dan satu lagi yang ingin saya sentuh adalah tentang kita ada *disparity* antara ADUN dan EXCO memang itu kelebihan EXCO saya rasa wajar. Dia ada *extra RM100,000* sebulan, bagus. Tapi kalau dikurangkan jurang tu bagus jugalah. Beza di antara EXCO dan ADUN ni kita 50,000 je sebab apa sebab ia melibatkan perasaan kita ini dari segi perubatan. Perubatan is *something* yang *basic* saya rasa perubatan kita perlu perubatan yang baik. Kalau kita pergi hospital kerajaan, dapat hospital kerajaan punya *level* tapi kalau contohnya EXCO dia, *when you go to*, Macam saya ya, anak saya Ahli Majlis di Selayang, dia ada peruntukan untuk *cover* perubatan mak bapak dia. Perubatan mak bapak dia hanya layak bapa dia hanya layak di hospital kerajaan. Dia layak di hospital swasta, jadi dia *cover* saya punya perubatan. Seorang Ahli Majlis di MPS *cover* perubatan ayah dia yang kebetulan seorang ADUN. Bapa dia tidak dapat *cover* perubatan di hospital swasta kerana ubat tu hanya ada di hospital swasta sahaja. Jadi benda-benda begini kita kena tengok-tengok jugalah. Dan satu lagi yang saya rasakan. Saya rasa akan melalui benda ni saya akan mengadakan melalui satu *surgery* yang besar. Terima kasih Dato' Menteri Besar beri sokongan. Tapi *the cost is so high*, kebetulan saya entah macam mana tah siapa lantik saya menjadi pengerusi saya menjadi Pengerusi eh jadi Ahli Lembaga PPS, Perpustakaan. *That will go large part of my* dengan izin saya punya perubatan. Tapi bila tak cukup Dato' Menteri Besar kata dia tak boleh *cover*. Jadi saya rasa kena kalau dah ada sistem memang betul lebih baik. Kalau tidak macam ni peruntuk-peruntuk tu macam orang kata ini kroni je. Sat gi dapat orang lain tak dapat. Jadi kalau boleh kita buat satu sistem yang memudahkan bahawa ADUN dan Ahli EXCO ke tak jauh sangat jurang kita la kalau masuk swasta yang ini pun boleh masuk swasta. Tujuannya adalah untuk dia boleh berkhidmat hidup terus hidup berkhidmat untuk rakyat sampai habis penggal ini, sekian terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Pihak kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Ya, saya nak jelaskan sedikit berkenaan dengan wang COVID. Sebenarnya itu keputusan kerajaan negeri sebab pada ketika itu kita belum lagi membuat sebarang apa yang diperkatakan sebarang pertambahan belanjawan atau sebagainya. Justeru apa yang kita laksanakan pada ketika itu ialah membenarkan penggunaan pada satu-satu *claim* itu lebih daripada RM20000 *maximum* ke RM30000 untuk perbekalan bakul-bakul makanan di Dewan-Dewan Negeri masing-masing. kalau tidak Ahli-Ahli Dewan akan terhad

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

penggunaannya dalam satu-satu program di antara RM20000 ataupun kurang RM20000 untuk penyampaian sumbangan-sumbangan dan sebagainya. Sebab pemberian itu sampai tiga kali maknanya kita telah benarkan penggunaan sampai RM90000. Memandangkan pada ketika itu kita tidak boleh melaksanakan program-program biasa, Jamuan Aidilfitri, Ihya Ramadhan sebagaimana tahun-tahun sebelum itu sebab tidak ada majlis pun dan sebagainya. Jadi kita fikir wang tersebut boleh digunakan dalam bentuk-bentuk tertentu namun untuk yang sebagaimana yang saya sebut kita ada lagi peruntukan untuk *food bank* dalam sekitar empat hingga ke lima juta. Kita akan laksanakan sebelum berakhir tahun ini untuk kita agih-agihkan bagi membantu masyarakat yang memerlukan khususnya ketika pelaksanaan PKPB iaitu perintah kawalan bersyarat.

Berkenaan dengan standard ataupun piawai peruntukan-peruntukan ini banyak kali kita hadapi dalam mesyuarat MMKN sendiri kita lihat. Insya-Allah tahun 2021 kita cuba menyelaras. Ini berkaitan dengan hampir sama la tadi dalam perkara-perkara yang melibatkan perincian. Ya. Perincian terhadap apa yang boleh guna apa yang tidak boleh guna sebelum ini kita letakkan 30% untuk projek kecil sebagai contoh. Itu masih lagi mikro. Masih lagi mikro maknanya Projek Kecil dan Mesra Rakyat. Apa ke bendanya Mesra Rakyat ini? Kan contohnya. So, kita boleh *detaikan* termasuk sumbangan kepada mereka yang melaksanakan kenduri kahwin ataupun majlis dan sebagainya. Itu boleh masukkan tetapi kaedahnya dan ketelusannya serta tatacara pentadbiran *good governant* itu harus kita kawal sebab saya rasa ini di antara *pillar* ataupun tiang seni penting kepada pentadbiran dan pengurusan kerajaan negeri.

Berkenaan dengan kemudahan-kemudahan Insya-Allah kita akan perhatikan sekarang ini pun Ahli Dewan sudah boleh membuat tuntutan. Sebenarnya kita pernah berhadapan Ahli Dewan Negeri Kota Anggerik dulu. Itu sebab itu kita perkenalkan hal ini sebab bila-bila dia mendapat serangan jantung ketika berada di luar negeri ataupun luar Negeri Selangor pada ketika itu dan memerlukan kos tinggi dan akhirnya Kerajaan Negeri memperkenalkan insurans ataupun kad *medical* atau kad kesihatan yang boleh menampung dan menguruskannya. Memang kadangkala ada sedikit perbezaan yang besar di antara *Executive* dengan *Legislatif* saya faham dan jurang itu harus dirapatkan untuk memberikan keseimbangan kerana dalam masa yang sama *Legislatif* juga berfungsi lebih-lebih lagi saya lihat jawatankuasa kita agak aktif dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Khas kita banyak untuk mengadakan mesyuarat. Nasib baik saya rasa cadangan terbaru daripada Jawatankuasa Dewan yang dikemukakan untuk Jawatankuasa Peraturan Tetap menukar jumlah elauan sebagai contoh elauan mesyuarat. Elauan mesyuarat kita adalah RM75 sebagai contoh, sedangkan keputusan yang kita buat ini memberikan impak dan dampak yang besar kepada negeri dan negara. Saya kira angkanya boleh di *review* semula namun begitu sebagaimana sedia maklum bahawa kita dalam konteks COVID-19 dan masalah persekitarannya kita akan mendahulukan *priority* kita untuk isu rakyat yang penting kita dapat bantu dalam masa yang sama nasib dan juga pengurusan tugas ADUN-ADUN juga dapat dilaksanakan. Sekarang ni *coverage* kita sampai 40000 untuk

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

insurans ataupun kad *medical* yang disediakan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Jadual B3 iaitu Wang Sejumlah RM31,687,098.17 untuk kepala B3 Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT : Ya.

TUAN PENGERUSI : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B4 Perbendaharaan Negeri. RM51,054,309.42.

Y.B. TUAN LAU WENG SIAN : Ya.

TUAN PENGERUSI : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SIAN : Terima kasih Tuan Speaker. Singkat sahaja. Muka surat 66 butiran 505000 Pentadbiran Dan Kewangan Kod Objek 10,000 Emolumen. Saya ingin membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan prestasi Perbendaharaan Negeri Selangor di mana pada buku yang sama sebenarnya kita mendapat banyak butiran terhadap prestasi kutipan cukai Kerajaan Negeri pada masa depan, waktu depan. Maka di sini saya ada dua tiga perkara yang saya rasa perlu mendapat penjelasan kerana sepantas lalu nampaknya tidak begitu dapat dirasionalisasikan. Pertama adalah berkaitan dengan cukai hiburan di mana pihak Kerajaan kutip mengutip RM65.2 juta pada tahun 2019. Anggaran untuk tahun ini sebenarnya adalah RM57 juta tetapi hakikatnya kerana COVID-19 semua hangus. Hanya kita kutip RM16 juta sahaja tetapi yang anehnya pada tahun hadapan dalam keadaan sekarang kita menjangkakan kita akan mendapat kutipan sebanyak RM58.2 juta daripada RM16 juta melonjak kepada RM58 juta itu pun setelah mengambil kira potongan 15% cukai hiburan. Jadi saya ingin bertanya apakah rasionalnya kita meletakkan angka RM58.2 juta ini, adakah Kerajaan mempunyai kemampuan untuk mencapai tahap ini seperti yang dijangkakan. Jadi ini soalan pertama. Kedua berkaitan dengan bayaran perkhidmatan. Bayaran perkhidmatan ialah bayaran yang dibayar kepada Kerajaan khususnya seperti *fee tanah transaksi* dan sebagainya. 2019, RM119 juta ringgit, cukup besar. Tahun ini kita hanya dapat mengutip RM46 juta sahaja tapi apakah jangkaan pada tahun hadapan RM128 juta *from one hundred nineteen drop to fourty six* tetapi tahun hadapan kita pula berjiwa besar dapat RM128 juta. Saya berdoa kita boleh berjaya tapi sekali lagi memang ada orang bertanya adakah ini satu anjuran realistik bayaran perkhidmatan. Ini adalah apa yang saya dapat perhatikan di sini kemudian saya juga ingin menyentuh tentang premium tanah.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Saya ingin bertanya kepada Kerajaan apakah Kerajaan melalui Perbendaharaan akan menggerakkan seluruh tenaga kerjanya untuk mengutip lebih banyak premium tanah? Salah satu contoh yang kita hendak bangkit adalah dari segi kutipan cukai di mana ia merupakan satu kutipan dan hasil yang sangat penting bagi Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri sekarang ini menghadapi masalah kerana ita tidak dapat menjalankan tugas seperti yang dirancangkan kerana COVID-19, bekerja dari rumah dan sebagainya dan satu lagi adalah berkaitan dengan kajian yang dijalankan Jawatankuasa PADAT ada membuat satu kajian sama ada kita hendak *review* cara kita mengira cukai mengikut harga tanah itu adalah kajian yang sedang dijalankan oleh penyelidik di bawah Dewan Undangan Negeri. Saya ucapkan terima kasih kepada mereka kemudian adakah mungkin kita cuba mempertingkatkan prestasi Pejabat Tanah dalam memproses pembahagian sempadan tanah, pembahagian sempadan dan pembahagian pecah sempadan dan pecah bahagian kerana kedua-dua ini sekiranya kita boleh melakukan dengan cepat kita juga boleh menjana kutipan hasil yang lebih baik sama dari segi kutipan bayaran perkhidmatan ataupun dari segi premium dan cukai. Jadi Tuan Speaker satu lagi perkara yang cukup kecil tentang saya mendapat perhatikan sewa menara telekomunikasi, ada satu butiran di sini hasilnya juga tahun lepas kita kutip RM3.9 juta. Saya hendak tahu di mana kita kutip sewa sahaja menara telekomunikasi we can collect R3.9 milion last year. Perbendaharaan ini cukup kuat tetapi pada tahun ini RM200,000.00 dan tahun hadapan RM600,000.00. Jadi persoalan-persoalannya yang ini yang mencetuskan saya ingin bertanya di bawah B04 ini sama ada kita telah pun membuat satu kerja anggaran yang realistik dan sekiranya ya saya berasa dan saya berharap ia dapat dilakukan. Sekian, terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Ya sila pihak Kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Berkenaan dengan cukai hiburan sememangnya pihak Perbendaharaan menganggarkan ataupun mengandaikan di tahun 2021 ataupun paling tidak paling maksimum adalah dalam suku pertama tahun 2021 kita boleh beroperasi sedia ada atau pun pematuhan terhadap SOP-SOP itu dapat dilaksanakan dan sebagainya. Sudah pasti cukai hiburan bukan hanya kepada persembahan sahaja ia meliputi banyak perkara taman tema ia meliputi juga dengan pusat-pusat hiburan keluarga seperti pusat nyanyian, panggung-panggung wayang dan sebagainya. Pengumuman kita mendapat maklum balas yang positif malahan Perbadanan Filem Nasional turut menulis surat secara rasmi kepada Pegawai Kewangan Negeri supaya kita dapat memberikan potongan itu termasuk pawagam dan juga pusat-pusat karaoke. Kita belum detailkan apakah yang kita boleh laksanakan, kita tidak mahu memberi satu yang tidak bermakna maksudnya kita buat persembahan sedangkan persembahan tidak boleh dibuat, itu tidak boleh guna sebab SOP tetapi kalau SOP dipatuhi sebenarnya apa yang berlaku pada kita ialah kerana SOP tidak dipatuhi jadi kita tidak boleh berhimpun. Berhimpunlah 40 ribu pun tiada masalah kalau kita dapatkekalkan penjarakan sosial ataupun fizikal dengan memakai pelitup muka dan menjaga kebersihan dan mengelakkan bersentuhan, itu

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

perkara-perkara saya yang saya rasa kita boleh lalui dan sampai ke tahap tertentu mungkin keadaan boleh berjalan aktiviti berjalan aktiviti hiburan boleh di jalan aktiviti lain boleh berjalan dan sasaran kutipan itu kita boleh tetapkan dan kita boleh laksanakan dengan angka RM128 juta satu angka yang agak optimistik daripada bahagian Perbendaharaan Negeri Selangor. Berkennaan dengan cukai perkhidmatan juga bersama, perkara yang sama. Apa yang berlaku pada tahun ini sikit sebanyak sebab PKP. Bila kita PKP *totally* hampir 90% *lock down*, itu masalahnya. Kalau sekarang pun PKPB saya kira 67% masih lagi *open* hanya 40% sahaja kita tidak boleh bertindak dan beroperasi. Jumlah kereta mungkin berkurang tetapi transaksi pengurusan berjalan kedai, restoran buka dan hal-hal ini semua memang satu perkara kita anggarkan dan letakkan untuk bahagian ataupun kutipan bayaran perkhidmatan-perkhidmatan *fee-fee* yang tertentu dapat kita laksanakan dan dapat kita kutip dengan baik. Berkennaan dengan pajakan ataupun bayaran sewa terhadap menara-menara, sebenarnya dalam tempoh setahun kita telah melaksanakan di 4 PBT di 4 PBT ini dengan pelaksanaan pelarasan pemasangan serta pembinaan telekomunikasi ataupun menara-menara telekomunikasi dan dengan sebab itu kita dapat angka yang agak signifikan tetapi bila hendak bayar sewa maknanya sewa itu bukan dibayar dalam tempoh tahunan kadang-kadang bayar pajakan 3 tahun, 4 tahun dan bayaran itu *one shot* sebab itu jumlahnya agak berkurang ataupun sebagainya dan menjelang tahun depan ini kita percaya ataupun awal tahun depan atau akhir tahun ini kita akan laksanakan pelarasan itu di semua pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan kita akui sebenarnya banyak menara-menara telekomunikasi ini selaras dengan betul. Tidak ada *data base* yang lengkap. Kadang-kadang didirikan dengan cara yang tidak sah ataupun kurang sah ataupun tidak lengkap. Jadi fakta-fakta yang itu menyebabkan kita meletakkan angka-angka dan sasaran yang disebut oleh Banting sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Jadual B4 iaitu wang sejumlah RM51, 054, 309.42 untuk kepala B4 Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B6 Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri RM1,100,300,000.00.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Pengerusi.

TUAN PENGERUSI : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya hendak tanya dahulu adakah ini benda baharu B5 tidak ada di gabungkan dengan B6. Pembangunan Hutan sekali.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sejak dahulu dan selamanya tidak ada.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

TUAN PENGERUSI : Tiada 5.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Hutan dan Pembangunan Hutan lain. Sekali ke hutan? Jadi saya sentuh sini tentang muka surat 68 Perbelanjaan Bekalan B6 Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Hutan. Pembangunan yang akan jadi usulkan. Jadi kita menyentuh di sini tentang hutan, Butiran Program ataupun Kod Objek yang berkaitan dengan 509200 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan. Jadi ada perkara yang ingin saya hendak timbulkan di sini kita telah melaksanakan saya rasa Rang Undang-undang yang kita luluskan hutan yang Negeri kita merupakan Negeri yang pertama yang melaksanakan penyelarasan Akta Perhutanan Negara bagi pelaksanaannya di Selangor. Jadi kita telah menjadi Negeri yang pertama yang melaksanakan Akta Perhutanan Negara di peringkat Negeri Selangor. Tahniah di atas itu tapi saya rasa aktiviti-aktiviti biasa masih berjalan contohnya masih lagi dapat tawaran orang jual ikan tilapia besar daripada kolam yang di ceroboh di hutan kawasan sesuatu tempat dan kawasan ranjau di Boi kawasan dekat dengan Permatang Kuarza ada dulu masa Menteri Besar Dato' Harun Idris offer orang datang teroka dapat satu ekar seorang, jadi macam-macam aktiviti ada. Di Hulu Kelang ada aktiviti menarik di iklankan di seluruh dunia iaitu ATV, *All-Terrain Vehicle* yang 3 roda itu pergi jalan sampai ke Karak pun ada ke Klang Gate pun ada di mana-mana ada. Banyak merosakkan trek jalan hutan. Walaupun saya sokong yang betul tapi mana yang tidak betul saya tidak sokong iaitu merosakkan trek hutan. Di samping itu aktiviti-aktiviti kolam atau taman rekreasi dan kawasan rekreasi. Jadi saya ingin menarik perhatian Kerajaan agar Pembangunan Hutan tidak akan ada maknanya sekiranya hasil-hasil hutan masih dibawa keluar dengan mudah, dengan senang , dengan mengaut keuntungan satu pihak bahawa saya telah dikejutkan seorang kenalan lama saya dia hendak buat macam-macam tapi saya tidak pernah layan sampai dia datang dia telah buat hutang penanaman hutan buluh di hutan dekat Hulu Kelang. Saya tanya berapa lama dia kata sudah lama siap. Boleh begitu lama hutan buluh itu besar dan hasilnya dia buat parkir lantai daripada buluh dan masih ada market lagi. Bila ada market bila ada buluh ada la rebungnya, rebung pun1 industri besar. Jadi sudah berlaku macam-macam berlaku di hutan kita tapi kita macam *no power*. Jadi kita menunjukkan kita berkuasa kita punyai tanggungjawab, saya harap Y.A.B Dato' Menteri Besar dan Kerajaan memberikan perhatian lebih dalam menghidupkan suasana hutan itu dijaga, suasana hutan itu rancak kerana ada orang yang menjaganya. Jadi kita lihat kalau kita pergi New Zealand hutannya *simple* tapi dijaga setiap hari oleh d,3 orang yang *expert* panjang *cleave*, panjang tembok, panjang tebing susah-susah jaga pokok-pokok dan sebagainya. Saya harap Kerajaan mengambil perhatian menjaga pembangunan hutan.

TUAN PENGERUSI : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya sekadar hendak menyemak merujuk kepada muka surat 70 dengan kertas

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

bilangan 20 B6 ada perbezaan pada angka dalam kertas 20 disebut 1.103 tetapi dalam muka surat 70 BOT 1088. Mana satu angka yang sebetulnya. Terima kasih.

TUAN PENGERSI : Kuala Kubu Baru.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima Tuan Pengersi. Saya ingin minta penjelasan sama muka surat 71 muka surat sahaja. Kod Objek itu kita tengok ada 2 Kod Objek, satu ialah Pemberian Dalam Negeri, satu lagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap *then* angka-angkanya adalah sama. Kalau jumlah angka itu patut dijumlahkan tetapi tiada. Jadi apa perbezaannya kita Pemberian Negeri dengan itu. Yang kedua ini termasuklah satu untuk Pembangunan Satu untuk Pembangunan Hutan dan yang kedua bagi Kumpulan Wang Pembangunan Hutan itu adakah termasuk sebab kita sekarang in ramai orang buat *hiking* di hutan so, adakan caruman ini kita boleh memperbaiki kemudahan-kemudahan untuk *hiking* di hutan.

TUAN PENGERSI : Pihak Kerajaan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih kepada Yang Berhormat yang menimbulkan soalan tentang hutan. Untuk menjawab soalan daripada Hulu Kelang tentang hutan so, Yang Berhormat daripada Hulu Kelang sangat *concern about* Kemensah, sama ada hutan itu akan dapat dibenarkan untuk *commercial* pelancongan. Beliau juga tidak bersetuju untuk memberikan kelonggaran untuk mengangkat keluar hasil-hasil dari hutan. Saya rasa untuk pusat pelancongan yang akan kita tengok balik tentang Kemensah ini, di mana kalau kita kena model daripada Hutan Simpan Kanching di Gombak dan juga Hutan Simpan di Congkak, dua-duanya merupakan pusat pelancongan yang terletak di hutan simpan kekal di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan ada juga Hutan Simpan Eco Commonwealth, banyak lagi. Ini adalah contoh yang kita boleh tengok balik bagaimana kita boleh transformasikan hutan ini untuk dijadikan pusat pelancongan supaya orang ramai boleh menikmati suasana ataupun alam sekitar yang ada dalam hutan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Hutan Simpan Kanching dan Hutan Simpan Congkak dikendalikan oleh Tourism Selangor tetapi Kemensah ni saya nampak aneh sikit, di mana kita nampak ada restoran-restoran yang boleh letak meja di sungai, itu aneh sikit. Itu saya tak berapa setuju supaya meja kerusi letak dalam sungai. Sungai itu cetek, dia boleh tak perlu pakai kasut pun, dia boleh jalan sungai dan menikmati juadah di sungai walaupun pemandangan cantik, suasana aman, tapi kita khuatir ada pencemaran yang akan berlaku di sungai kerana sungai-sungai ini merupakan sumber air kepada air mentah. Kalau dicemarkan oleh mereka, susah untuk kita memberi kelonggaran untuk memberi kelulusan. Tetapi ini, kita akan perhalusi lah, bagaimana kita boleh kemas kini SOP ataupun lesen kepada yang sedia ada lah, restoran yang sedia ada ataupun mereka yang ada kepentingan, ataupun telah pun ada chalet-chalet di tepi sungai ini kita akan tengok bagaimana kita nak memutihkan semua ini. Untuk Y.B. daripada Kuala Kubu Baharu tadi tanya soalan apa? Oh, *hiking*. Apa masalah *hiking*?

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Maksud saya, adakah caruman ini ...

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Okay, okay, memang kalau nak masuk hutan simpan segala pendaki *hiking* kena buat permohonan daripada Jabatan Perhutanan, kena bayar fees, RM5, RM10 saya tidak pasti. Tapi perlu buat permohonan, dapatkan kelulusan baru boleh masuk. Tetapi untuk masa ini, CMCO, kita tidak dibenarkan untuk mendaki buat sementara waktu ini. Kita tunggu SOP yang baharu di mana sebelum itu memang dibenarkan tetapi kerana kes COVID yang semakin meningkat, kita tidak bagi orang ramai masuk ke hutan untuk mendaki. Sekian.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Boleh saya jelaskan, saya rasa hal ini kita pernah jelaskan, tetapi mungkin ada kekeliruan dan sebagainya. Saya rasa dalam mesyuarat terakhir bersama ahli-ahli dewan negeri kerajaan hari itu, Pegawai Kewangan telah terangkan, bahawa 1.088 bilion ini dibawa daripada akaun hasil disatukan kerajaan negeri, dibawa ke akaun hasil disatukan. Kenapa beza dia jadi 1.3 di pihak apa, di apa, Allahuakbar nak sebut susah, divote pembangunan yang sebut 1.3 sebab dicampur 15 juta, sumbangan tahap iaitu sumbangan wajib kerajaan persekutuan yang diukur melihat berdasarkan daripada individu ataupun jumlah *ratio* penduduk yang ada dalam satu negeri, angka dia berbeza tetapi sebenarnya ada, di mana ia diambil daripada Kerajaan Negeri plus tahap 15 juta dan sebab itu angkanya sedikit berbeza.

TUAN PENGERUSI : Jadual B6 iaitu wang sejumlah RM1,103,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Bilion Satu Ratus Tiga Juta) untuk Kepala B6 Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “ya”.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT : Ya.

TUAN PENGERUSI : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “tidak”.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B7 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, RM1,459,935.63 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Empat Ratus Lima Puluh Sembilan Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh Lima dan Enam Puluh Tiga Sen).

TUAN PENGERUSI : Jadual B7 iaitu wang sejumlah RM1,459,935.63 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Empat Ratus Lima Puluh Sembilan Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh Lima dan Enam Puluh Tiga Sen) untuk Kepala B7 Caruman Kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “ya”.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT : Ya.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

TUAN PENGERUSI : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “tidak”.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B8 Jabatan Pertanian, RM21,777,369.32 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Satu Juta Tujuh Ratus Tujuh Puluh Tujuh Ribu Tiga Ratus Enam Puluh Sembilan dan Tiga Puluh Dua Sen).

TUAN PENGERUSI : Hulu Kelang lah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Ini fasal Jabatan Pertanian Daerah. Dia ada banyak peranan dimainkan. Muka surat 76, Vot Pentadbiran dan Kewangan RM55,000 khususnya berkaitan dengan Perkhidmatan dan Bekalan dan juga Pembangunan dan Perkembangan 11000 Gaji dan Upahan.

Ini berkenaan dengan satu aktiviti yang sangat bagus dilakukan oleh Jabatan Pertanian iaitu mengajar dan melatih orang-orang untuk memajukan, memasarkan hasil pertanian, pertanian itu adalah satu perniagaan, saya tengok kesannya baik, yang di Gombak tu nampaknya tempatnya terselit tapi rupanya meriah, di situ ada pasar ikan, pasar hasil tanaman orang-orang Gombak dan sebagainya dan cukup luar biasa, satu perkara yang baik dilakukan, dia melatih orang bandar untuk bercucuk-tanam dan niagakan hasil dia. Banyaklah hasil-hasil dalam bentuk SMI dilakukan dan banyak lah tempat-tempat yang ada orang minat untuk belajar bercucuk-tanam, minta bantuan perkhidmatan daripada Jabatan Pertanian. Saya telah mengadakan satu aktiviti yang dinamakan Laman Herba satu, Laman Dapur. Laman Dapur ni ada macam-macamlah, kunyit-kunyit, tanam keladi hingga macam-macamlah. Laman Herba tu kita ada 58 jenis herba di satu taman yang kecil. Cuma kita nak cari status, bagaimana status itu boleh digunakan bahanwala kalau apa pun jadi kepada kerajaan, Laman Herba itu masih hidup, kekal. Apa yang kita buat baru-baru ini mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pertanian untuk mengajar kami penduduk di situ, bercucuk tanam dengan cara yang efektif, kos yang efektif, Tuan Speaker kalau nak hidup sihat, tidur dengan sayur. Dia boleh buat satu proses dekat katil kita tu, terutamanya tiada teman nak tidur kan, belum ada kahwin lagi, dia ada teman, bagaimana dia buat rak-raknya untuk tanam sayur, macam-macam sayur boleh ada. Kita boleh ambil oksigen yang sihat daripada sayur tu, dan makan sayur terus, pagi-pagi belum gosok gigi, makan sayur dulu. Jadi saya rasa kita boleh jadi masyarakat ... kalau kita hidupkan synergy antara pusat khidmat, ADUN-ADUN dan ahli Parlimen, dan aktivis kita, dengan Jabatan Pertanian. Jadi saya ingin agar program ini dijadikan satu *trademark* di pakej yang baik, dan kita minta Menteri Besar ke, siapa-siapa satu hari lancarkan program ini agar program ini menjadi satu *trade name* yang besar bagi Hulu Kelang, Negeri Selangor.

TUAN PENGERUSI : Pihak kerajaan? Taman Medan.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Saya nak merujuk kepada muka surat 76, pada Kod 36000, saya lihat di situ pada Bahagian Perkhidmatan dan Bekalan ada 36000 menyebut binatang, pokok dan benih, tapi saya rasa mungkin ada kurang satu, kenapa tak sebut baja. Bahan asas dalam pertanian. Baja mungkin ada kekurangan, jadi saya fikir satu yang mungkin diperhalusi semula.

TUAN PENGERUSI : Pihak kerajaan?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Kebelakangan ini Y.B. Hulu Kelang minat betul dengan sayur, herba-herba, sesuailah dia masih *single* boleh tidur dengan sayur. Cuma yang tadi, saya yakin yang dirujuk oleh Y.B. tadi berhubung dengan *centre excellent* atau *plant factory* yang berada di Gombak tadi, di bawah Jabatan Pertanian memang itu merupakan pusat untuk kita adakan di bawah Jabatan Pertanian yang menguruskan aspek mengenai *modern farming* kursus-kursus, dan juga eksperimen dilakukan di sana, dan boleh dijadikan pusat untuk agro pelancongan sebenarnya. Di situlah tempat ada pemodenan pertanian dilaksanakan, dan kita akan perluaskan, dan kita memang banyak menyediakan peruntukan, tapi itu terletak di bawah pembangunan ya, bukan di bawah pengurusan, ini kita bincang pengurusan, dan termasuklah juga isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Taman Medan, di bawah pembangunan juga kita ada sediakan peruntukan untuk baja dan sebagainya. Ini adalah lebih kepada pengurusan, kegunaan sendiri bagi jabatan-jabatan ataupun Jabatan Pertanian Negeri Selangor dan juga pejabat-pejabat daerah pertanian. Itu sahaja.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Terima kasih penjelasan Y.B. EXCO.

TUAN PENGERUSI : Tak perlu terima kasihlah. Memang dia wajib jawab.

Jadual B8 iaitu wang sejumlah RM21,777,369.32 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Satu Juta Tujuh Ratus Tujuh Puluh Tujuh Ribu Tiga Ratus Enam Puluh Sembilan dan Tiga Puluh Dua Sen) untuk Kepala B8 Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “ya”.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT : Ya.

TUAN PENGERUSI : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “tidak”.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B9 Pejabat Tanah dan Galian, RM23,980,071.14 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Tiga Juta Sembilan Ratus Lapan Puluh Ribu Tujuh Puluh Satu dan Empat Belas Sen).

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

TUAN PENGERUSI : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Kenapa pandang kiri kanan semua taknak bagi Bukit Gasing cakap ke?. Muka surat 80, perkara pertama, Pentadbiran dan Kewangan 11000 Gaji dan Upahan. Terima kasih kepada semua pegawai PTG yang berkhidmat kuat walaupun musim COVID dan saya mendengar penjelasan daripada YAB Dato' Menteri Besar berkenaan *dropbox* dan oleh sebab 30 peratus pekerja sahaja yang bekerja maka ada kekangan untuk memproses dokumen-dokumen pertukaran hak milik ini. Saya mohon PTG mengkaji satu cara yang kita boleh tambah baik perkhidmatan ini semua supaya transaksi-transaksi yang berlaku ini dan semua peguam-peguam dan *runner-runner* yang melakukan kerja-kerja ini dapat melicinkan urus niaga mereka dengan PTG. Saya yakin kalau kita cuba cara untuk mendigitalasikan ataupun mencari cara supaya lebih ramai pegawai boleh bekerja tapi daripada ruang yang lebih sesuai, ada penjarakan sosial, kita boleh mempercepatkan urus niaga-urus niaga ini biar prestasi Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor menjadi prestasi PTG yang terbaik di seluruh negara.

TUAN PENGERUSI : Pihak kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Saya nak *update*, sampai jam 11.20 pagi tadi kita telah menerima 2200 serahan di PTG selepas kita telah menambah senarai ataupun kuota-kuota disebut, mula-mula kita hadkan kepada 200, disebabkan oleh disebabkan oleh PKPB dan sebagainya. Jadi penambahbaikan kita lakukan, namun kita akan ambil cadangan itu untuk lihat, yang pentingnya size ruangan dan *connectivity* sebenarnya. Isu nya adalah *connectivity* dan proses digitalisasi kita harus dipercepatkan secepat mungkin yang melibat agensi-agensi kerajaan termasuk menguruskan transaksi-transaksi memantau transaksi dan melakukan transaksi di atas talian. Kalau kita lihat Estonia, akhirnya mereka mengundi pun dengan cara online, itu nanti lah, tunggu dulu. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Jadual B9 iaitu wang sejumlah RM23,980,071.14 untuk kepala B9 Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT : Ya.

TUAN PENGERUSI : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B10, Jabatan Perhutanan RM24,834,390.09.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

TUAN PENGERUSI : Jadual B10 iaitu wang sejumlah RM24,834,390.09 untuk kepala B10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT : Ya.

TUAN PENGERUSI : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B11 Pejabat Mufti, RM3,682,940.11.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya nak kena jawab.

TUAN PENGERUSI : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Mufti ini ialah mufti, saya *close to my heart*. Saya kena bincang benda ini sebab ini adalah penting, dia melibatkan kedudukan agama islam dan status meninjau hala tuju mufti dan aktiviti mufti yang hebat sebenarnya. Kita mempunyai seorang mufti yang hebat, seorang yang hebat dan dia tapi seorang yang tersangat merendah diri. Kalau saya seru dia, saya panggil dia Dato' tolonglah, buat yang terbaik, Tuanku sayang Dato', dicerita lah. Panjang cerita, saya *personal* dengan dia kerana dia adalah abang kepada kawan-kawan saya. Dia seorang yang kalau boleh dia tak nak jadi mufti, kalau boleh dia nak cepat berhenti, tapi selain daripada dia, dan dia seorang yang sangat bagus. Tapi saya rasa kelebihan dia banyak potensi yang lebih. Macam Johor, pernah dia punya seorang mufti yang sangat terkenal, Terengganu, Kelantan, pernah dia kerja dalam Kalau Johor ini biasanya di *import* sampai ke Brunei, sebagai mufti Brunei, dipinjam, tapi Selangor kita ini *low profile*.

Saya melihat kemudahan-kemudahan sokongan yang diberikan kepada mufti sangat hebat dan kita boleh menaikkan lagi imej Kerajaan Negeri Selangor dengan aktiviti yang merakyat di lakukan oleh mufti. Tapi mufti pernah satu ketika dulu, turun membincangkan, membahaskan, memforumkan isu Nabi melayu di Kemensah juga, Nabi Melayu di Kemensah. Dan dia telah berani mempertengahkan beberapa perkara yang jadikan orang melayu segan untuk berdebat dengan dia dan jadikan isu itu rede. Dan dia mufti juga pernah membawa isu tentang perkuburan orang melayu. Orang melayu ini entah macam mana, mana dia dapat, kubur mak dia ke bapa dia ke, kalau boleh dekat rumah dia. Kalau dekat Kemensah, dekat Kemensah lah, kalau Kampung Baru, Kampung Baru lah, padahal bukan dia pergi tengok pun kubur mak dia tu. 20 tahun 30 tahun pun meninggal pun tak pernah ziarah, padahal itu bukan tujuannya, bukan sunnahnya, tak ada kata sunnah la kita nak kena pergi kubur mak bapa kita doa kat situ dan sebagainya. Jadi dia telah membetulkan konsep ini, jadi sebenarnya mufti kita ini seorang yang dikatakan *talented*, seorang yang berbakat, *talented*,

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

berilmu, berwibawa dan mempunyai kelebihan-kelebihan tapi dia tersangat tawaduk sehingga potensi yang boleh kita kembangkan dalam menjayakan bajet diperuntukkan oleh penulisan buku, karya-karya, *research*, kerjasama dengan JAIS nya dan sebagainya dapat dipertingkatkan.

Saya ingin merakamkan satu perkara bahawa ada perkara yang perlu kita kemaskan sebelum perubahan apa-apa yang diperingkat mufti, sebelum dia penceri ke dia apa kan. Nama baik dia, nama baik dia yang termaktub dalam buku yang bertajuk lebih kurang ajaran sesat. Saya telah berkata dalam, berucap dewan ini pada tahun 2008, 2009 dulu, mengatakan bahawa, satu buku yang bertajuk ajaran sesat yang ada *implication* dia sebagai orang yang mengkategorikan beberapa ajaran sesat pesan la lagi, kemaskinikan. Maksud saya, prosesnya tidak berlaku dengan baik, prosesnya berlaku dengan *report* daripada *special branch* yang menyusul dalam satu-satu pertubuhan atau persatuan tarikan syarikat dan menemukan pelbagai tarikan, masuk surat khabar, *statement* ajaran sesat lepastu keluar buku kata ajaran sesat.

Pihak itu datang mengadu kepada saya, sebagai ADUN dia datang kepada saya mengadu, mereka tidak menanda tanya, mereka tidak disoal tapi tiba-tiba keluar dalam surat kahbar, keluar dalam buku dia ajaran sesat. Ini saya menyeru kalau boleh minta tolong manalah nasihat daripada Kerajaan Negeri dan kita lindung, kita selamatlah mufti kita ini daripada dituduh oleh pihak rakyat mengatakan dia tak bertanggungjawab, dia tak buat proses yang betul dia kata kami ajaran sesat. Golongan ini masih datang *complain* kepada saya, jadi saya harap, saya bukan nak berpihak pada siapa, saya nak keadilan. Biar proses itu dibuat, dia boleh defent boleh pertahankan dia, dia mengatakan dia buka ajaran sesat dan dia boleh keluarkan nama syarikat dia daripada senarai tersebut. Itu kalau boleh saya ingin cadangkan. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Pihak kerajaan.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga kepada Hulu Kelang yang telah menyentuh tentang, Tuan Pengurus, minta maaf. Perkara yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang tadi, saya ambil maklum dan ada tiga perkara yang disebutkan berkaitan dengan kegiatan dan aktiviti mufti bersama rakyat dan juga penerbitan buku-buku dan hasil kajian yang dibuat oleh Pejabat Mufti dan berikutnya berkenaan dengan budaya dialog, yang patut dijadikan sebagai satu pendekatan untuk menangani ajaran-ajaran sesat. Jadi, Insyaallah kita akan bawa perkara ini ke mesyuarat yang bersama dengan agensi berkenaan dan terima kasih pada Hulu Kelang yang membangkitkan perkara ini. Sekian terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Jadual B11 iaitu wang berjumlah RM3,682,940.11 untuk kepala B11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian dalam jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT : Ya.

TUAN PENGURUSI : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B12, Jabatan Kerja Raya RM120,573,295.34.

TUAN PENGURUSI : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, tak apa, ringkas sahaja. Saya ingin merujuk kepada muka surat 95, perkara 505100 JKR Petaling, gaji dan upahan kod 11000. Saya jarang bawa aduan tempatan ke dalam ini, selalunya kita bincang isu besar, tetapi aduan federal highway, simpang dengan jalan templer, simpang dengan jalan gasing menghadapi situasi taka da lampu unutk masa yang sangat Panjang, berbulan-bulan, lampu jalan itu tak menyala. Perkara ini telah dibangkitkan berapa kali kepada JKR, aduan ini pun saya telah kirimkan pada Yang Berhormat Exco sebelum ini, tetapi nampaknya penyelenggaraan kecil ini tidak dilakukan. Kalau kita lihat vot di bawah ini, vot 28000 penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli, saya harap penyelenggaraan kecil ini supaya lampu jalan ini boleh hidup semula dan tak gelap pada waktu malam, boleh diselesaikan dengan cepat. Ini jalan yang sangat utama, sangat ramai orang melaluinya, harap pihak JKR boleh selesaikan. Kalau betul JKR Petaling tak ada duit, dan perlu ambil peruntukan daripada negeri ataupun federal, dan tolong usahakannya dengan lebih cepat dan masalah lampu ini tak seharusnya berlanjutan lebih daripada seminggu apatah lagi lebih daripada enam bulan.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengurus. Muka surat 96, butiran program aktiviti 505300, Jabatan Kerja Raya Klang, kod objek 11000 gaji dan upahan. Yang Berhormat Pengurus, saya ingin memohon dan mencadangkan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor menambah kakitangan cawangan elektrik di Jabatan Kerja Raya Klang dan kalau boleh di Klang ini kita perlukan kakitangan yang muda-muada, yang boleh bekerja pagi petang dan malam terutama di cawangan elektrik, sebab sekarang ini bila saya turun waktu pagi pun orang yang sama, turun waktu petang pun orang yang sama, turun waktu malam pun orang yang sama, dan orang yang sama ini juga kena jaga sembilan DUN. Keluasan Klang ini 574 kilometer persegi semua lampu semua lampu isyarat semua kerja-kerja elektrik ini, inilah tujuh orang je yang ada di dalam kawasan JKR daerah Klang cawangan elektrik ini. Jadi saya mohon tambahan staff dan kalau boleh staff tu jangan lah lagi setahun nak pencen, lagi dua tahun nak pencen, kalau boleh yang muda-muda yang macam yang ada sekarang ini, yang banyak membantu kita menyelesaikan isu masalah elektrik.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Contoh macam semalam, semalam saya ada lagi tiga kawasan lampu isyarat vandalisma, wayar hilang, rosak. Jadi kita perlukan tenaga-tenaga muda yang berada di kawasan JKR Klang ini memantau kerja-kerja tersebut

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Pelabuhan Klang jangan diskriminasi orang yang tak berapa muda sebagai ADUN Bukit Gasing Kawasan yang mempunyai bilangan warga emas yang paling besar di Negeri Selangor, kita harus menghargai jasa mereka jadi jangan diskriminasi...

TUAN PENGERUSI : Ya ya.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Tak ada, saya tidak mendiskriminasi Yang Berhormat Pengerusi, cuma kalau boleh yang dah berumur ini dia kerja yang senang-senang la, jangan la letak yang susah-susah yang kena ronda di kawasan Klang, memang Klang dan Pelabuhan Klang adalah bandar yang paling aktif di Negeri Selangor. Dia aktif 24 jam, bila masa Pelabuhan tutup, Pelabuhan tak pernah tutup. Pelabuhan 24 jam, cuma tutup 4 jam je setahun, setahun 4 jam

TUAN PENGERUSI : Pelabuhan Klang, orang tua tu pun jadi Perdana Menteri 95

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Haaa, ya ya ya, saya setuju tapi itu kerja Perdana Menteri, ini kerja nak ronda tengah malam, tak cukup tidur, tak cukup rehat, saya mohon yang itulah Yang Berhormat.

TUAN PENGERUSI : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 95 vot B12, butiran program 505100 JKR Petaling dan sama seperti apa yang dirujuk oleh Yang Berhormat Bukit Gasing, kod objek 28000. Sekali lagi saya ingat bahawa masalah federal highway adalah masalah kerja di Subang Jaya tetapi tak sangka bahawa dekat Petaling juga mengalami masalah yang sama. Sebenarnya dua hala ya bahagian keluar daripada Subang Jaya ke arah Petaling dan Petaling ke dalam Subang Jaya. Jalan itu sudah tidak menyala, saya rasa untuk berbulan bulan sudah, saya *follow up* dari pengarah dulu sehingga pengarah sekarang, masalah ini belum selesai lagi. So saya tak berapa pasti betapa besar isu nya, tetapi saya lihat perkara ini sebagai satu perkara yang sangat serius. Jika dalam beberapa bulan masih tak boleh selesai atau baiki lampu, so saya sekali lagi mohon supaya perkara ini juga diteliti. Sekian sahaja, terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Sijangkang

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh perkara yang sama di bawah kod yang sama 28000

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli. Saya ingat mungkin ada satu usaha oleh Kerajaan Negeri melihat dan bagaimana lampu-lampu ini secara keseluruhan dilihat yang berfungsi yang tak berfungsi kalau boleh diambil tindakan dengan segera. Kerana terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar ini, walaupun diluar bandar, tetapi harini kenderaan cukup banyak, terutama waktu malam. Kadang-kadang kalau dulu sebahagian daripada pasar-pasar malam yang wujud di kawasan-kawasan luar bandar ataupun kampung-kampung ini diadakan lampu-lampu tepi jalan. Yang mana sebahagian daripada pasar malam ini tutup bukan masa PKP sahaja tetapi lampu tu masih ada, baguslah! makin terang. Tetapi ada beberapa kawasan yang kita rasa perlu. Terutamanya di kawasan simpang-simpang juga tidak dapat diselenggarakan ataupun lampu yang ada tidak dapat dihidupkan kerana peruntukan yang terlalu kecil. Dan, saya mengharapkan ini dapat diselesaikan. Saya ingat sudah beberapa lama lah! dan bila diutarakan kepada TNB ada permohonan untuk tambah dan penjagaan. Kadang-kadang sebab bil yang lama di kampung itu tidak dapat diselenggarakan oleh pihak pembayar dan mereka tidak boleh menyelenggarakan dan menambah.

Lagi satu, berkaitan lampu isyarat yang saya fikir masih lagi berlaku, apabila lampu berisyarat masih tidak berfungsi di ambil daripada tempat lampu isyarat yang lain, dia punya keperluan tu dihantar ke situ. Jadi yang situ tidak berfungsi lagi. Tidak berfungsi pula. Saya ingat ini antara perkara yang perlu diambil tindakan. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya juga ingin membahaskan muka surat 95, kod 50510002800 iaitu Jalan Bukit Cherakah, yang mana Jalan Bukit Cherakah adalah mungkin daerah Petaling, mungkin JKR Kuala Selangor, mungkin JKR Klang, kawasan itu memang sempadan kepada 3 daerah. Cumanya saya melihat jalan Bukit Cherakah mungkin sepanjang 4 km sangat cantik dan menjadi laluan ataupun rekreasi orang-orang penggemar basikal. Daripada seluruh kawasan sama ada pada Kuala Selangor, daripada Kapar ataupun daripada Klang juga daripada apa ini, daripada daerah Petaling juga. Jadi saya lihat memang ramai penunggang basikal, berbasikal terutama hujung minggu di jalan tersebut. Dan jalan ini sangat sesuai, sangat cantik, sangat nyaman, sangat apa ini, tidak banyak kenderaan dan sebab itulah saya telah mencadangkan agar pihak JKR membuat lorong basikal untuk para penunggang-penunggang basikal yang berekreasi di sini. Jadi itu, harapan sayalah! Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih. Merujuk muka surat 95, 505200 JKR Gombak. Berkaitan 2700062800 - Jalan dan penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang diberi. Ini berkenaan Jalan MRR2 di bawah JKR. Dari Klang Gate sampai ke Ampang. Dua-dua melangkau 2 DUN iaitu DUN Hulu Kelang dan

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

DUN Antarabangsa. Yang di situ sedang berlaku kesibukan di malam dan siang tentang pembinaan SUKE dan DUKE *highway*. Tidak ada di situ terpaksa mengaku, ada *highway* yang ada jejantas tiada disambung. Itu kena selesaikan *negotiation* dengan tuan rumah *and then* tuan tanah.

Tapi saya hendak *complaint* beberapa perkara di sini, di antaranya *stress* pada waktu malam, dari Klang Gate sampai ke Malawati memang gelap, lampunya rosak selalu. Ada kubur. Kedua, saya hendak jelaskan di sini, saya hendak mohon agar *round board* yang di situ, setiap kali *round board* di bawahnya tu tidak cantik. Mesti macam tidak tahu mana nak letak. batu-batulah! macam tak bertamadunlah! sistem. Saya dah *complaint* sejak dulu tapi katanya *contraction* masih berlaku jadi tidak dapat. Tapi saya rasa perlu di buat. Dan satu lagi *round board* adalah di kawasan DUKE kalau hendak buat, buat betul-betul. Ada orang buat tempat jual kereta terpakai. MPAJ tidak ambil katanya itu adalah bawah JKR. JKR tidak ambil tindakan penguatkuasaan MPAJ bukan kerja dia, jadi tidak selesai. Jadi saya menyeru agar. Satu lagi kemudahan yang sangat digunakan jejantas. Dulu saya selalu buat audit 3 tahun, sebab dah pakai *well chair*, saya tak buat dah. Kalau diberi saya akan hantar bahawa jejantas itu dalam keadaan baik dan selamat. Kosnya tinggi, lambat baiki, ada bumbung, ada laluan, digunakan selalau tapi *last time* saya pergi berakhir 3 tahun yang lalu sebab itu terlalu usang untuk membaiki bumbung-bumbung. Saya menyeru kemudahan awam yang ada di sekitar, kemudahan perabot jalan di MRR 2 dapat di baiki dan di selenggara dengan baik. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Pengurus, untuk B125051150100 kod objek adalah 28 000 muka surat 95, berkenaan dengan JKR Petaling. Saya mohon supaya diadakan kekerapan penyelenggaraan pembersihan terutamanya yang melibatkan jalan di kawasan TTDI Jaya. Begitu juga kawasan itu sering kali tidak dibuat. Maksudnya kontraktor yang cuai dan longkang, begitu juga dengan semak samun di kawasan itu. Seterusnya, di bawah kod yang sama juga saya mohon oh! tiada. itu sahaja. Terima kasih. Yang lain di bawah pembangunan.

TUAN PENGERUSI : Baik. Minta pihak Kerajaan.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih. Minat memang mendalam pada Jabatan Kerja Raya ini cuma boleh kata semua yang disebut tadi itu berkaitan dengan pembangunan sebenarnya. Di bawah perbelanjaan pembangunan sebenarnya bukan di bawah pengurusan. *Maintenance* dalam JKR untuk pejabat mereka dan sebagainya. Jadi kena. Untuk pembangunan ini tidak payah cakap sebab kita sudah cerita panjang. Saya hendak komen. Dia punya *maintenance* pun lampu-lampu jalan pun di bawah pembangunan. perbelanjaan pembangunan. Tiap-tiap tahun ya kita buat benda ini. Dia ada peruntukkan untuk buat itu.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Yang ditimbulkan oleh yang berhormat Bukit Gasing dan juga Subang Jaya iaitu berkaitan *Federal Highway* saya selalu sebut Lebuhraya Persekutuan, namanya Lebuhraya Persekutuan di bawah kerajaan JKR Pusat, JKR Malaysia. Memang kita memohon menubuhkan untuk di *maintenance* atau diselenggara dengan baik tapi kekangan kita dapat bajet sangat-sangat rendah, sangat sikit menyebabkan banyak kerja-kerja terbantut tergendala dan sebagainya. Saya memang di bawah peruntukan negeri kita tidak boleh gunakan untuk Jalan Persekutuan jadi kita perlu memohon permohonan bajet daripada JKR Malaysia untuk mendapat peruntukan yang digunakan. Kalau betul, kalau betul lampu-lampu jalan itu duduk di lebuhraya kalau duduk di jalan-jalan kereta memang kita boleh uruskan. Tapi kalau terletak di lebuhraya/*Federal Highway* ini memang kita kena dapatkan bajet daripada JKR Malaysia. itu berkaitan. Itu sama juga Yang Berhormat Hulu Kelang tadi pun berkait rapat LLM, lebuhraya atau *contraction* MRR2 di bawah JKR Jalan Persekutuan, di *maintenance* oleh *road care*. Kita boleh berhubungan dengan mereka. saya pernah beberapa kali hubungi pihak *road care* untuk bantu menyelesaikan isu jalan-jalan federal. ini

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat JKR Petaling yang *under ground* telah banyak kali minta tapi tidak dapat, boleh tak kita dapat perincian usaha-usaha ini, saya boleh perisikan dengan penduduk dan kita boleh lanjutkan sidang media minta Ahli Parlimen kami bangkitkan di Parlimen, kenapa JKR Persekutuan tidak turunkan duit kepada JKR Petaling supaya JKR Petaling boleh melaksanakan kerja?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Ya, itu yang kita boleh dapatkan. Saya akan dapatkan semua termasuk yang selalu ditimbulkan oleh Yang Berhormat Banting. Jalan F5 itu melibatkan Klang - Banting selalu menjadi masalah. Saya sudah banyak kali dewan ini kalau *Federal Highway* saya anggap telah menjadi jalan negeri. Jalannya sangat penting bagi kita. Kalau boleh kita minta serah kepada negeri pun sangat-sangat sesuai. saya akan sekali lagi usahakan supaya jalan ini diuruskan oleh negeri. Lebih baik sebab apa, selalu sangat setiap kali dewan akan timbul isu tentang penyelenggaraan jalan Lebuhraya Persekutuan ini. Yang merupakan satu jalan lebuhraya yang penting tapi pengurusan sangat-sangat lemah kerana kekurangan bajet untuk diuruskan. Saya mengharapkan ini akan dapat diberi mungkin ada menteri tiada hari ini jika tidak kita boleh minta supaya sampaikan lagi sekali lah!. Yang lain-lain ditimbulkan tadi Klang saya harapkan Pelabuhan Kelang jangan men spesifik itu. Kesianlah kepada yang kita masih jumpa lagi tak apalah kan. Jadi hendak menempatkan kita punya kakitangan bukan semua yang muda itu bagus. Yang berumur pun kerja bagus yang mampu melaksanakan tugas-tugas ini . Isu men *initialism* kebendaan. Isu *vandalism* ini seperti mana Yang Berhormat Pelabuhan Klang selalu timbulkan bukan perkara mudah untuk memantau semua aktiviti. Kita boleh selesaikan sebahagiannya dengan melaksanakan dengan penggunaan teknologi-teknologi baru yang telah pun dilaksanakan di tempat Yang Berhormat. Tetapi dalam masa yang sama juga kita perlu memastikan kesedaran di kalangan

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

rakyat tentang *vandalism* ini sangat tinggi sebenarnya berlaku termasuk tempat-tempat *station* pemantauan kita pun banyak alat-alat yang kita pasang sensors yang di *candles* melibatkan kos kerugian yang tinggi kepada pihak dan menyebabkan banyak masalah semasa menguruskan. Isu-isu yang berkaitan dengan rakyat.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Yang Berhormat sekali lagi saya hendak tegas di sini, saya tidak menginstruksikan warga-warga yang hendak pencen ini tidak. Saya sayang mereka sebab itu saya tidak hendak mereka kerja berat. Jadi bagi mereka kerja yang senang. Yang muda-muda ni bagi kerja berat, jangan duduk di pejabat. Yang, yang nak pencen ni tak apa duduk di pejabat. Tapi yang rondaan yang patut turun padang pagi petang siang malam ini bagilah budak muda-muda. mereka sihat. Mereka masih boleh keluar rumah, masih tiada sakit gaot, tidak ada darah tinggi, darah.

TUAN PENGERUSI : Baik-baik Yang Berhormat, yang muda pun ada gaot,

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Maknanya saya hendak tengok mungkin dah sampai masanya pihak Jabatan Kerja Raya kena tengok kompetensi bukan tengok kelulusan semata-mata. Tapi kompetensi pun juga penting, adakah seseorang itu sesuai kerja yang macam mana.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Saya nak lebih luas lagi. Saya nak kita guna *drone*. kita telah ada teknologi sekarang kita pantau kaedah teknologi yang baik untuk pantau. jika kita sendiri nak pantau berapa banyak kita boleh pantau tambahan kawasan Klang sesakkan sudah untuk untuk *move facility* tempat itu. Baik. mungkin permulaan *drone* sebagainya boleh membantu di kawasan-kawasan yang penting dalam Negeri Selangor. Selain untuk lain-lain yang ditimbulkan tadi, *maintenance* kita akan teliti apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sementa, Yang Berhormat Sijangkang tadi. Untuk kita selesaikan isu-isu berkaitan. dengan. saya yakin kebanyakan yang disebut tadi itu jalan-jalan persekutuan. yang perlu kita ambil dan langkah-langkah proaktif dan langkah rasional tambahan untuk pastikan penyelenggaraannya berjalan dengan baik.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Kena pastikan MR2 ni, saya nak berurusan dengan JKR Selangor. tapi saya *complaint repair*.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Pengurusan memang di bawah JKR Selangor, tetapi bajetnya kita perlu mohon minta daripada Persekutuan, kalau urusan jalan JKR memang di negeri Selangor, tetapi apabila kita memerlukan bajet peruntukan kita kena memohon, kita tidak boleh menggunakan peruntukan negeri MARRIS untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : yang terbaik adalah tulis surat pihak JKR Selangor saya akan cc pada EXCO ya.

TUAN PENGERUSI : Yang Berhormat bahas tadi yang tu dah habis ini untuk penggulungan ya. Itu untuk bab lain. Lain kali ya. Untuk lain kali sahaja. Jadual B.12 – iaitu wang sejumlah RM120,573,295.34 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Juta Lima Ratus Tujuh Puluh Tiga Ribu Dua Ratus Sembilan Puluh Lima dan Tiga Puluh Empat Sen) untuk Kepala B.12 Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : **Jadual B.13** – Jabatan Pengairan dan Saliran, RM114,093,687.62 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Empat Belas Juta Sembilan Puluh Tiga Ribu Enam Ratus Lapan Puluh Tujuh Juta dan Enam Puluh Dua Sen).

TUAN PENGERUSI : Jadual B.13

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Ada-ada Hulu Kelang. JAIS tak akan tak ada peruntukan besar.

TUAN PENGERUSI : Hulu Kelang sila.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : B.14 Jabatan Agama Islam Selangor.

TUAN PENGERUSI : B.13. Mana tak ada.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Mana ada MR2 di situ ada isu-isu dengan JPS ini. Muka surat 116, 106 mata tua dah. B.13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor 530000 Teknikal, butiran program kod objek berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan. Jadi saya mengulang lagi permintaan saya berkali-kali agar proses menjaga tebing sungai Kelang yang berhampiran dengan MR2 yang panjang itu dibuat dengan baik, petai hutan-hutan ini telah naik lebat sangat, memalukan saya kalau saya silap tapi yang saya faham yang jaganya ialah JPS walaupun citanya adalah namanya ROL dulu *River Of Life* bawah projek *Integred Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan* walau itu ceritanya tapi akhirnya kembali pada tanggungjawab JPS untuk memastikan Sungai Klang cantik tu dijaga dengan baik, tebingnya semak tak ada orang nampak cantik indah dan kalau boleh di *revise* dibuat balik dibangkitkan *revise* di buat balik dengan izin satu program yang dinamakan program taman rekreasi komuniti NGO gerakan bagaimana komuniti di situ boleh

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

buatkan satu kawasan yang cantik di situ orang boleh berhenti, petang-petang jogging track dan sebagainya. Ini kalau itu boleh dihidupkan semula saya sokong dengan padu, itu pembangunan. Saya menyeru bahawa perkhidmatannya adalah memastikan tebing-tebing sungai di sepanjang MR2 di kawasan Hulu Kelang dan Bukit Antarabangsa itu dijaga dengan baik. Terima kasih.

TUAN PENGURUSI : Seri Setia.

Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih. Saya minta kepada vot B13 muka surat 106 di bawah kod objek 20000. Sama lebih kurang dengan Hulu Kelang cuma beza tempat sahaja. Saya mohon juga di kawasan Seri Setia ini kerap kali berlaku pembuangan sampah secara haram, pembakaran terbuka, sungai tepi sungai yang di bawah jambatan pengairan sendiri yang mana tidak dijaga dengan betul kerana ada pencerobohan. Jadi saya kira perlu ada satu penyelesaian yang dah lama dah maslah ini berlaku dan baru ini berlaku sekali lagi dan dia jadi macam bangau oh bangau masing-masing yang ini salahkan yang ini, yang ini salahkan yang ini. Saya minta sangat supaya ada satu perancangan yang lebih cantik untuk jajaran sungai di kawasan Seri Setia.

TUAN PENGERUSI : Pihak Kerajaan.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang yang aktif hari ini menunjukkan orang yang berumur juga sebenarnya boleh hebat ya, dia tak dengar. Jadi apa yang isu yang ditimbulkan tadi kita bagaimana saya sebut tadi bahawa, ini di bawah pengurusan dan walaupun itu berkait dengan sungai kita kena, kita memang ada jawatankuasa pemeliharaan sungai ini yang dianggotai oleh JPS Luas dan juga agensi lain dan Pejabat Tanah sekali. JPS ini dia ada satu benda tentang JPS ini walaupun dia menguruskan sungai *engineering* tapi dia tidak mempunyai kuasa *inforcement* punya *power*, kerana itu letak Pejabat Tanah atau PBT ataupun LUAS. Ini ada kekangan walau macam mana pun kita dapat, benda ini dapat diuruskan dengan jawatankuasa dengan kerjasama sama ada Luas dan Pejabat Tanah. Isu-isu berkaitan dengan struktur-struktur yang tidak sah yang berada di kawasan-kawasan rizab sungai. Ini sebenarnya dah ada inventori kita pun dah sebut dalam isu penyelesaian air ini salah satu daripada langkah kita ialah untuk mengambil tindakan tegas kepada struktur-struktur ini terutama yang boleh membawa ke pencemaran. Saya tahu di Seri Setia dia ada kandang lembu pun ada, macam-macam jenis, di situ boleh mencemar air juga. Ini kita pun dalam perancangan untuk kita ambil tindakan dan Yang Berhormat Seri Setia pun faham sangat saya kalau saya buat sesuatu saya fokus, saya akan buat. Jadi ini yang kita telah, tapi bagi masa sikit proses ini bukanya mudah cuma dalam perancangan kita ini termasuklah pelaksanaan apa dia sebut tadi. Cuma saya nak sebut di sini isu berkenaan sungai ini denai ataupun sebab itu dalam kita berbincang dalam SPC *State Plan Community Jawatankuasa Perancangan Negeri*, kita telah ada satu dasar berhubungan pembangunan kawasan-kawasan rizab ini supaya dia dibangunkan bukan kerana apa supaya tempat itu tidak disalah guna. Kalau kita biarkan tempat itu semak samun

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

tendensi ataupun kecenderungan masyarakat ini menggunakan tempat itu untuk buang sampah. Tapi kalau kita bangun dengan baik tempat itu sambil menjaga fungsi sungai iaitu sebagai rizab ini adalah sebagai sungai kedua apabila sungai yang utama itu airnya banyak dia akan menjadi sungai kedua untuk salir air itu tujuan dia. Sebab itu disediakan rizab itu. Yang keduanya kalau nak berlaku pembesaran ataupun penaiktarafan sungai, jadi tak ada masalah gangguan dengan-dengan struktur yang berada di kiri kanan sungai itu. Ini antara fungsi itu kalau kita jaga dan kalau kita benarkan kata tanaman kontan, kita benarkan. Tanaman kontan kena guna baja yang kompos sebagainya yang tidak mencemarkan air bolehlah. Tapi kalau dah benar buat tanaman dia pun gunakan racun dan sebagainya merosakkan pula mencemarkan air. Benda-benda begini kita dan ada perancangan dan pelaksanaan ini kita akan laksanakan dan ditambah pula yang saya sebut itu inisiatif FOR *Friend of River*. Ini yang kita kena memperdayakan komuniti dan saya pun dah dapat pertanyaan terus daripada Yang Berhormat apa nama Sungai Kandis terus tanya bila boleh tubuhkan satu FOR, ini satu yang tindakan yang saya puji lah cepat. Proaktif cuma saya lambat jawab sikitlah. Tapi tindakan begini yang kita perlukan. Kita ada 40 lebih komuniti ini yang kita berjaya bangunkan jaga kebersihan tempat masing-masing menyediakan tempat bukan sahaja bersih sungai ini mereka juga dapatkan itu sebagai tempat untuk keluarga mereka datang santai dan sebagainya. Ini telah berlaku sungai termasuk di Taman Melawati dan juga di sungai saya tak ingat sungai di sungai Rawang sana. Saya dah pergi tengok cantik ya, jadi perkara begini kita akan galakkan. Ini bukan sahaja JPS ini kita cerita JPS juga peruntukan di bawah LUAS dan juga UPEN sendiri kita akan gunakan peruntukan itu. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Jadual B.13 – iaitu wang sejumlah RM144,093,687.62 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Empat Balas Juta Sembilan Puluh Tiga Ribu Enam Ratus Lapan Puluh Tujuh dan Enam Puluh Dua Sen) untuk Kepada B.13 Jabatan Pengairan dan Saliran menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.14 – Jabatan Agama Islam Selangor, RM277,781,938.38 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tujuh Puluh Juta Tujuh Ratus Lapan Puluh Satu Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh Lapan dan Tiga Puluh Lapan Sen)

TUAN PENGERUSI : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Yang berhormat Speaker. Saya merujuk kepada 114, butiran program 547000 dan 548000 bagi kod objek 17000 untuk kedua-dua bahagian itu. Bahagian imbuhan dan tahunan bantuan kewangan. Seperti mana yang kita sedia maklum yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dusun Tua berkaitan dengan pembayaran

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

PERKESO eh Sungai Tua, Dusun Tua pula. Sungai Tua kepalanya. Ok dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkaitan dengan bayaran PERKESO kepada guru KAFA. Jadi saya nak tanya bajet itu dalam bahagian mana kalau tengok dalam RM10.00 je tu, saya silap minta penerangan sikit yang saya pun tak berapa nak faham. Kalau dah ada bajet itu mesti dia masukkan dalam ini kan sepatutnya nak tahu penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Wang itu ada dalam Perbendaharaan sekarang akan di terus bayar kepada JAIS selepas ini. Dalam 1.1 juta kalau tak silap saya untuk PERKESO ini adalah permohonan baru yang kita belum sempat masukkan tapi wang itu dalam Perbendaharaan dalam yang akan kita salurkanlah yang kita dalam bajet wang PERKESO.

TUAN PENGERUSI : Lembah Jaya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Pengerusi, saya ingin menyentuh butiran 516000 muka surat 110. Kod objek 29000 Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan lain yang dibeli. Dalam tempoh PKP ini kita dapati statistik menunjukkan ada peningkatan kes penderaan domestik yang berlaku. Saya ingin bertanya pihak Jabatan Agama Islam Selangor, apakah tindakan proaktif terhadap kes-kes peningkatan kes demikian juga kes-kes berkaitan dengan mental didapati negeri Selangor telah mencatatkan kes paling tinggi berbanding dengan negeri-negeri yang lain?

TUAN PENGERUSI : Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN PENGERUSI : Pengerusi

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih Pengerusi, jadi baru-baru ini kita ada kes mungkin agak terpencil saya rujuk kepada 515000 Pendidikan Islam muka surat 109. Mungkin Pendidikan Islam ini lebih merujuk kepada Masjid dan Surau. Kita pun pernah berdepan dengan pekerja contohnya di tempat kerja, mereka dihalang daripada sembahyang waktu ataupun sembahyang Jumaat. Kita agama Islam agama persekutuan dan ramai pekerja-pekerja ini tidak tahu apa sebenarnya hukum atau pun undang-undang yang diperuntukkan di bawah JAIS atau pun Islam di negeri Selangorlah. Jadi mohon sangat kalau JAIS boleh menyebar luaskan perkara ini kepada golongan pekerja selain daripada masjid atau surau sahaja. Itu permohonan sahaja.

TUAN PENGERUSI : Taman Medan dulu.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Terima kasih Tuan Pengerusi. Susah nak sebut Medan Taman Templer selalu dapat nama.

TUAN PENGERUSI : Bagi masa Kalau tidak duduk ya.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Janganlah saya. Saya ingin menarik perhatian berhubung dengan kod objek 34000 pada butiran 505000 iaitu tentang kenderaan dan jentera. Sebagai sebuah jabatan yang berperanan dengan berperanan dengan banyak berdasarkan kepada pentadbiran, jadi saya harap kemudahan kenderaan yang ada pada JAIS itu yang banyak digunakan untuk tugas-tugas operasi dan sebagainya. Jadi dapat dipertingkatkanlah umpamanya ditambah baik terutamanya dalam proses untuk mereka melaksanakan tugas-tugas seperti yang dibuat oleh bahagian penguat kuasa JAIS umpamanya. Kalau boleh kenderaan penguat kuasa itu nampak ada tanda dia, ada siren ke, siren saya nak bubuh warna oren ke, sebab dia tak bagi letak warna hijau. Jadi supaya nampak kehadiran penguat kuasa itu dalam melaksanakan tugas-penguatkuasaan undang-undang syariah sebagai satu yang lebih efektif dan lebih berkesan. Saya bagi cadangan dan begitu juga tentang bagaimana boleh dibekalkan dengan *uniform* yang nampak hebat pada Penguin kuasa ini pada Bahagian Pembekalan yang hendak membekalkan pakaian *uniform* supaya boleh mereka menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang itu sebagai sesuatu yang nampak berkesan dan nampak digeruni. Jadi itu kenyataan yang boleh saya kongsi pada petang ini.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 108, Pentadbiran dan Kewangan, kod objek 10000 -Emolumen. Pertamanya saya nak tanya pada Kerajaan Negeri setakat ini berapa banyak buah masjid yang telah diurus tadbir mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor berkaitan dengan Emolumen pegawai-pegawai masjid tersebut dan perancangan Kerajaan Negeri tempoh hari memaklumkan akan ditambah setiap tahun sepuluh masjid akan diurus melalui proses menurut Enakmen Tadbiran Agama Islam Negeri Selangor.

Yang kedua saya nak berterima kasih kepada Kerajaan Negeri apabila mengekalkan sumbangan ataupun elauan kepada Imam, Bilal, Siak apabila ada polemik menurunkan daripada RM1430.00 kepada RM800.00. Yang itu sebenarnya sumbangan itu tidak termasuk dalam Emolumen ini. Itu adalah daripada sumbangan daripada JAKIM dan Lembaga Zakat apabila Lembaga Zakat Selangor tidak mempunyai kekuatan untuk membantu.

Dan saya nak mencadangkan supaya mungkin Kerajaan Negeri mula melihat dan mengkategorikan masjid-masjid yang ada di Negeri Selangor ini. Saya dapati masjid-

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

masjid di Negeri Selangor ini ada sebahagian besarnya terutamanya di *Klang Valley* ini yang mempunyai jumlah kutipan Jumaatnya begitu besar. Kadang-kadang sampai RM5,000, RM6,000, RM8,000, RM10,000 sebulan kutipan Jumaatnya dan kutipan tabung-tabung yang lain. Yang ini mungkin ada yang agak pendapatannya susah juga kalau di luar bandar seperti daerah-daerah yang masih lagi di luar kawasan pembangunan. Cuma mungkin di samping itu juga Kerajaan Negeri boleh membuat satu garis panduan kalau saya lihat RM1,430 untuk tiga orang Imam, Bilal, Siak ni untuk sebagai elauan walaupun mungkin sebahagiannya hanya sebagai sumbangan mereka untuk memberikan sedikit khidmat kepada masjid tapi saya lihat sebahagian besarnya juga kadang-kadang itu juga lah pendapatan dia. Saya ingat kalau boleh difikirkan melalui garis panduan yang kita lihat kategori masjid ini sumbangan sebahagiannya adalah masjid. Contohnya katakan Bilal kita bagi sumbangan RM800 ataupun RM1,000 mungkin sebahagian daripada Kerajaan Negeri melalui Lembaga Zakat, ataupun daripada JAKIM dan sebahagiannya ditanggung daripada masjid, mungkin kalau masjid yang tidak berkemampuan dia tidak memberi sumbangan. Jadi saya ingat itu di antara yang boleh kita mempertingkatkan atau mungkin kita boleh selaraskan satu Selangor kita letakkan RM800 untuk Bilal ataupun Siak, jumlah yang sama. Walaupun dalam tempoh PKP ini saya lihat keperluannya sama, masjid perlu dijaga, masjid perlu diuruskan. Kekotoran, kebersihan dan sebagainya perlu diuruskan tak boleh ditinggal begitu sahaja. Jadi saya mengharapkan dapat pertimbangan dari Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : PM 14 Jabatan Agama Islam Selangor muka surat 110 Kod Objek 51600 dan 2900 Undang-undang Keluarga ya. Undang-undang Keluarga ini tidak melibatkan Mahkamah Syariah ya. Undang-undang Keluarga? Jadi saya menyeru agar saki baki kes-kes yang ditangani oleh Jabatan Agama, JAIS dapat diselesaikan dengan Mahkamah Syariah menerusi kes-kes tertunggak pada wanita-wanita yang berstatus dicerai, ibu tunggal dan ibu tinggal pun ada, kes anak-anak saraan, nafkah anak-anak yang ditanggung oleh bekas isteri, 5 orang, 6 orang. Amat menyedihkan kita kerana Negeri Selangor, negeri yang adil, saksama bagi semua dan kita elakkan lah manusia, lelaki yang tidak bertanggungjawab dan sebagainya menganiaya wanita-wanita. Jadi itu perlu kita kemaskan. Kita nak kalau boleh Ahli-ahli Dewan Negeri mengambil tahu kes ini. Islam tak Islam pun kita ambil tahu, sebab kita tahu kesejahteraan keluarga itu besar maknanya bagi kesejahteraan Negeri Selangor.

Kemudian saya ingin membawa Butiran Program nombor 1700 muka surat 110 – Dakwah. Kod objek 2900 – Perkhidmatan Yang Dibeli. Ini berkaitan dengan kes lama iaitu kes dakwah ini berkaitan dengan tauliah. Saya bukan nak usik tapi saya nak gambarkan bahawa saya ingin melihat Selangor, negeri saya ini negeri yang *very dakwah friendly and doa' friendly*. Pendakwah *friendly* dan mesra pendakwah yang mengiktiraf ada kelulusan agama melalui *PhD* dia, *Master* dia, dia punya *Degree* dari

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

India ke, dari Pakistan ke, Jordan ke ataupun di Malaysia sendiri diiktiraf, dialu-alukan, dapat seorang yang berkelulusan agama, berderu-deru kakitangan dan keluarga JAIS datang menyerahkan borang, galakkan isi borang untuk mengisi borang untuk mendapat tauliah. Saya menanti saat dan ketika ini dan saya masih lagi merasakan yang dia dan yang popularnya ialah susah nak pergi, susah nak dapat.

Seterusnya saya ingin membawa ke muka surat 113 Butiran Program - ILDAS. Kod objek 29000. ILDAS ni pusat latihan. ADUN ni kita mesra dengan rakyat, kita bantu program-program JAIS, program-program masjid, surau, komuniti, sekolah, SERAI dan sebagainya dan saya rasa kami nak zahir kan hubungan dan kita kalau boleh dibenarkan kami adakan lah satu program bagaimana interaksi di antara warga JAIS, kakitangan sekolah-sekolah dengan ADUN. Bukan politik tetapi isunya bagaimana kita nak menzahirkan satu model kepimpinan, kemesraan di antara pemimpin, Wakil Rakyat dan kakitangan Jabatan Agama Islam. Jadi itu hasrat saya dan kalau boleh di pakej kan bagaimana kan contohnya program bertauliahan ini ada silibus nya, dibangunkan programnya, orang pergi masjid dia mesti sistematik. Saya pernah bertugas sebagai konsultan di masjid-masjid Singapura dan Brunei. Jabatan Perdana Menteri Brunei, Pejabat Mufti, MUIS, Majlis Agama Islam Singapura, saya diberi peluang agak luas untuk memberikan cadangan tentang bagaimana nak membina mesra masyarakat masjid melalui program-program ini. Jadi saya rasakan benda ini kita perlu wujudkan di Selangor di mana Singapura tu boleh dikatakan masjid yang terbaik diurus tadbir di Singapura. Jadi kita rasa banyak mereka boleh belajar di situ dan saya rasa Selangor boleh buat lebih baik dari itu. Terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya mohon maaf dahulu ya, tadi tertinggal ya. Bagi Butiran Program 517000 Dakwah muka surat 110. Berkaitan dengan isu Tauliah di bawah Dakwah ni kalau kita lihat hari ini tak sebelum PKP hari ni tak ada lah. Kebanyakan penceramah-penceramah di masjid-masjid di Negeri Selangor adalah mereka yang tidak bertauliahan dan antara faktornya dari segi penguatkuasaannya, pemantauannya tu amat kurang. Daripada pihak Jabatan sendiri dan betul-betul kita mengharapkan laporan daripada awam untuk kita mengenal pasti penceramah-penceramah tersebut yang mana bagi saya yang lebih malang penceramah-penceramah atau *asatizah* menjadikan masjid dan surau ini sebagai *platform* untuk berpolitik. Kalau kita melihat kepada titah Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor sendiri tidak membenarkan masjid, surau dijadikan pentas untuk politik. Tetapi satu perkara yang amat menghairankan dilihat ketika ini khususnya ADUN-ADUN yang mempunyai tauliah di dalam Dewan ini yang mulia ini mesti ada, saya difahamkan ada tiga orang Wakil Rakyat yang ada tauliah, tak termasuk saya sendiri tapi kita sendiri tak boleh mengajar di masjid. Kita sendiri tak dibenarkan mengajar di masjid atas alasan politik tapi mereka yang bertanding pilihan raya yang kalah, dengan sewenang-wenangnya boleh mengajar di masjid secara terbuka dan menghentam Kerajaan juga. Jadi yang lebih

teruk lagi orang kata membawa ajaran yang tidak betul, yang tidak ada dalam ajaran agama kita, seolah-olah tak ada kawalan langsung dan menjadi masjid itu betul-betul menjadi medan berpolitik pula. Memburukkan kerajaan, memburukkan perangai di mana masjid sepatutnya menjadi satu tempat menyatukan umat bukan untuk menjadi tempat memecah belah kan umat. Ini satu perkara yang saya rasa mendapat perhatian serius dan saya sendiri mendapat makluman daripada sahabat saya Yang Berhormat Taman Medan, hilang pula dia. Nama dia dalam sistem sebagai orang yang ada tauliah pun dah tak ada dan tidak disambung. Tidak disambung sebagai orang yang boleh mengajar di masjid-masjid. Itu satu perkara yang pelik seperti saya sendiri di Meru, belas tahun saya mengajar di Masjid As-Sharif tu tetapi disebabkan politik, bukan sekadar nak jemput, program pun tak diajak bersama di dalam masjid yang mana agak menyukarkan pihak kita nak menyampaikan maklumat-maklumat dan saya sendiri pernah diugut sebenarnya. Kalau Yang Berhormat mengajar, kami tangkap. Ini daripada Pegawai, saya tak ingat Pegawai Pejabat Daerah Agama Islam Klang pada tahun lepas. Saya kata sila nak tangkap saya, silakan. Saya ada tauliah mengajar dan saya bukan nak berpolitik dalam masjid, untuk buat program, bagi sumbangan dan sebagainya, tak kan itu pun menjadi satu kesalahan. Jadi benda ini pada saya sangat serius dan tak memberikan gambaran yang tidak baik bukan sahaja menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam, tetapi yang lebih malang lagi menjadi orang kata markas politik pula, masjid dan surau ini yang sepatutnya tidak boleh berlaku di negeri kita dan secara halusnya boleh saya katakan mereka ingkar arahan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sendiri dan menjadikan masjid dan surau sebagai medan untuk berpolitik. Tetapi menuduh pihak kerajaan pula yang berpolitik di masjid. Ini bagi saya satu perkara yang tidak tepat dan saya terpaksa menyuarakan perkara ini dalam Dewan dan saya bimbang saya tak ada peluang nak sampaikan maklumat ini ke Istana. Saya tak ada peluang dan ruang untuk sampaikan ke MAIS. Jadi saya sampaikan di dalam Dewan ni supaya pihak-pihak yang berkenaan boleh sampaikan maklumat yang tepat apa yang berlaku di bawah sebenarnya. Apa yang berlaku, kalau di masjid tu, untuk makluman Yang Berhormat sekalian, yang menentukan siapa yang boleh memberi ceramah atau tidak adalah siapa yang pegang Biro Dakwah dalam Jawatankuasa, Jawatankuasa Masjid atau Jawatankuasa Surau. Itu yang akan *control*/siapa yang boleh dijemput atau siapa yang tak boleh dijemput. Yang lebih saya menghairankan, saya minta kepastian lepas ni saya dengar-dengar kuliah melalui *online* pun perlu ada tauliah. Itu lagi pening kalau saya mengajar kat Putrajaya adakah saya kalau tidak ada tauliah saya kena berhentikan. Sebab yang mendengarnya adalah rakyat Selangor.

Jadi perkara ini satu perkara yang agak pelik sedangkan perkara yang menjadi asas yang perlu kita selesaikan dulu kita tak selesaikan, macam mana saya bangkitkan dalam Perbahasan yang lepas contoh fungsi masjid dan sebagainya. Hari ni minta maaf walaupun Yang Berhormat Sungai Kandis telah menerangkan sebelum buat keputusan tentang SOP masjid dan sebagainya telah dibincangkan dengan Jabatan Mufti, dibincangkan dengan Pejabat Agama, Kementerian Kesihatan dan sebagainya tapi saya mewakili suara rakyat yang kami ni nak ke masjid sebenarnya dan saya

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

tengok orang yang ke masjid ni orang-orang yang akan patuh kepada SOP, yang akan ikut kepada SOP dan soal petugas tak timbul masalah. Sebab sebagai orang Islam, saya cukup yakin rumah Allah ini ada keberkatan dan kesuciannya yang kita kena jaga. Kalau lebih malang, maaf saya sebut yang berpendidikan agama sendiri tidak faham tentang perkara ini saya tak tahu apa keyakinan dia kepada agama Allah Taala ini. Sebab ini bukan soal main-main, saya takut timbul satu budaya orang tidak mau mempedulikan masjid lagi. Orang tak rasa tak hairan macam hari ini orang tak pergi sembahyang pun tak rasa apa. Sedangkan sebagai orang Islam solat ni tiang agama, apa-apa pun solat, baik macam mana pun kamu hidup di dunia ni kalau kamu tak dirikan solat segala amalan kamu ditolak oleh Allah S.W.T. Dan saya merayu mengambil kesempatan di sini kepada mereka yang berwajib untuk sampaikan pada mereka yang ada kuasa untuk menyemak kembali untuk menghalang aktiviti-aktiviti masjid ini daripada terhalang sebab kita bimbang akan melahirkan generasi yang jauh daripada agama. Hari ni dah la nak dengar kuliah pun susah, kalau betul pula lepas ni melalui *online* terpaksa ada tauliah lagi satu masalah dan apabila kita sebagai wakil rakyat sendiri tak ada ruang dan peluang untuk menyebarkan agama Allah Taala yang suci ni juga satu masalah besar akan datang. Kalau berkaitan tauliah tadi disebabkan atas sebab kekurangan kakitangan dan sebagainya untuk memantau mungkin boleh ditambahkan *budget* ataupun perkhususan untuk melantik pegawai yang boleh memantau penceramah-penceramah ini. Ustaz-ustaz ini daripada menyebarkan maklumat yang tidak tepat dan menyesatkan dan memecahkan masyarakat keseluruhannya... terima kasih.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Tambahan sikit.

TUAN PENGERUSI : Tadi sudah bahas belum tadi? Belum ya..silakan.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Dalam tajuk yang sama Pengerusi ..ADUN, JAIS kita Kerajaan Negeri yang patut bekerjasama.. Persepsi terutamanya masjid-masjid ini ataupun jawatankuasa ataupun Nazir ni mereka beranggapan bahawa wakil-wakil rakyat ini adalah fungsi politik dia kata ini orang politik bila politik bila politik tak boleh masuk dalam masjid padahal kadang-kadang kita ni nak mempromosikan program-program IPR. Saya tak nampak tuan pengurus kalau kita jais, dapat memberi penjelasan kepada jawatankuasa masjid dan surau bahawa adun-adun nak promosikan program kerajaan negeri tidak ada kaitan dengan politik jadi saya berharap sangatlah pihak jais dapat membantu adun-adun yang Islam yang bukan Islam kita nak mempromosikan perkara ini saya harap boleh dipanjangkan kepada dakwah ni kepada masjid-masjid dan surau-surau ..sekian.

TUAN PENGERUSI : Pihak kerajaan.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI AHMAD MUGHNI : Terima kasih Tuan pengerusi dan semua ahli-ahli dewan yang mengambil bahagian dalam membuat pertanyaan tentang belanja mengurus jabatan Agama Islam Selangor saya kira ada

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

lebih daripada sepuluh orang yang mengambil bahagian dan banyak perkara-perkara yang dibangkitkan dan pertamanya berkaitan dengan isu kesihatan mental yang dibangkitkan oleh lembah jaya. Kita ambil maklum tentang perkara-perkara yang berlaku PKP dan khususnya berkaitan dengan kesihatan mental. InsyaaAllah ke depan kita akan menggerakkan pusat kaunseling di masjid-masjid sebagai salah satu inisiatif untuk membantu masyarakat khususnya pasangan dan juga golongan belia bagi menangani masalah stress kemurungan dan sebagainya. Kemudian berkenaan dengan kes halangan untuk solat fardu dan solat Jumaat InsyaaAllah kita akan memberikan penerangan daripada masa ke semasa kepada majikan-majikan dan juga pekerja berkenaan dengan hak masing-masing untuk menunaikan solat fardu dan solat Jumaat. Kemudian dibangkitkan tentang kenderaan dan jentera yang perlu ditambah baik InsyaaAllah kedepan kita akan ambil maklum tentang syor dan cadangan yang diutarakan ini dan berkenan uniform juga ada cadangan dan InsyaaAllah kalau tidak tahun berikutnya lah tentang naiktaraf penguat kuasa JAIS kemudian berkenaan dengan Sijangkang membangkitkan tentang berkongsi manfaat ataupun kongsi sumbangan daripada masjid-masjid memang ada cadangan untuk membantu masjid-masjid luar bandar yang kurang berkemampuan dan sedang dalam peringkat akhir pelaksanaan. Seterusnya berkenaan dengan insentif dan juga tambahan kepada staf sokongan bilal, siak dan sebagainya sepanjang PKP ni mengambil maklum dan akan dipanjangkan kepada agensi berkenaan. Seterusnya berkenaan dengan tauliah yang banyak tadi oleh Meru dan sapa lagi tadi..Hulu Kelang..tauliah ini tujuan asalnya ialah untuk memastikan bahawa yang benar-benar ataupun yang disampaikan dimasjid itu tidak membawa ajaran sesat tidak membawa ajaran yang bertentangan seperti syiaah dan sebagainya. Saya percaya bahawa maqasid daripada tujuan pentauliah ini adalah untuk menimbulkan suasana yang harmoni dan aman di masjid. Dan yang dibangkitkan tentang ahli-ahli politik tidak mendapat tauliah ini ataupun tauliah ini saya ambil maklum dan saya akan rujuk kepada pihak berkenaan untuk maklumat lanjut dan InsyaaAllah saya akan panjangkan kepada yang berkenaan tentang perkara yang dibangkitkan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya punya isu adalah kita nak semarakkan Selangor sebagai negeri yang prodakwah sayang mesra pada pendakwah jadi ada anak-anak lepas universiti Degree, PHD atau Master ke galakkan isi borang daftarkan dia. Nampak mudahkan dia boleh sampai tahap berdakwah latih dia sampai dia dai sampai Ustaz Zawawi...

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI AHMAD MUGHNI : Saya setuju dengan yang dibangkitkan dengan Hulu Kelang dengan menggalakkan ilmuan-ilmuan kita terutamanya yang baru tamat daripada pengajian sama ada dalam negara luar negara untuk memohon tauliah ye kerana ruang dan tempatnya pelbagai kita akan dapat ramai lagi contohnya kita ada atas IKTISAS Selangor yang sekarang ini mereka sudah mula bergerak secara *online* sebab sekarang musim PKP dan juga kepada graduan-graduan yang belum ataupun mungkin juga yang lain-lain tak semestinya dalam bukan bidang agama sebab boleh bercakap tentang ekonomi bercakap tentang

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

motivasi bercakap pembangunan insani di masjid cuma perlu ada tauliah ada kategori dia ..ada a b c dan d sekian terima kasih.

TUAN PENGERUSI : Jadual B.14 – iaitu wang sejumlah RM277,781,938.38 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tujuh Puluh Tujuh Juta Tujuh Ratus Lapan Puluh Satu Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh Lapan Dan Tiga Puluh Lapan Sen) untuk Kepala B.14 Jabatan Agama Islam Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui..

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat. RM21,044,057.04 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Satu Juta Empat Puluh Empat Ribu Dan Lima Puluh Tujuh Dan Empat Sen)

TUAN PENGERUSI : Jadual B.15 –

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Ada kes Hulu Kelang ini berkenaan dengan kemudahan kita dah maju negeri maju orang mesra setengah daripada mereka yang mohon mendapat bantuan JKM ni menunggu lama kalau boleh dilayanlah dengan mesra hantar surat maklumkan bagi tahu dan sekiranya lulus jangan suruh dia pergi datang pejabat isi borang sebagainya mujur dia ada ADUN telefon isteri ADUN, ADUN pun datang kaki dia dah nak kena potong dia diabetis, jadi terpaksalah saya menyuruh suruh pengurus khidmat DUN pergi isi borang bagi pihak dia kena bayar duit bagi pihak JKM dulu bagi dia untuk buka akaun. Benda ini kita kena *telemate* juga walaupun jabatan kita ni *establish* peraturan tapi kita kena ada human touch. JKM perlu mengambil kira perkara-perkara begini pemohon bantuan dalam keadaan sangat sakit parah, diminta juga pergi kalau tidak tak boleh buka akaun . ambil maklum perkara ini.

TUAN PENGERUSI : Pihak kerajaan

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih kepada yang Berhormat Hulu Kelang saya percaya perkara-perkara begini baru saya baru dapat amanat ini, bagaimanapun kes-kes terpencil begitu boleh rujuk pejabat saya akan saya kendalikan sama-sama.

TUAN PENGERUSI : Jadual B.15 – iaitu wang sejumlah RM21,044,057.04 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Satu Juta Empat Puluh Empat Ribu Dan Lima Puluh Tujuh Dan Empat Sen) untuk Kepala B.15 Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Dipersetujui..

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.16 – Jabatan Perancang Bandar dan Desa, RM9,146,657.03 (Ringgit Malaysia Sembilan Juta Satu Ratus Empat puluh Enam Ribu Enam Ratus Lima Puluh Tujuh dan Tiga Sen)

TUAN PENGURUSI : Jadual B.16..Hulu Kelang...

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : B.16 jabatan perancangan bandar dan desa muka surat 122 vot 505 kot emolumen 10 ribu ini berkaitan dengan perkembangan yang berkaitan dengan Permatang Kuartzia pendaftarannya sebagai warisan negara katanya sudah di tarik balik tetapi sudah ada arahan daripada Jabatan Hutan untuk menghalang mereka yang mendaki tanpa izin untuk mendaki kawasan tersebut keselamatan pada masa yang sama Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa telah memulakan pendaftaran sebuah geopark bermula di Bukit Tabur iaitu saya sendiri menghalang penggunaan perjalanan ini saya telah menghantar surat pada Dato' Menteri Besar menyatakan sokongan penduduk Hulu Kelang kedua-duanya dipohon serentak walaupun geopark ini sesuatu yang baik tapi dia tidak sepatutnya menamatkan usaha kita untuk mendaftar kelayakan yang sepatutnya bagi Permatang Kuartzia dan Bukit Tabur apa yang dikatakan warisan nasional ataupun warisan dunia dengan itu saya menyeru dan memohon kerajaan menentukan *quali short* sama ada Jabatan Bandar atau Jabatan Hutan kawasan itu didatangi oleh cara terkawal dan berpandu oleh untuk menaiki bukit di situ untuk meneruskan minat penduduk tentang Bukit Tabur dan bandar Kuartzia..terima kasih.

TUAN PENGURUSI : Silakan pihak kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Hulu Kelang untuk Permatang Kuartzia ini pada tahun 2017, pihak Perancang Bandar dan Desa atau namanya sekarang PLAN Malaysia di Selangor telah membawakan satu kajian sama ada untuk mendaftarkannya *world heritage* kita pernah ada *world heritage* seperti Melaka dan juga Georgetown dan juga Gua Mulu di Sarawak. Namun daripada kajian daripada kajian dari pakar ia tidak menepati lagi kerana belum matang dan belum terlalu istimewa untuk diangkat menjadi *world heritage* sebab itu tarafnya di turunkan kepada *geopark*. Apabila kawasan-kawasan *geopark* antara yang tempat adalah Langkawi adalah kawasan *geopark* bermakna boleh dibangunkan pembangunan tetapi ada had-had tertentu ada ruangan tertentu termasuk untuk aktiviti pelancongan dan sebagainya. Justeru untuk pendaftaran dan juga permohonan *geopark* ini ia teruskan oleh JPBD sebagai agen pelaksana dan jabatan hutan akan membantu dan sampai masa tertentu mungkin dalam 50-60 tahun daripada sekarang ia boleh didaftarkan sebagai warisan dunia sebagaimana yang berlaku di tempat lain. Jadi itu keadaan dan kondisinya tapi pendaftaran sebagai *geopark* pun saya rasa satu perkara yang agak baik dan bagus yang boleh menaikkan mutu dan kualiti dan kalau kita lihat Langkawi ye ramai orang pergi Langkawi pergi *shopping* beli pinggan mangkuk tetapi *geoparknya* dikeliling kawasan-kawasan itu adalah kawasan-kawasan yang baik tepat pukul 4:30.

05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

TUAN PENGERUSI : Jadual B.16 iaitu wang sejumlah RM9,146,657.03 (Ringgit Malaysia Sembilan Juta Satu Ratus Empat puluh Enam Ribu Enam Ratus Lima Puluh Tujuh dan Tiga Sen) untuk kepala B.16 Jabatan Perancang Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Dipersetujui..

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dewan perlu bersidang semula, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 4:30 petang dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga hari esok 6hb 11 2020 hari Jumaat jam 9:30 pagi dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)